

**DEWAN NEGARA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGKAL PERTAMA
MESYUARAT PERTAMA**

Bil. 5

Rabu

29 Ogos 2018

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

USUL:

Menjunjung Kasih Titah
Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong
- *YB Senator Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty* (Halaman 29)

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGGAL PERTAMA
MESYUARAT PERTAMA
Rabu, 29 Ogos 2018
Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi
DOA

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Timbalan Yang di-Pertua: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya hormati dan saya ingin mengumumkan bahawa petang semalam saya sangat gembira kerana setiap Ahli-ahli Yang Berhormat sudah pun bercakap dan isi-isinya sangat baik untuk saya ingatkan. Saya ingat ramai antaranya berpaksi kepada kasih sayang sahaja. Bak kata pantun orang Melayu.

*Minum air kelapa muda,
Kelapa dipungut dari selatan,
Berikan kasih kepada yang muda,
Pada yang tua diberikan penghormatan... [Tepuk]*

Itu dia paksi kasih sayang itu hormat-menghormati.

Ahli Yang Berhormat yang dihormati sekalian saya nak mulakan dengan pertanyaan Jawab Lisan. Saya mulakan dengan nombor 1. Minta Yang Berhormat Puan Bathmavathi Krishnan. Silakan.

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. Puan Bathmavathi Krishnan minta Menteri Pendidikan menyatakan, sama ada kementerian dapat bekerjasama dengan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam untuk memudahkan graduan OKU dari IPTA mengisi sebahagian daripada 16,000 jawatan di perkhidmatan awam yang dijanjikan untuk OKU di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas.

Timbalan Menteri Pendidikan [Puan Teo Nie Ching]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Senator, Kementerian Pendidikan Malaysia sentiasa mengambil berat kebijakan golongan OKU agar mempunyai peluang yang sama rata untuk melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi dan disediakan persekitaran pembelajaran yang kondusif.

Ini seterusnya membolehkan pelajar OKU memperoleh kecemerlangan akademik dan mampu bersaing di pasaran kerja terbuka bukan sahaja di sektor awam malah di sektor swasta juga. Matlamat ini selaras dengan objektif Pelan Tindakan Orang Kurang Upaya 2016-2022 yang diterajui oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Teras Strategik Tiga yang memberi fokus kepada meningkatkan akses OKU kepada pendidikan. Bagi tujuan menggalakkan kemasukan calon pelajar OKU ke peringkat pendidikan tinggi, KPM telah menyediakan laluan khas dan bagi sesi akademik 2018-2019 sebanyak 88.5 peratus calon OKU lepasan STPM dan setaraf yang memohon kemasukan ke IPTA telah ditawarkan penempatan.

Dalam usaha untuk menyediakan kemudahan fasiliti yang kondusif semua pelaksanaan projek pembangunan fizikal kementerian sama ada pembinaan baharu atau naik taraf di universiti awam turut mengambil kira keperluan OKU seperti kemudahan awam mesra OKU yang disediakan adalah seperti lif, laluan khas OKU, kawasan parkir kereta dan motosikal, tandas dan *ramp*.

Di samping itu, universiti awam turut menubuhkan Unit Pengurusan Siswa OKU yang berperanan dari segi pengurusan pelajar OKU kebolehcapaian bangunan dan persekitaran kampus, kemudahan pembelajaran serta khidmat sokongan serta kualiti hidup dan persediaan kerjaya.

Dalam usaha memastikan pelajar OKU mendapat pendedahan awal berkaitan situasi bidang pekerjaan yang sebenar, KPM dan UA telah mengadakan pelbagai program antaranya kampus siapkan kerjaya mahasiswa OKU kebangsaan yang melibatkan semua OKU di UA, Hari Kerjaya OKU yang dianjurkan oleh Universiti Malaya yang melibatkan mahasiswa OKU di semua UA, program kaunseling kelompok pelajar OKU yang dijalankan di semua IPT, Pesta Kerjaya yang dilaksanakan di semua IPT melibatkan semua mahasiswa IPT termasuklah mahasiswa OKU dan Simposium Mahasiswa OKU.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator juga kerajaan telah menetapkan dasar memperuntukkan satu peratus peluang pekerjaan dalam perkhidmatan awam kepada orang kurang upaya yang meliputi pelantikan secara tetap, sementara, kontrak atau apa-apa kaedah pelantikan yang berkuat kuasa. Dalam hal ini KPM sentiasa bekerjasama secara berterusan dengan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA) sebagai salah sebuah pihak berkuasa melantik di peringkat Persekutuan. KPM sentiasa menyokong saranan SPA supaya

kementerian, jabatan, pentadbiran kerajaan negeri yang berada di bawah bidang kuasanya agar mempertingkatkan peluang golongan OKU mengisi kekosongan jawatan di agensi masing-masing.

SPA telah mengambil langkah proaktif dalam pengambilan calon OKU dengan hanya menetapkan tapisan yang minimum iaitu mana-mana calon OKU yang memenuhi syarat skim perkhidmatan akan terus dipanggil temu duga bagi jawatan-jawatan yang tidak melibatkan urusan pemeriksaan dan *assessment centre*, dengan izin, mengikut syarat skim perkhidmatan. Jawatan-jawatan yang tidak memerlukan syarat-syarat fizikal boleh dipertimbangkan untuk golongan OKU yang berkelayakan memandangkan mereka juga melakukan tugas-tugas yang dipertanggungjawabkan sebagaimana rakan-rakan normal yang lain. Ini bagi memastikan golongan OKU mendapat peluang yang adil dan saksama dan seterusnya memastikan dasar pelantikan satu peratus OKU dapat dilaksanakan sepenuhnya.

■1010

Terdapat peningkatan bilangan OKU yang dilantik oleh SPA iaitu pada tahun 2016, seramai 0.06 peratus atau 40 orang OKU daripada 57,686 orang penjawat awam yang dilantik. Peratusan ini meningkat kepada 0.17 peratus ataupun 59 OKU daripada 24,460 orang bagi tahun 2017. Manakala bagi tahun 2018, peratusan ini terus menunjukkan peningkatan iaitu sebanyak 0.31 peratus atau 71 orang OKU dilantik daripada 22,704 orang penjawat awam yang dilantik. Sekian sahaja. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Puan Bathmavathi Krishnan: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya adalah, apakah persiapan yang dibuat dan tindakan-tindakan yang diambil oleh kementerian untuk memastikan bahawa Bahasa Isyarat Malaysia (BIM) yang diiktiraf sebagai bahasa rasmi OKU pendengaran di bawah Akta OKU 2008 itu diajar di sekolah-sekolah?

Puan Teo Nie Ching: Saya hendak mohon maaf di sini kerana untuk soalan itu, saya tidak ada data yang spesifik dalam jawapan saya. Akan tetapi untuk membantu OKU-OKU yang ada masalah pendengaran, memang kita ada kerjasama dengan SPA di mana OKU pendengaran, mata pelajaran Bahasa Malaysia itu mereka hanya perlu dapat lulus dan bukan diwajibkan untuk mendapat kelulusan kredit. Itu antara kerjasama di antara SPA dengan KPM untuk memperluaskan peluang pekerjaan bagi golongan OKU.

Akan tetapi untuk soalan tersebut, saya rasa *a little bit* di luar skop tentang peluang pekerjaan untuk golongan OKU ini, tetapi saya akan sediakan jawapan bertulis untuk Yang Berhormat Senator. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya mohon penjelasan lanjut mengenai kerjasama di antara

kementerian dengan SPA. Ini kerana pemahaman saya, walaupun di Malaysia mempunyai akta khusus untuk golongan 'kelainan' upaya- saya tidak panggil 'kurang' upaya. Saya dibetulkan oleh anak saya. Kebetulan dia OKU.

Sebenarnya di Malaysia, saya rasa masalahnya ialah aspek pendidikan, aspek kesihatan dan aspek kebajikan ialah satu perkara yang terpisah-pisah. Pendidikan, contohnya kalau di Malaysia, untuk pendidikan awal, Jabatan Kebajikan Masyarakat, pendidikan tinggi, MoE. Perkara itu terpisah-pisah.

Jadi saya rasa Yang Berhormat Timbalan Menteri, bersetuju ataupun tidak mungkin tiba masanya kita mengambil pendekatan seperti di negara Malta, contohnya. Dia ada *Commission for the Rights of Persons with Disability* yang mana dia bukan sahaja bekerjasama, dia mengambil pendekatan *enforcement*. Maksudnya, untuk memastikan hak orang kelainan upaya ini, Tuan Yang di-Pertua, supaya ia bukan token. *It is no more tokenism*. Dia merupakan hak seperti yang dijanjikan di bawah Artikel 8, Perlembagaan Persekutuan.

Jadi permohonan saya, adakah kita masih lagi di tahap bekerjasama ataupun kita perlu ke tahap yang lebih tinggi, agar kerjasama itu dapat direalisasikan dengan lebih menjamin hak orang kelainan upaya? Itu mohon penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Puan Teo Nie Ching: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Senator atas soalan tambahan tersebut. Bagi pihak KPM, saya rasa kita memang mementingkan iaitu memperluaskan peluang untuk pendidikan dan juga kerjaya untuk golongan OKU.

Jadi setakat itu, kerjasama di antara kementerian memang selalu diadakan. Kita selalu menerima nasihat dan juga cadangan daripada agensi-agensi yang lain seperti kita sekarang memang ada satu usaha untuk memastikan bahawa kita boleh menyediakan satu *environment conducive* untuk pelajar-pelajar OKU kita, di mana kita berhasrat untuk menyediakan kemudahan-kemudahan yang *OKU friendly* di semua sekolah yang kita boleh memberi pendidikan kepada pelajar-pelajar OKU.

Kita berhasrat untuk menyediakan tandas OKU, susur landas- *ramp*, susur tangan-*handrail*, dan juga *parking* OKU. Dan kos untuk setiap sekolah adalah lebih kurang RM100,000 untuk menyediakan fasiliti tersebut. KPM setakat ini, setelah mengadakan perbincangan dengan agensi-agensi yang lain, kita memang berhasrat untuk memperluaskan lagi kemudahan *OKU friendly* ini di semua sekolah.

Selain daripada itu, untuk memastikan bahawa kita boleh menyediakan peluang kerjaya kepada golongan OKU, KPM juga sentiasa mempunyai perbincangan dan juga *discussion* di antara Kementerian Tenaga Manusia supaya kita boleh menyediakan

pendidikan TVET kepada golongan ini untuk memastikan bahawa bukan sahaja golongan OKU ini boleh ada akses untuk sektor awam tetapi juga di sektor swasta.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, kita boleh nampak satu peningkatan bahawa sejak tahun 2014, bagi kolej komuniti, enrolmen pelajar Sijil Kemahiran Khas adalah seramai 135 orang tetapi telah meningkat kepada 149 orang pada tahun ini, dan juga di politeknik, pada tahun 2014, enrolmen pelajar Sijil Kemahiran Khas adalah 179 orang, dan pada tahun ini, enrolmen kita telah meningkat kepada 205 orang. Jadi saya rasa kerjasama di antara agensi dan juga di antara kementerian ini sentiasa diadakan dan sentiasa diperkukuhkan lagi supaya kita memang berhasrat bahawa kita boleh menyediakan peluang yang saksama, yang sama rata kepada golongan OKU ini supaya mereka boleh berdikari pada masa yang akan datang. Sekian sahaja jawapan saya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

2. Datuk Paul Igai minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan, rakyat di kawasan pekan di bahagian Kapit selalunya ditimpa masalah gangguan perkhidmatan air bersih dari loji yang sedia ada. Apakah tindakan kementerian setakat ini?

Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar [Tuan Sivarasa Rasiah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai atas soalan yang diberikan.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator dan Dewan yang mulia ini, bagi masalah gangguan bekalan air di kawasan penduduk pekan Kapit, perkara ini boleh dirujuk dengan pihak berkuasa air negeri iaitu Jabatan Bekalan Air Luar Bandar Sarawak memandangkan ia termasuk dalam skop pengoperasian dan penyelenggaraan pihak berkuasa air negeri yang berkenaan.

Walau bagaimanapun, pihak kementerian juga sedang dalam proses melaksanakan projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) kawasan Kapit yang melibatkan anggaran kos berjumlah RM104 juta yang akan memberi manfaat kepada 1,010 bilangan rumah. Skop projek Tuan Yang di-Pertua, adalah seperti berikut:

- (i) pemasangan paip pelbagai jenis dan saiz sepanjang 81 kilometer;
- (ii) pembinaan sebuah loji berkapasiti 12 juta liter per hari (GLH);
- (iii) pembinaan lapan buah tangki air aras tinggi dan rendah; dan
- (iv) pembinaan empat buah stesen pam penggalak.

Projek ini adalah dalam status reka bentuk buat masa sekarang dan Makmal Pengurusan Nilai (VML) bagi pihak projek ini dicadangkan untuk dilaksanakan pada bulan Oktober 2018. Projek ini juga perlu melalui Makmal Kejuruteraan Nilai (VEL) sebelum boleh di tender secara terbuka. Proses tender terbuka bagi projek ini dijangka akan dapat

dilaksanakan pada bulan September 2019. Inilah tarikh paling lewat dan kita harap boleh dibuat lebih awal kalau boleh.

Projek BALB kawasan Kapit ini akan dapat membantu pihak penduduk dalam mengatasi masalah bekalan air serta memberi manfaat kepada pengguna baru yang masih belum mendapat bekalan air terawat. Sekian, terima kasih.

Datuk Paul Igai: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Jawapan yang sangat baik. Akan tetapi saya ada satu soalan. Baru-baru ini kita difahamkan negeri Sarawak, Ketua Menteri kita di sana meluluskan RM2 bilion untuk mengubahsuai ataupun mengatasi masalah ini.

■1020

Saya hendak minta penjelasan, adakah sekarang ada koordinasi bagi pihak Kerajaan Negeri Sarawak dengan Persekutuan tentang hal ini? RM2 bilion yang sudah diluluskan oleh Negeri Sarawak adakah RM2 bilion ini akan di-*reimburse*, dengan izinnya.

Tuan Sivarasa Rasiah: Terima kasih Yang Berhormat Senator atas soalan tambahan itu. Secara rasmi kementerian belum diberitahu tentang peruntukan RM2 bilion ini yang disebut tadi oleh Yang Berhormat Senator. Secara kebetulan satu dua minggu lalu, saya juga dengar secara tidak rasmi angka yang berlainan iaitu RM1 bilion.

Akan tetapi yang secara hakikat kita belum diberitahu secara rasmi. Jadi, isu koordinasi belum berbangkit lagi sehingga ini akan dihubungi secara rasmi kepada kementerian dan bagi saya, saya akan rujuk perkara ini juga kepada Yang Berhormat Menteri ya, menteri kementerian. Kalau itu lah hasrat Kerajaan Negeri Sarawak untuk bekerjasama atas hal ini saya rasa tidak ada apa-apa masalah. Isu koordinasi dan isu bayaran balik atau *reimburse* pun akan dibincangkan, boleh dibincangkan. Sekian, terima kasih.

Datuk Paul Igai: Saya hendak mencelah sedikit ya. Saya tadi cakap perkataan RM2 bilion tetapi RM2 bilion ini untuk bekalan air dengan elektrik. *Sorry*.

Dr. Zaiedi Haji Suhaili: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya? Terima kasih Yang Berhormat Menteri di atas jawapan yang telah diberikan. Sebenarnya saya hendak menegaskan di sini bahawa kita di negeri Sarawak memang amat-amat memerlukan pembangunan sama ada di bandar mahupun lebih-lebih lagi di luar bandar atau sama sekali projek bekalan air bersih. Saya difahamkan bahawa dari tahun 2016 hingga ke tahun 2018 sebanyak RM412 juta telah diluluskan untuk negeri Sarawak. Ini adalah untuk melaksanakan 38 projek bekalan air di negeri Sarawak.

Akan tetapi daripada 38 projek yang telah diluluskan hanya lima projek sahaja berada di peringkat pelaksanaan, yang lain sedang menunggu panggilan tender, ada lagi dalam peringkat reka bentuk atau pun pelantikan konsultan. Jadi, apa yang saya hendak tahu di sini

apakah masalah-masalah atau pun cabaran-cabaran yang dihadapi oleh kementerian dalam melaksanakan projek bekalan air bersih di negeri Sarawak?

Tuan Sivarasa Rasiah: Terima kasih Yang Berhormat Senator Dr. Zaidi atas soalan tambahan itu. Boleh saya mula dengan menyatakan bahawa kita setuju bahawa dari segi pembangunan infrastruktur atau prasarana bukan sahaja Sarawak dan juga Sabah dan ada juga beberapa tempat Semenanjung macam di Kelantan dan sedikit di Kedah yang telah diabaikan dari segi pembangunan, infrastruktur dan prasarananya. Ini meliputi tiga aspek asas iaitu bekalan air, api dan juga jalan-jalan ya yang perlu.

Itu kita tidak mempertikaikan, tetapi ini lah *track record* kerajaan yang lama dan masalah ini sudah berlarutan banyak tahun ya. Saya duduk di Dewan Rakyat di kerusi pembangkang 10 tahun dan saya telah mendengar rintihan daripada Ahli Parlimen daripada Sabah dan Sarawak banyak kali berkenaan perkara ini. Bukan untuk satu dua tahun sahaja untuk 10 tahun yang saya ada di sana sejak tahun 2008, untuk dua penggal.

Jadi, walau bagaimanapun kerajaan baharu di bawah Pakatan Harapan adalah komited untuk memperbaiki keadaan ini. Akan tetapi seperti Yang Berhormat Senator tahu isu prasarana ini tidak boleh dibetulkan dalam satu dua bulan atau satu dua tahun ya. Ini akan mengambil masa. Akan tetapi memang komitmen kerajaan baharu ternyata di dalam Buku Harapan kita komitmen bagi untuk mengimbangkan balik atau kita kena *balance*-kan balik, dengan izin. Bagi memastikan ketidakseimbangan yang sekarang ada dari segi pembangunan di Semenanjung kalau dibandingkan dengan Sabah Sarawak ini, ini dibetulkan. Hanya saya ingin sebut di sini itu akan mengambil masa dan prosedur-prosedur yang dijalankan dulu sekarang dikaji semula dan sebagainya.

Balik pada soalan tadi tentang perbelanjaan untuk projek-projek air ya, Yang Berhormat Senator sebut RM412 juta itu diluluskan. Saya ingin betulkan sedikit sahaja, itu bukan sahaja diluluskan, itu sudah disalurkan, sudah dibelanjakan dalam tiga tahun yang disebut itu 2016 ke 2018. Dalam 38 projek yang seperti disebut oleh Yang Berhormat Senator lima projek sahaja dalam peringkat pelaksanaan. Kita akan kaji apakah masalah-masalah itu sebab ini lah yang dilakukan dulu.

Akan tetapi saya perlu sebut di sini juga kerajaan baru sudah ambil pendekatan bahawa semua projek yang belum dikeluarkan SST akan dikaji semula dari segi keperluannya, dari segi kosnya dan selepas ini dibuat oleh pihak Kementerian Kewangan dan juga EPU yang terlibat dan selepas mereka beri kelulusan kepada projek-projek tertentu, apa-apa projek yang diluluskan untuk diteruskan mesti melalui proses tender terbuka. So, saya faham ini akan melambatkan proses sedikit tetapi bagi kita ini penting untuk pastikan kos kepada kerajaan adalah kos yang munasabah dan wajar dibayar. Namun saya ambil maklum

tentang isu-isu yang dibangkitkan dan kita akan cuba sedaya upaya untuk mempercepatkan proses ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Alan Ling Sie Kiong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan untuk Timbalan Menteri. Saya menerima baik rancangan kementerian untuk membina loji rawatan air yang ketiga di pekan Kapit- saya juga dari Sarawak. Saya ingin mengetahui daripada Timbalan Menteri, saya harap Timbalan Menteri boleh memberi maklumat yang terperinci kepada Dewan yang mulia ini mengenai status sebut harga kos pembinaan serta tapak loji rawatan tersebut.

Saya inginkan satu maklumat yang terperinci dan saya harap projek tersebut dapat dipercepatkan demi kesihatan dan kesejahteraan penduduk di sana sebab sekarang ini seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai dari Sarawak, rakyat sana sengsara, air kotor dan banyak gangguan setiap kali dan kerap kali berlaku. Itulah hakikat penduduk di Kapit. Saya harap Timbalan Menteri boleh menjelaskan. Terima kasih.

Tuan Sivarasa Rasiah: Terima kasih atas soalan tadi. Seperti yang saya sebut tadi lah ya, pengabaian pembangunan prasarana di Sarawak tidak dapat dipertikaikan ya. Saya sekali lagi ini lah daripada pemerintahan yang lama yang telah pun disokong oleh Kerajaan Negeri Sarawak pada masa dulu ya. Jadi, apa yang kerajaan baharu akan buat adalah untuk cuba memperbetulkan keadaan pengabaian itu dalam kapasiti yang kita ada dan juga mengambil kira kedudukan kewangan negara juga secara keseluruhan ya.

■1030

Berkaitan dengan perincian yang diminta tadi, ini masih awal untuk menentukan angka-angka itu sebab seperti saya sebut tadi, projek ini masih di dalam status reka bentuk sahaja. Saya sudah sebut kos secara *provisional*, inilah kos RM104 juta itu. Akan tetapi daripada segi kos terperinci, itu hanya akan kita dapat tahu selepas proses VML atau makmal pengurusan nilai dan juga makmal kejuruteraan nilai semua dilaksanakan.

Akhirnya, saya sebut, kerajaan baharu akan melaksanakan proses tender terbuka untuk pastikan kontrak ini diberi dengan harga yang terbaik untuk menjaga kepentingan rakyat. Sekian, terima kasih.

3. Dato' Chai Kim Sen minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan, sama ada kerajaan masih berhasrat untuk menunaikan Perkongsian Komprehensif dan Progresif dan Trans-Pasifik (CPTPP) bagi memastikan daya saing dan penglibatan Malaysia dalam perdagangan antarabangsa.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dr. Ong Kian Ming]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya bermula, saya nak mengucapkan tahniah

kepada rakan-rakan saya yang baru mengangkat sumpah, tahniah kepada mereka. Salah seorang pun ambil MRT datang ke Parlimen untuk hari yang pertama dan kedua. Jadi, saya rasa ini adalah teladan yang baik yang tunjuk bahawa kita boleh ambil *public transport* atau pengangkutan awam ke Dewan yang mulia ini.

Untuk menjawab soalan Dato' Chai Kim Sen berkaitan dengan CPTPP, saya nak beritahu Yang Berhormat bahawa pihak kerajaan masih belum lagi membuat keputusan dan masih memerlukan masa berkaitan dengan perjanjian ini untuk memastikan bahawa sebarang keputusan yang diambil oleh kerajaan akan memberi kebaikan daripada segi *nett positive impact* kepada Malaysia secara keseluruhannya.

Sehingga kini, saya nak memberitahu Yang Berhormat, tiga negara iaitu Mexico, Jepun dan juga Singapura telah melengkapkan proses domestik masing-masing dalam proses meratifikasikan perjanjian CPTPP. CPTPP ini dijangka akan berkuat kuasa ataupun *entry into force* pada tahun 2019, apabila sekurang-kurangnya enam buah negara ataupun 50 peratus daripada negara asal yang menandatangani telah melengkapkan proses ratifikasi.

Bagi negara lain yang telah menandatangani CPTPP seperti Malaysia tetapi masih belum meratifikasikan perjanjian ini pada masa apabila enam buah negara telah membuat proses ratifikasi secara lengkap, ia bermakna bahawa Malaysia dan juga negara-negara yang lain yang belum lagi meratifikasikan CPTPP ini tidak akan berkuat kuasa bagi negara tersebut sehingga proses tersebut selesai. Terima kasih.

Dato' Chai Kim Sen: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tuan Yang di-Pertua, Perkongsian Komprehensif dan Progresif dan Trans-Pasifik (CPTPP) ini dulu dikenali sebagai Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA). Bagi menunaikan TPPA, terdapat 19 akta yang sedia ada perlu dipinda. Maka soalan saya, bagi menunaikan CPTPP ini, berapakah akta yang akan perlu dipinda? Memandangkan perang perdagangan antara Amerika Syarikat dan China yang berlaku sekarang ini semakin sengit, apakah implikasi CPTPP yang boleh memanfaatkan negara kita bagi menangani kesan negatif perang perdagangan yang tercetus? Sekian, terima kasih.

Dr. Ong Kian Ming: Terima kasih atas soalan tambahan tadi yang dikemukakan oleh Yang Berhormat. Saya nak memberitahu Yang Berhormat bahawa daripada 19 akta yang perlu di-*amend* untuk meratifikasikan CPTPP ini, dua telah dilengkapkan pada awal tahun ini dan masih tunggu lagi 17 untuk di-*amend*, untuk dipinda untuk menghabiskan atau pun melengkapkan proses meratifikasikan CPTPP ini.

Untuk soalan tentang *trade war*, saya rasa salah satu perkara yang mesti diambil kira oleh kerajaan ialah untuk membuat satu *assessment* sama ada CPTPP ini boleh membawa lebih banyak manfaat daripada segi FDI ataupun *foreign direct investment* akibat daripada

kesan *trade war* di antara Amerika Syarikat dan juga negara China. Saya rasa minat untuk melabur di negara Malaysia ini telah meningkat selepas Pilihanraya Umum Keempat Belas. Sekarang ini akibat daripada perang perdagangan di antara Amerika Syarikat dan juga China, minat di antara syarikat-syarikat di negara China dan juga negara Amerika Syarikat untuk melabur di Malaysia telah meningkat.

Tanggungjawab kerajaan ialah untuk menilai sama ada CPTPP ini boleh membawa lebih manfaat daripada segi mendapatkan pelaburan asing. Saya rasa memang ada kebaikannya daripada segi di mana kita boleh akses pasaran yang baru. Walaupun Amerika Syarikat telah menarik diri daripada TPP, masih ada tiga pasaran yang baru iaitu Kanada, Mexico dan juga Peru.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, Kanada adalah ekonomi yang ke-10 terbesar sekali di seluruh dunia. Untuk Mexico, ke-15 terbesar sekali di dunia. Kedua-dua negara ini juga merupakan negara yang ada hubungan ekonomi yang sangat rapat dengan negara Amerika Syarikat di bawah NAFTA. Kedua-dua negara ini juga boleh menjadi *launch pad* untuk syarikat Malaysia dan juga syarikat pelabur asing untuk masuk ke kedua-dua negara ini, selepas itu untuk akses pasaran yang begitu besar di Amerika Syarikat. Jadi, perkara-perkara ini mesti dipertimbangkan oleh kerajaan sebelum keputusan dibuat untuk meratifikasikan CPTPP atau tidak. Terima kasih.

4. Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas minta Menteri Kewangan menyatakan, jumlah sebenar angka hutang negara supaya tiada unsur eksploitasi angka bagi mewujudkan persepsi negatif terhadap kerajaan terdahulu dan juga niat untuk mengelirukan rakyat Malaysia.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani di atas soalan yang diberikan.

Pada tahun-tahun sebelum ini, laporan kedudukan hutang kerajaan adalah berdasarkan *a Manual on Government Finance Statistics 1986* oleh *International Monetary Fund* (IMF) yang berasaskan perakaunan tunai dan hanya mengambil kira hutang langsung yang diterbitkan oleh pihak kerajaan. Di bawah manual ini, kedudukan hutang kerajaan ini tidaklah mengambil kira obligasi lain seperti jaminan kerajaan dan liabiliti lain seperti bayaran pajakan. Selaras dengan manual ini, kedudukan hutang Kerajaan Persekutuan adalah sebanyak RM686.8 bilion atau 50.8 peratus daripada KDNK pada 31 Disember 2017 selaras dengan Laporan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahunan yang melaporkan

kedudukan hutang Kerajaan Persekutuan di dalam Penyata Hutang Awam Kerajaan Persekutuan.

Liabiliti kerajaan iaitu jaminan kerajaan turut dilaporkan di dalam Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan sebagai memorandum kepada penyata kewangan tahunan tersebut.

■1040

Pada tahun 2011, IMF telah mengeluarkan manual *Public Sector Debt Statistics* yang berasaskan perakaunan akruan. Manual ini menekankan pelaporan liabiliti yang lebih menyeluruh merangkumi kesemua hutang dan obligasi kerajaan. Pelaporan hutang dan liabiliti di bawah manual ini bukan sahaja merangkumi hutang Kerajaan Persekutuan malah liabiliti bagi entiti berkaitan kerajaan yakni *quasi government*, dengan izin, dan liabiliti luar jangka meliputi kertas jaminan kerajaan.

Kedudukan komitmen liabiliti luar jangka yang perlu ditanggung oleh kerajaan pada akhir Disember 2017 adalah berjumlah RM199.1 bilion atau 14.6 peratus daripada KDNK. Liabiliti ini terdiri daripada tanggungan hutang sebahagian syarikat berkaitan kerajaan yang menerima jaminan kerajaan bagi melaksanakan projek infrastruktur pengangkutan awam dan utiliti serta projek yang dilaksanakan secara *off-budget* melalui Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI) dan Pembinaan BLT Sdn. Bhd. di bawah Kementerian Kewangan.

Di samping itu, kerajaan juga mengganggu liabiliti bersih syarikat 1MDB yang berjumlah RM38.3 bilion atau 2.8 peratus daripada KDNK. Kerajaan juga perlu menanggung bayaran pajakan kewangan ataupun *finance lease*, dengan izin, bagi tempoh tahun 2017 sehingga tahun 2045 ke atas projek yang dilaksanakan secara *Public-Private Partnership* (PPP) di bawah Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS) berjumlah RM201.4 bilion atau 14.9 peratus daripada KDNK.

Selepas PRU-14, kerajaan mengambil langkah proaktif untuk melaporkan kedudukan keseluruhan iaitu hutang dan liabiliti yang komprehensif selaras dengan manual *Public Sector Debt Statistic* dan *International Public Sector Accounting Standards* (IPSAS).

Oleh yang demikian, secara keseluruhannya jumlah komitmen hutang dan liabiliti kerajaan adalah berjumlah RM1.0873 trilion atau 80.3 peratus daripada KDNK. Kesemua ini merupakan obligasi tunai kerajaan sehingga tahun 2045 yang perlu ditanggung melalui peruntukan tahunan bagi membiayai bayaran khidmat hutang dan bayaran pokok hutang serta bayaran pajakan kewangan ataupun *finance lease*.

Langkah kerajaan dalam mengambil kira semua hutang dan obligasi kerajaan adalah lebih berhemah ataupun *prudent* dan realistik khususnya daripada aspek pengurusan kewangan negara. Ini bagi memastikan sebarang keputusan yang akan diambil oleh kerajaan

adalah lebih menyeluruh dan tidak membebankan kedudukan kewangan kerajaan berdasarkan maklumat yang lebih tepat dan komprehensif.

Kementerian juga yakin dengan langkah ini, keyakinan pelabur dalam jangka sederhana dan panjang akan lebih kukuh berikutan langkah kerajaan yang lebih kompeten, *accountable* dan *transparent*. Tidak ada niat dan hasrat untuk memburukkan mana-mana pihak, kerajaan yang terdahulu dan sebagainya. Sekadar untuk mengingatkan kerajaan bahawa inilah dia kedudukan hutang langsung dan juga liabiliti yang kita ada supaya dapat kita menguruskan kewangan negara dengan lebih bijak dan *prudent* dan mendapat *value for money* bagi setiap projek yang kita laksanakan untuk kebaikan rakyat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Sebenarnya soalan tambahan saya sudah merangkumi dan jawapan telah diberi sebenarnya. So, saya rasa terima kasih di atas penjelasan kepada saya dan soalan tambahan yang lain saya rasa cukuplah dengan penjelasan yang sudah diberi. Saya faham semuanya. Terima kasih Yang Berhormat Menteri... [Tepuk]

5. Datuk Abdul Ghani bin Mohamed Yassin minta Menteri Kesihatan menyatakan, jumlah terkini mangsa yang menghidapi kes Virus HFMD di seluruh negara dan apakah langkah serius pihak kementerian bagi menangani kes ini.

Timbalan Menteri Kesihatan [Dr. Lee Boon Chye]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Abdul Ghani bin Mohamed Yassin kerana soalan berkenaan dengan HFMD.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon untuk menjawab pertanyaan ini secara bersekali bersama-sama dengan dua pertanyaan yang lain yang turut menyentuh isu yang sama iaitu Yang Berhormat Senator YBM. Engku Naimah binti Engku Taib, dan Yang Berhormat Senator Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah, berkenaan dengan isu yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, penyakit tangan, kaki dan mulut ataupun HFMD adalah endemik dan berlaku sepanjang tahun di Malaysia. Penyakit ini berkait rapat dengan amalan kebersihan diri dan persekitaran serta mudah menular di kalangan kanak-kanak terutamanya di premis yang menjadi tumpuan kanak-kanak seperti di taska, tadika dan prasekolah. Sejak 1 Januari 2018 sehingga 27 Ogos 2018 jumlah kes keseluruhan HFMD yang dilaporkan di Malaysia adalah 55,860 kes. Jumlah ini meningkat sebanyak 30,790 kes atau 122.8 peratus berbanding tempoh yang sama pada tahun yang lepas.

Untuk maklumat Yang Berhormat Senator YBM. Engku Naimah binti Engku Taib, berkenaan dengan keadaan di Pulau Pinang, Negeri Sembilan dan Terengganu. Di Pulau Pinang setakat ini ada 3,767 kes. Di Negeri Sembilan ada 2,388 kes dan Terengganu 875 kes. Tuan Yang di-Pertua, walaupun ada peningkatan setakat ini tetapi pada tiga minggu sebelum ini kita lihat ada penurunan sebanyak 50 peratus daripada 5,330 kes pada minggu ke-31 dan menurun kepada 2,235 kes pada minggu ke-34.

Tuan Yang di-Pertua, penyakit HFMD disebabkan oleh jangkitan virus dengan dua penyebab utama iaitu virus *coxsackievirus A16* dan *enterovirus 71*. Virus ini merebak melalui *contact* dengan air liur, cecair lepuh dan najis mereka yang berpenyakit. Kebiasaan jangkitan adalah ringan dengan gejala demam diikuti ruam lepuh pada tangan, kaki dan mulut.

Hampir semua pesakit yang menghidap penyakit HFMD pulih tanpa rawatan khususnya dalam masa tujuh hari kepada sepuluh hari. Walau bagaimanapun, jangkitan *enterovirus 71* boleh menyebabkan komplikasi teruk seperti *encephalitis*, kegagalan jantung dan sistem pernafasan dan kematian. Hampir 89 peratus daripada kes HFMD yang dilaporkan adalah di kalangan kanak-kanak bawah tujuh tahun. Sehingga kini terdapat dua kematian HFMD dilaporkan di Malaysia iaitu di seorang di Sarawak dan seorang di Pulau Pinang.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan Malaysia bersama-sama dengan agensi kerajaan dan swasta telah mengadakan pelbagai aktiviti kawalan dan pencegahan bersepadu sebagai langkah mengatasi masalah penularan jangkitan HFMD.

■1050

Antaranya pertama, melaksanakan penutupan ke atas mana-mana premis yang didapati menjadi punca penularan penyakit di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 sebagai langkah menyekat penularan jangkitan HFMD.

Kedua, meningkatkan aktiviti promosi dan pelaksanaan aktiviti pencegahan dan kawalan HFMD kepada pengusaha-pengusaha dan guru-guru taska, tadika, tabika dan prasekolah melalui *Townhall Meeting* di peringkat negeri, daerah dan mukim. Pendekatan diberikan kepada lima perkara utama iaitu penjagaan kebersihan diri, amalan mencuci tangan yang betul, penjagaan kebersihan persekitaran, saringan di pintu masuk dan disinfeksi permukaan yang tercemar.

Townhall Meeting dan lawatan bagi menerangkan lima amalan utama telah dilaksanakan di 23,857 premis iaitu 89.4 peratus daripada keseluruhan 26,683 buah premis seperti taska, tadika, tabika dan prasekolah.

Langkah ketiga, aktiviti pendidikan kesihatan juga dilaksanakan melalui sesi ceramah, perbincangan kumpulan kecil, taklimat, nasihat individu, tunjuk cara, edaran risalah dan poster, pameran, kenyataan akhbar dan hebahan melalui televisyen, radio dan media sosial.

Keempat, memperkukuhkan *surveillance case* HFMD dengan komplikasi dan *surveillance* virus dalam kalangan kes.

Kelima, membuat tindakan susulan dan bekerjasama dengan pihak berkuasa tempatan berhubung kawalan kebersihan di taman permainan dalam pasar raya.

Keenam, beberapa mesyuarat penyelarasan antara agensi kerajaan dan pihak berkaitan telah diadakan bagi memperkukuhkan kesiapsiagaan dan tindakan terhadap kejadian wabak HFMD di Malaysia. Sekian.

Datuk Abdul Ghani bin Mohamed Yassin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Cuma saya ada dua soalan.

Pertama, apakah usaha pihak kementerian dalam menambah baik dari segi kemudahan infrastruktur, peralatan-peralatan perubatan, menyediakan lebih ramai doktor-doktor pakar di hospital-hospital kerajaan yang sedia ada, khususnya di negeri Sabah dan Sarawak dan untuk menangani virus seperti ini?

Soalan kedua, apakah disinfeksi terbaik untuk menghapuskan *enterovirus* seperti ini? Terima kasih.

Dr. Lee Boon Chye: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya jawab kedua-dua soalan.

Memang banyak *disinfection* yang boleh digunakan di dalam pasaran yang ada kesan ke atas virus sama ada *coxsackie virus* ataupun *enterovirus 71*. Cuma sebagai amalan biasa nasihat kita kepada ibu bapa adalah cuci tangan dengan sabun, perkara yang paling mudah dan tidak semestinya gunakan *disinfection* yang ada dalam pasaran. Ini jawapan saya dan yang kedua berkenaan dengan pakar, walaupun tidak ada berkaitan, saya boleh beri sedikit sebanyak maklumat.

Memang di bawah kementerian kita ada galakan untuk Pegawai Perubatan untuk mengikuti kursus pakar sama ada melalui Biasiswa Persekutuan ataupun menggalakkan mereka untuk mengikuti kursus *parallel* seperti MRCP, FRCR dan sebagainya. Di samping itu, kita juga berikan galakan untuk berkhidmat di Sabah dan Sarawak dan ini untuk kursus hadiah persekutuan untuk mengikuti *Master Programme*. Misalannya, kita telah menambahkan daripada 800 ke 1,000 tempat setahun. Jadi ini langkah-langkah yang kita sedang buat bagi menambahkan bilangan doktor pakar di seluruh negara khususnya di Sabah dan Sarawak. Sekian.

Tuan Adrian Banie Lasimbang: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri memandangkan virus ini adalah satu virus yang endemik di Malaysia dan adakah kementerian mengambil langkah untuk mencari

vaksin yang boleh dimajukan untuk mengatasi ataupun cuba memastikan virus ini dibendung?
Terima kasih.

Dr. Lee Boon Chye: Terima kasih. Ini soal vaksin. Pertama, setakat ini tidak ada vaksin yang boleh digunakan untuk HFMD. Memang ada kajian yang dibuat di negara-negara seperti di China dan negara-negara yang lain berkenaan dengan vaksin tetapi masih dalam tahap penyelidikan. Jadi tidak ada *commercial vaccine* yang sedia ada untuk HFMD. Sekian.

6. Dato' Fahariyah binti Haji Md Nordin minta Menteri Hal Ehwal Ekonomi menyatakan, apakah perancangan kerajaan dalam membangunkan Model Baru Ekonomi Bumiputera agar isu pengangguran belia dan graduan dapat ditangani dengan berkesan.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Ekonomi [Dr. Mohd Radzi bin Md. Jidin]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh atau *Labour Force Survey 2017* yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia kadar pengangguran nasional pada tahun 2017 ialah 3.4 peratus iaitu bersamaan dengan 502,600 orang daripada jumlah keseluruhan 14.95 juta tenaga buruh di Malaysia.

Manakala kadar pengangguran belia berumur 15 hingga 24 tahun adalah yang tertinggi iaitu sebanyak 10.8 peratus. Selain itu kadar pengangguran siswazah pada tahun 2016 adalah sebanyak 4.1 peratus bersamaan dengan 131,600 orang. Ini berdasarkan statistik tenaga buruh siswazah 2016.

Walau bagaimanapun, daripada jumlah ini kadar siswazah menganggur yang berumur 25 tahun dan ke bawah adalah bersamaan 17.1 peratus, satu kadar yang cukup tinggi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini Kementerian Hal Ehwal Ekonomi sedang menyediakan strategi, inisiatif dan hala tuju baharu Rancangan Malaysia Kesebelas atau RMKe-11 melalui pembentangan Kajian Separuh Penggal RMKe-11 pada bulan Oktober 2018. Ia akan turut mengambil kira keperluan semasa rakyat yang berteraskan kepada prinsip inklusiviti termasuklah fokus dalam agenda pemerkasaan ekonomi bumiputera.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kongres Masa Depan Bumiputera dan Negara akan berlangsung pada 1 September 2018 dan Kementerian Hal Ehwal Ekonomi sedang mengumpul input untuk dibincangkan dalam kongres ini. Perbincangan kongres turut menyentuh isu pengangguran yang merupakan sebahagian daripada bidang fokus pendidikan dan modal insan. Perbincangan hasil kongres ini akan dipertimbang dalam merangka strategi, inisiatif dan Hala Tuju Baharu RMKe-11.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, dalam menangani isu pengangguran belia dan graduan kerjasama erat antara kerajaan dan *stakeholders* terutamanya institusi pendidikan tinggi dan industri amat penting. Dalam hal ini kerjasama dalam kalangan

stakeholders dalam perancangan pendidikan dan latihan serta pemantauan terhadap pasaran buruh akan diperkukuh.

Pada masa yang sama, kerajaan juga sedang dalam usaha untuk memudah cara dan menggalakkan lebih banyak peluang pekerjaan berkemahiran tinggi di dalam industri berkaitan elektrik dan elektronik, aeroangkasa dan peranti perubatan atau *medical devices*. Langkah ini dapat meningkatkan permintaan terhadap pekerja berkemahiran tinggi dan seterusnya mampu mengurangkan masalah pengangguran di kalangan belia dan graduan.

Di samping itu, beberapa inisiatif dengan sokongan daripada pihak industri telah diambil oleh kerajaan dalam menangani isu pengangguran belia dan graduan akan terus dilaksanakan. Antaranya ialah menambah baik kecekapan pasaran buruh, menyediakan latihan *reskilling* dan *upskilling*, dengan izin, untuk membantu pekerja yang kehilangan pekerjaan, menambah baik kualiti program di institusi TVET dan institusi pengajian tinggi, memperkukuh pembelajaran sepanjang hayat, menyedia latihan berorientasikan industri melalui Sistem Latihan Dual Nasional, dan latihan *capacity* dan *capability*, khususnya kepada golongan B40. Sekian, terima kasih.

■1100

Dato' Hajah Fahariyah binti Haji Md Nordin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua di atas jawapan panjang lebar daripada Yang Berhormat Menteri tadi.

Baru-baru ini kita telah mendengar satu pengumuman yang mana satu, beberapa projek berimpak tinggi negara seperti ECRL, projek-projek *piping*, projek talian paip Sabah telah ditangguhkan dan malahan berkemungkinan akan dibatalkan. Impak dan kesan daripada pengumuman ini telah menyebabkan ramai warga tempatan kita telah dibuang kerja ataupun ada yang telah dibuang kerja dan adapun telah ditangguhkan ataupun telah di sejuk beku kerana projek ini ditangguhkan. Sebagai contoh apabila ECRL ditangguhkan, seramai hampir 1,500 orang pekerja tempatan di CCC di Bentong telah diberhentikan kerja.

Soalan saya kepada pihak kerajaan kerana mereka yang terlibat ini adalah mereka yang di kalangan golongan muda dan warga tempatan dan banyak juga impak daripada CCC-ECRL ini telah dibatalkan, ditangguhkan, contohnya macam kerjasama dari segi *reskilling* sebagaimana Yang Berhormat Menteri tadi sebutkan juga telah ditangguhkan.

Oleh sebab banyak kerjasama telah dilaksanakan di peringkat syarikat dan juga pihak pengajian tinggi untuk memberi peluang dan juga kemahiran kepada pekerja-pekerja warga tempatan dan akhirnya mereka tidak dapat kerja dan yang sudah kerja pun telah diberhentikan kerja dan terdapat lagi ribuan yang mungkin akan diberhentikan. Seramai 1,500 pekerja telah dilaporkan telah diberhentikan dan akan ada ribuan lagi akan diberhentikan dalam masa akan datang kerana projek ini masih tertangguh.

Maka soalan saya pada Yang Berhormat Menteri, pertama, apakah kerajaan, bagaimanakah kerajaan bercadang untuk menangani masalah ini apabila lebih ramai graduan ataupun pekerja-pekerja kita ini tidak bekerja dan apakah prospek gantian yang akan diberikan kepada pekerja-pekerja yang telah diberhentikan ini. Sekian Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Fahariyah. Pertamanya bila kita bercakap tentang ekonomi, kita kena lihat dari sudut yang holistik. Tadi Yang Berhormat Senator menyebut tentang dua perkara ya, tentang projek-projek ECRL, paip gas dan sebagainya dan pada masa yang sama tentang *unemployment* atau pengangguran. Jadi dalam pengurusan ekonomi, bila kita melihat sesuatu perkara, perkara tersebut perlu dikaji dan dilihat kesannya terlebih dahulu.

Jadi kalau kita bercakap tentang ECRL, isu utama dalam ECRL adalah kos yang terlalu tinggi. Ini selalu ditekankan dan juga isu keperluan dan inilah yang sedang dikaji oleh kerajaan. Sama ada ianya adalah satu keperluan yang mendesak pada hari ini dan dari segi kosnya sama ada kos itu adalah sesuatu yang kita kata tidak terlalu tinggi. Jadi itulah seperti mana yang kita tahu dan seperti mana yang juga disebut.

Kalau kita lihat tentang projek-projek ini juga Yang Berhormat Senator, kita perlu sedar bahawa tidak semua pekerja adalah pekerja tempatan. Ramai juga pekerja-pekerja yang diambil dari luar dan saya sedar dalam projek ECRL contohnya di Kelantan, saya orang Kelantan, pekerja-pekerja yang dibawa daripada luar pun cukup ramai. Kita boleh tengok di pusatnya bagaimana pekerja-pekerja, kontraktor, buruh-buruh kasar terutamanya dibawa dari luar, dimasukkan dan ini bukan pekerja tempatan. Dia akan menambah kepada *labor force* tetapi tidak memberi banyak manfaat yang banyak kepada pekerja tempatan.

Jadi dari sudut itu terlalu awal untuk saya membuat spekulasi apa akan terjadi pada pekerja dan sebagainya kerana projek ini sedang dinilai hinggalah kerajaan membuat keputusan dan kami yakin dalam Kajian Separuh Penggal (KSP) yang saya sebut tadi, kita telah mengambil kira impak-impak daripada sekiranya berlaku sebarang pembatalan dan sebagainya, kita telah mengambil kira hal ini dalam merangka Kajian Separuh Penggal, RMK11. Saya rasa itu saja. Sekian, terima kasih.

Dato' Hajah Fahariyah binti Haji Md Nordin: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Yang Berhormat Menteri mungkin sama ada kurang jelas dengan soalan saya, ataupun, saya bertanya, apakah perancangan kerajaan untuk memberikan prospek gantian baru bagi pekerja-pekerja yang telah pun hilang pekerjaan. Saya tidak bercakap daripada segi ekonomi masa akan datang ataupun kajian yang akan dibuat ke atas projek ini.

Saya bertanya kepada kerajaan, apakah prospek gantian kepada pekerja-pekerja yang telah pun hilang pekerjaan ini sebab anak tempatan kita ribuan. Kita bukan bercakap tentang ratusan, kita bercakap fasal ribuan dan lebih banyak lagi akan dibuang kerja dalam masa akan datang. Ini baru saya bercakap tentang satu projek, tetapi projek-projek impak tinggi yang akan datang yang mungkin telah mula kerja-kerja asalnya tetapi yang telah dibuang kerja. Prospek gantian untuk pekerja yang telah dibuang tadi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin: Pertamanya saya menjawab daripada sudut ekonomi tadi ya. Seperti yang mana saya sebut tadi, projek ini sedang dianalisis, belum ada keputusan, jadi belum ada keputusan dan sekiranya diluluskan.

Saya bagi contoh ya, sekiranya diteruskan apa yang terjadi pada pekerja ini? Boleh diambil semula. Oleh sebab itu saya kata kita kena, dalam keadaan sekarang ini kita sedang buat kajian dan saya tidak ingin *speculate* atau membuat spekulasi tentang masa depan projek ini tetapi pada masa yang sama kita juga telah mempunyai satu sistem insurans pekerjaan yang dimulakan pada Januari 2018 untuk menyediakan jaringan keselamatan sosial kepada pekerja yang telah di berhentikan ini. Itu dari sudut pelaksanaan dasarnya. Akan tetapi daripada sudut projeknya itulah penjelasan saya. Sekian terima kasih.

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Tuan Yang di-Pertua, mohon soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila.

Tuan Khairul Azwan bin Harun: [*Bangun*]

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Tuan Yang di-Pertua, sini, di sini, saya, boleh? Oh sana. Okey. Sahabat juga, sahabat.

Tuan Khairul Azwan bin Harun: *Sorry brother.*

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Sahabat, sahabat, sahabat.

Tuan Khairul Azwan bin Harun: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak adakan sedikit soalan kepada Yang Berhormat Menteri.

Saya acap kali mendengar beberapa kali Yang Berhormat Menteri mengulangi tidak mahu spekulasi, tidak mahu membuat spekulasi. Bahkan saya dapat lihat sebelum ini banyak kenyataan oleh pihak kerajaan, ada *flip-flopped* sikit Yang Berhormat Menteri, kejap boleh, kejap tidak boleh.

Setuju tidak kalau saya nyatakan di sini bahawa, sikap begini adalah tidak sihat kepada *the economic growth of our country* kerana ia memberi satu kesan *uncertainty*, ketidaktentuan kepada pasaran dan juga ekonomi. Minta komen daripada Yang Berhormat Menteri.

Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin: Sekarang saya rasa Yang Berhormat Senator memahami mesej yang saya ingin sampaikan. Oleh sebab itulah saya tekankan sehinggalah satu keputusan yang dibuat, keputusan akhir, maka tidak ada guna kita bercakap dan menyebut tentangnya, akhirnya keputusan yang berbeza keluar. Jadi itulah apa yang telah saya tekankan tadi bahawa saya tidak ingin menyentuh hal ini seperti mana Yang Berhormat Senator sendiri tahu bahawa ianya sedang diusahakan...

Tuan Khairul Azwan bin Harun: Tuan Yang di-Pertua, itu bukan maksud saya Yang Berhormat Menteri. Saya minta Yang Berhormat Menteri nyatakan setuju ataupun tidak ketidakstabilan dan ketidaktentuan, *uncertainty* dalam keputusan-keputusan yang dibuat, kejap boleh, kejap tidak itu, tidak sihat kepada pembangunan ekonomi negara?

Timbalan Yang di-Pertua: Sila.

Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, di dalam apa juga keputusan, di mana-mana negara ketidaktentuan itu adalah satu faktor yang diambil kira oleh pelabur dan itu adalah satu hakikat. Ketidaktentuan adalah faktor yang diambil kira oleh pelabur dan seperti mana yang kita lihat pada awal keputusan pilihan raya pun begitu juga. Pelabur mengambil pendekatan untuk menunggu dan lihat kerana ketidaktentuan dan itulah seperti mana yang disebutkan ya, ketidaktentuan itu boleh mempengaruhi keputusan pelabur dan inilah adalah satu perkara yang biasa dalam pihak pelabur membuat keputusan dan pihak penganalisis membuat keputusan. Sekian, terima kasih.

Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Tuan Yang di-Pertua sikit tadi. Boleh?

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin ke soalan asal untuk mohon penjelasan sebab soalan asal dia mengenai, apakah perancangan kerajaan dalam membangunkan Model Ekonomi Baru Bumiputera bagi menangani isu pengangguran belia, graduan dapat ditangani dengan berkesan. Yang Berhormat Senator Dr. Mohd Radzi, sebab saya mengambil peluang, kebetulan doktor ialah seorang pensyarah. Kebetulan bekas pensyarah di luar negara, di bidang ini.

Jadi soalan saya ialah, bagaimana perancangan untuk membangunkan satu Model Ekonomi Baru terutama anak-anak bumiputera kerana saya orang Balik Pulau. Ini sebab saya melihat satu ketika, saya ucap tahniah kepada Kerajaan Barisan Nasional seperti mana Lee Chong You dulu ada zon bebas. Jadi anak-anak bumiputera di Balik Pulau ramai bekerja di zon bebas kilang tersebut. Itu satu modal pembangunan ekonomi yang bagi saya yang mantap.

Sekarang ini kita bercakap di era alaf 21 dengan dalam konteks *Industry Revolution* 4.0. Soalan saya bagaimana Yang Berhormat Menteri melihat konteks perkembangan ekonomi dunia ini dalam membangunkan modal baru ekonomi bumiputera untuk memastikan anak-anak muda di kampung, terutama bumiputera Melayu kita dapat mengambil peluang tersebut. Itu soalan tambahan saya.

■1110

Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin: Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff dan saya rasa ini soalan yang agak relevan dengan soalan asal yang dibincangkan tentang peluang pekerjaan untuk golongan bumiputera khususnya golongan muda.

Seperti mana saya sebut dalam jawapan saya tadi, kita sedang dalam proses mendapatkan input bagi Kongres Masa Depan Bumiputera dan Negara 2018, yang akan diadakan pada 1 September ini. Kami amat mengharapkan input-input daripada semua pihak untuk mencari jalan bagaimana untuk mencuba menyelesaikan perkara ini. Jika kita lihat, usaha untuk menambah baik ekonomi bumiputera termasuklah dari segi pekerjaan ini telah dibuat dengan tempoh yang cukup lama. Setelah 61 tahun kita merdeka, pelbagai usaha telah dibuat. Akan tetapi, ada usaha yang berjaya dan ada usaha yang tidak berjaya.

Jadi, kita daripada Kementerian Hal Ehwal Ekonomi mengambil peluang dalam kajian separuh penggal ini dan juga kongres ini untuk cuba merangka, mencari jalan termasuklah bila kita bercakap tentang keadaan dunia *Industrial Revolution 4.0*, teknologi-teknologi tinggi dan sebagainya, bagaimana anak-anak muda Melayu perlu mengambil peluang ini dalam berdepan dengan cabaran-cabaran dunia. Seperti mana saya sebut tadi, *insya-Allah*, kalau ada input, kita akan ambil kira.

Semalam saya telah menghadiri pra kongres yang dihadiri oleh lebih 300 orang *stakeholders* dari Sabah, Sarawak, Semenanjung, dan pelbagai skop yang kita bincang termasuklah modal insan dan pendidikan, yang diberi penekanan khusus dan pengangguran dan *employability* bumiputera dimasukkan di bawah skop tersebut. Sekian, terima kasih.

7. Datuk Haji Ismail bin Ibrahim minta Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan secara spesifik, bagaimanakah cara paling efektif untuk memastikan ekuiti bumiputera di Pasaran Modal Negara kekal melebihi 40 peratus, serta bagaimana entiti pelaburan kerajaan dapat memainkan peranan dalam memastikan imbangan ekuiti bumiputera dan bukan bumiputera berada pada kadar yang seimbang serta adil?

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan [Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ismail bin Ibrahim.

Tuan Yang di-Pertua, ini kali pertama saya berucap dalam Dewan Negara, Tuan Yang di-Pertua. Gementar juga di depan Tuan Yang di-Pertua. Hendak kata kawan lama, kita beza umur. Akan tetapi penghormatan tinggi kepada Tuan Yang di-Pertua, *insya-Allah*.

Pada masa ini, Yang Berhormat, Unit Perancang Ekonomi Kementerian Hal Ehwal Ekonomi merupakan agensi yang berperanan dalam melaporkan maklumat pemilikan ekuiti dalam sektor korporat dengan kerjasama agensi seperti Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan Bursa Malaysia. Kaedah pengiraan pemilikan ekuiti sektor korporat adalah berdasarkan pegangan hak milik modal saham syarikat berasaskan *par value* atau penilai tara yang telah digunakan atau diguna pakai semenjak tahun 1985.

Sehingga tahun 2011 iaitu data terakhir yang kita ada, ekuiti bumiputera dalam sektor korporat berasaskan nilai tara adalah sebanyak RM211.5 bilion ataupun 23.4 peratus sahaja, Yang Berhormat. Manakala bukan bumiputera bernilai RM314.5 bilion ataupun 34.9 peratus. Ini menunjukkan pemilikan ekuiti korporat bumiputera masih di tahap rendah dan belum mencapai sasaran 30 peratus di peringkat makro berbanding etnik yang lain.

Malah ketika ini untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hanya terdapat 240,000 akaun *Central Depository System* (CDS) ataupun 4.8 peratus sahaja yang dimiliki oleh bumiputera berbanding dengan lima juta, lebih kurang, akaun CDS di seluruh negara. Itu kedudukan terkini. Jadi soalan Yang Berhormat, bagaimana kita hendak mengekalkan melebihi 40 peratus? Yang ada ini pun jauh ketinggalan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai kementerian baharu yang telah dipertanggungjawabkan bagi membangunkan para usahawan secara komprehensif dan holistik, Kementerian Pembangunan Usahawan akan meningkatkan usaha untuk menaikkan pemilikan ekuiti Bumiputera dengan lebih efektif melalui program-program sedia ada seperti berikut.

Pertama, pengagihan saham khas bumiputera yang masih diteruskan di mana kementerian bertindak sebagai pusat sehenti ataupun *one-stop centre* yang membimbing usahawan-usahawan yang ingin meluaskan perniagaan mereka melalui pasaran modal dengan membantu syarikat-syarikat Bumiputera ini disenaraikan dalam tiga pasaran Bursa Malaysia iaitu pasaran utama ataupun *main board*, pasaran *Access Certainty Efficiency* (ACE) dan juga pasaran *Leading Entrepreneur Accelerator Platform* (LEAP).

Kedua, menggalakkan lebih banyak perusahaan kecil dan sederhana ataupun PKS bumiputera untuk disenaraikan di pasaran-pasaran khususnya *Leading Entrepreneur Accelerator Platform* (LEAP) di bursa saham ini. Manakala insentif kewangan baharu iaitu *Listing Incentive for SME* (LIFE) dan *Stairway to Listing* di bawah SME Corp akan diberikan kepada PKS bumiputera yang berjaya ataupun yang menunjukkan bayangan mereka akan berjaya.

Ketiga, mengenal pasti lebih banyak produk inovatif bagi menjana dan menawarkan pulangan yang menarik dan lebih tinggi kepada para pemegang saham bumiputera. Agensi amanah bumiputera seperti PNB dan Pelaburan MARA Berhad akan diberi mandat untuk melaksanakan inisiatif tersebut seperti yang sebelumnya.

Keempat, kaedah *crowdfunding* dan juga kaedah *peer-to-peer financing* (P2P) akan diterapkan dan digalakkan untuk mendapatkan modal. Walaupun ini merupakan *innovation* yang baharu tetapi ianya dipantau oleh *Securities Commission Malaysia*. Jadi, kita agak yakin ianya dapat membantu PKS kita dalam mendapatkan modal dan mengembangkan perniagaan mereka.

Kelima, kolaborasi strategik antara Kementerian Pembangunan Usahawan (MED) ini dengan Bursa Malaysia dan juga Suruhanjaya Sekuriti Malaysia untuk mengadakan momentum dan sentimen terhadap pelaburan saham di pasaran Bursa Saham Malaysia kekal positif walaupun pasaran dunia kini berada dalam tahap mendatar.

Terakhir, merangsang pembangunan satu sektor yang agak ketinggalan sedikit iaitu sektor koperasi yang mempunyai potensi yang tinggi Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Datuk Haji Ismail bin Ibrahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Menteri yang telah memberikan jawapan yang terperinci sebentar tadi.

Sehubungan itu, gerakan koperasi dalam usaha niaga di sektor perusahaan kecil dan sederhana di setiap daerah terutamanya di luar bandar mampu meningkatkan pegangan ekuiti bumiputera dalam sektor ekonomi negara.

Justeru, soalan tambahan saya sekarang, bagaimanakah langkah yang paling efektif bagi memastikan setiap daerah mempunyai koperasi bumiputera yang bergiat dalam sektor PKS agar ianya membuka ruang peluang pekerjaan dan rakyat mendapat produk dengan harga yang lebih rendah? Terima kasih.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ismail bin Ibrahim. Memang seperti yang saya sebutkan tadi yang terakhir tadi, iaitu sektor koperasi ini merupakan antara ruang dan peluang untuk kita menambah penyertaan bumiputera dalam pembangunan ekonomi. Kita boleh mengandaikan bahawa sektor ini mungkin menjadi sektor yang kuat selepas kerajaan, selepas swasta. Koperasi. Ada contoh-contoh kejayaan *success story* di beberapa buah negara di mana sektor koperasi ini menjadi antara penggerak utama ekonomi seperti di negara-negara Scandinavia.

Jadi, di Malaysia juga kita tahu ada banyak koperasi. Ada 14,000, Tuan Yang di-Pertua, 14,000 koperasi. Sebanyak 10,000 daripadanya agak aktif dengan keahlian mencecah lima hingga enam juta orang. Jadi, ramai yang terlibat. Cumanya, ia tidak

memberikan satu impak yang boleh membuka mata kita dan sumbangannya kepada KDNK pun tidak begitu besar iaitu kurang daripada lima peratus daripada KDNK. Itu yang kita dimaklumkan melalui statistik. Ertinya di sini, potensinya cukup besar, Tuan Yang di-Pertua.

■1120

Maka kita harus dan kami di MED juga mempunyai azam yang kuat supaya sektor koperasi ini, melalui Suruhanjaya Koperasi Malaysia diberikan pengupayaan dan kapasiti supaya dapat menjadi satu agensi yang menggerakkan sungguh-sungguh sektor koperasi ini. Koperasi ini sangat penting, walaupun ia bergerak atas landasan perniagaan yang kecil-kecilan.

Cuma untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan koperasi di Malaysia ini terlibat dalam aktiviti membantu ahli, pinjaman kepada ahli. Tidak banyak yang terlibat dengan perniagaan, berani mengambil risiko untuk masuk ke dalam industri pembangunan infrastruktur ataupun *manufacturing*, dengan izin. Jadi, peluang itu banyak. Walaupun mereka kecil, tetapi mereka mempunyai ahli yang boleh juga menjadi apa yang saya sebut awal tadi sebagai sumber *crowdfunding* untuk meningkatkan perniagaan mereka.

Apabila koperasi ini berkombinasi, maka setiap yang kecil-kecil ini akan dapat manfaat daripada input yang lebih murah, contohnya *bulk purchase* barang-barang keperluan industri yang melibatkan koperasi tersebut. Jadi mereka dapat harga input yang murah dan pasarannya terjamin kerana kita ada ahli koperasi yang ramai. Jadi pasaran yang terjamin ini akan menyebabkan *demand* itu lebih tinggi. Jadi dengan sebab itu, koperasi akan mempunyai kedudukan yang lebih baik untuk bersatu dan ada *economic of scale* di situ. Jadi ini, boleh membantu saya rasa, meningkatkan output, meningkatkan pendapatan.

Kita ada contoh. Contohnya industri batik di Kelantan dan Terengganu. Mereka boleh berkombinasi dalam memperoleh bahan mentah ataupun barangan asas industri mereka seperti kain putih, alat-alat untuk pewarna dengan harga yang murah kalau mereka bergabung. Akhirnya, pasaran mereka pun lebih luas dan kita di MED dan juga tentunya di MITI akan bekerjasama untuk memastikan pemasaran barangan-barangan koperasi ini akan menjadi lebih meluas.

Begitu juga apabila mereka terdedah kepada kejayaan di peringkat awal ini, maka ruang untuk meningkatkan teknologi Tuan Yang di-Pertua, meningkatkan *financing* lebih mudah. Jadi semuanya ini boleh menjadi *success story* dan kami di MED berazam menjadikan urusan koperasi ini sebagai salah satu penggerak ekonomi, khususnya kaum bumiputera. Terima kasih.

Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apabila kita bercakap Yang Berhormat Menteri soal partisipasi bumiputera, saya suka hendak mengambil contoh pada syarikat saya sendiri, bumiputera.

Pada 20 tahun yang lepas, saya telah senaraikan di dalam Bursa Saham dan saya masih lagi pemegang saham terbesar dalam syarikat saya ini. Saya melihat, kita bercakap daripada pemerintahan dahulu, *wallahualam* pemerintahan sekarang. Apabila soal bumiputera ini, ia lebih kepada *technical know who* daripada *know how*. Daripada dahulu lagi saya tengok. Siapa yang kita kenal, bukan teknologi yang kita bawa, tetapi kepada siapa yang kita kenal, ini bumiputera yang dapat. Syarikat saya ini berpaksi kepada komunikasi, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Apabila bercakap soal bumiputera, syarikat-syarikat GLC yang ada sekarang ini, bukannya hendak melihat kepada syarikat-syarikat bumiputera yang bukan sahaja tersenarai di KLSE, tetapi juga syarikat-syarikat lain, tetapi diberi kepada syarikat-syarikat multinasional. Ini saya hendak puji kepada Tun Dr. Mahathir semasa beliau memerintah dahulu, syarikat-syarikat gergasi multinasional mesti melantik syarikat-syarikat di Malaysia sebagai *technology partner*. Selepas itu diubah, diberi kepada syarikat-syarikat multinasional dan syarikat-syarikat di Malaysia ini yang mempunyai kepakaran, dilantik sebagai subkontraktor. Ini yang dilakukan di dalam Telekom Malaysia, di dalam Tenaga Nasional dan sebagainya. So, apabila bercakap soal bumiputera partisipasi dalam syarikat-syarikat besar, tidak ada Yang Berhormat Timbalan Menteri, hanya mimpi di siang hari.

Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, dengan kerajaan baharu ini, apakah polisi-polisi ini akan ditukar supaya syarikat-syarikat bumiputera ini di perkasa balik? Tidak ramai pun Yang Berhormat Timbalan Menteri, tidak ramai. Di dalam KLSE saya boleh kira dengan tangan, tidak ramai, tidak masuk kaki, tangan sahaja. Itu soalan saya Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd Suhaimi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Itu satu pemerhatian yang sangat relevan dalam usaha-usaha kita untuk memulihkan ataupun membaiki semula kedudukan bumiputera di dalam sektor perniagaan industri dan sebagainya.

Kita memang mempunyai maklumat-maklumat dan juga kompelin-kompelin, bantahan-bantahan seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi itu, dalam perhatian kita. Inilah ironisnya. Dalam kita hendak membantu kelompok yang berasa perlu dibantu, bukan kerana kaumnya tetapi kerana *needs* nya tadi itu, maka kita harus mengambil iktibar daripada apa yang disebut oleh Yang Berhormat Senator tadi yang *reversal* atau dengan izin yang berlaku dalam polisi kita untuk membantu peniaga-peniaga ini. Jadi azam kita di MED

ini ialah untuk memastikan bahawa proses membimbing dan membantu syarikat-syarikat bumiputera ini maju, harus diletakkan di atas *track* seperti yang dicadangkan tadi. Memang itu dalam perhatian kita.

Saya yakin di dalam konvensyen yang akan diadakan pada 1 September itu, antara input-input yang akan diberikan oleh kementerian kami sendiri, yang terlibat sama sebagai salah satu *lead agency* dalam enam *track* yang dibincangkan itu adalah perkara ini supaya kita memberikan bantuan kepada yang memerlukan, bukan sekadar untuk menyenangkan perniagaan kita. Kita ambil jalan yang mudah seperti contoh yang diberikan oleh Yang Berhormat Senator tadi, ambil *multinational company* (MNC) untuk mengendalikan. Memanglah kita mempermudah, tetapi hasilnya ialah kita tidak dapat membina lebih ramai ataupun lebih besar jaringan industri khususnya di kalangan kaum bumiputera.

Jadi, memang untuk meyakinkan Yang Berhormat, kita di dalam kementerian ini, sedang melihat itu semula, termasuklah usaha-usaha untuk kita membina vendor-vendor. Kita dimaklumkan ada sesetengah industri seperti *oil and gas* tidak dapat membina vendor-vendor di kalangan kaum bumiputera atau peniaga-peniaga yang kecil ini, kerana kaedah-kaedah yang tidak menepati seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi.

Begitu juga untuk membina atau membangunkan kumpulan-kumpulan francais contohnya. Ini juga akan menjadi salah satu cara kita membantu kaum bumiputera ataupun yang lebih luas. Secara umumnya, kumpulan B40, kumpulan francais-francais yang kecil ini kepada M40 dan sebagainya. Ini langkah-langkah yang kementerian ini akan ambil dan terima kasih atas pandangan yang diberikan oleh Yang Berhormat.

8. Datuk John Ambrose minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan, apakah langkah bagi meningkatkan mutu sukan negara dan usaha bagi menyediakan latihan kepada para atlet-atlet untuk mewakili negara dalam sukan SEA/Olimpik.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Tuan Sim Chee Keong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga terima kasih kepada Yang Berhormat Ahli Senat yang telah membangkitkan soalan nombor 8.

Sebelum saya menjawab soalan tersebut, izinkan saya di sini merakamkan ucapan tahniah kepada para atlet kita, wira-wira negara kita yang telah berjuang dan juga telah berjaya di Sukan Asia yang sedang berlangsung di Jakarta dan Palembang... [*Dewan tepuk*].

Untuk makluman pihak Dewan ini, semalam 28 Ogos 2018, kita telah berjaya meraih tiga pingat, iaitu di dalam acara sepak takraw regu mendapat emas oleh atlet-atlet yang saya rasa kita patut namakan di sini, saudara Muhammad Zulkifli Abd Razak, saudara Muhammad

Norhafizi Abd Razak, saudara Muhammad Syahir Mohd Rosdi, saudara Mohamad Azlan Alias dan saudara Farhan Adam. Mereka ini dalam pasukan beregu telah memenangi pingat emas dalam acara sepak takraw.

■1130

Selain itu semalam juga kita telah memenangi pingat gangsa dalam acara memanah pasukan lelaki dan juga dalam acara terjun *synchronize* 10 meter platform pasukan wanita kita.

Tuan Yang di-Pertua yang saya hormati, bagi menjawab soalan Yang Berhormat Senator tadi, kementerian melalui Majlis Sukan Negara telah melaksanakan program latihan atlet jangka pendek dan jangka panjang sejak tahun 1993 lagi. Program latihan jangka panjang yang dinamakan Program Jaya 98 merupakan program awal persiapan atlet khususnya untuk menghadapi temasya Sukan Komanwel 1998 di Kuala Lumpur. Seterusnya, Program Gemilang 2001 telah diwujudkan bagi menyediakan atlet ke Sukan SEA 2001 di Kuala Lumpur yang menyaksikan kontinjen negara muncul sebagai juara keseluruhan.

Jawatankuasa Kabinet Pembangunan Sukan yang bermesyuarat pada tahun 2004 telah meluluskan satu senarai 19 jenis sukan teras yang membuktikan komitmen kerajaan dalam memastikan pembangunan sukan secara menyeluruh dapat dilaksanakan sebaiknya serta dapat melahirkan lebih ramai atlet-atlet yang berpotensi memenangi pingat di temasya sukan antarabangsa seperti Sukan SEA, Sukan Komanwel, Sukan Asia dan Sukan Olimpik.

Bagi meneruskan lagi kecemerlangan sukan negara, transformasi sukan negara yang telah dilancarkan dan dilaksanakan sejak 2015 telah menyaksikan program latihan yang lebih khusus dilaksanakan dengan memberi keutamaan kepada pengurusan prestasi dan pengurusan program. Pengurusan prestasi ini diuruskan oleh Institut Sukan Negara yang akan memberikan penumpuan kepada sains dan perubatan sukan. Manakala Majlis Sukan Negara menumpukan kepada pembangunan sukan dari akar umbi sehinggalah ke program senior.

Langkah ini bertepatan dengan pelaksanaan model sukan baharu yang melibatkan pelbagai *stakeholder* ataupun pemegang taruh seperti Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Majlis Sukan-sukan Negeri, serta Persatuan Sukan Kebangsaan. Program Kita Juara yang telah bermula pada tahun 2015 merupakan salah satu bukti yang menunjukkan bahawa perancangan jangka panjang bagi latihan atlet ada penting. Program yang khusus bagi persediaan atlet ke arah Sukan SEA 2017 di Kuala Lumpur itu telah mencapai sasaran dengan kontinjen negara muncul juara keseluruhan Sukan SEA 2007 dengan pungutan 145 emas, 92 perak dan 86 gangsa.

Manakala Program Podium yang sedang dilaksanakan di bawah Institut Sukan Negara (ISN) sedang menyertai temasya Sukan Asia Jakarta-Palembang 2018 dengan pungutan pingat terkini empat emas, lapan perak dan lapan gangsa. Program Podium ini juga bertujuan untuk menjurus ke arah pencapaian dengan lebih cemerlang di Sukan Olimpik di Tokyo nanti.

Kita berharap kontinjen negara kita dalam tempoh berbaki lima hari ini akan dapat meraih lebih banyak lagi pingat di Sukan Asia. Sekian, terima kasih.

Datuk John Ambrose: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya, apakah usaha pihak kementerian dalam menambah baik kemudahan infrastruktur kompleks-kompleks sukan sedia ada serta kemudahan peralatan-peralatan sukan dan sebagainya khususnya di negeri Sabah dan Sarawak.

Tuan Sim Chee Keong: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Kementerian memang sentiasa mengambil berat dan prihatin tentang kemudahan ataupun infrastruktur sukan terutamanya infrastruktur yang akan berikan kemudahan latihan ke atas program-program seperti Podium dan Kita Juara, seperti yang telah saya sebutkan tadi. Jadi dalam masa kini kita tengah menyediakan satu senarai audit semua pangkalan data aset-aset kemudahan sukan yang di bawah kerajaan terutamanya Kementerian Belia dan Sukan. Kita akan menyemak kembali mana-mana aset-aset sukan atau kemudahan-kemudahan sukan yang memerlukan pembaikan ataupun penaiktarafan.

Cabaran masa kini sudah tentu kepada perbelanjaan ataupun kos yang besar untuk menampung kemudahan-kemudahan sukan ini. Jadi kerajaan sentiasa mengalu-alukan penyertaan, terutamanya daripada pihak korporat untuk bersama-sama dalam satu *strategic partnership*, perkongsian strategik bagi menyediakan kemudahan yang lebih baik dan menyeluruh kepada ahli-ahli sukan kita. Terima kasih.

Tuan Alan Ling Sie Kiong: Ada satu lagi untuk Sarawak. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya telah mengambil maklum bahawa sebanyak RM70 juta telah diperuntukkan untuk pembangunan Podium Sukan Elit Negara kita supaya kita boleh menyediakan atlet berprestasi tinggi ke pertandingan antarabangsa. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai status pembangunan sukan elit khususnya di negeri Sarawak? Sekian soalan saya. Terima kasih.

Tuan Sim Chee Keong: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Alan Ling yang baru tempoh hari dilantik dan mengangkat sumpah sebagai ahli Dewan Negara. Syabas juga, beliau merupakan ahli yang termuda saya rasa dalam Dewan ini, dalam umur 35 tahun.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, program yang kita laksanakan ini memang menjurus kepada melahirkan atlet-atlet berperingkat antarabangsa di peringkat dunia dan

Program Podium tersebut sememangnya telah diwujudkan bagi menyasarkan kejayaan memenangi pingat terutamanya di Sukan Olimpik 2020 nanti di Tokyo.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, setakat ini kita nampak negara kita telah berjaya melahirkan beberapa atlet bertaraf dunia seperti Lee Chong Wei dalam sukan badminton, semua ini berada dalam Program Podium, Pandelega Rinong iaitu seorang anak kelahiran Sarawak dalam sukan akuatik terjun, Cheong Jun Hoong juga akuatik terjun, Mohd Azizulhasni Awang sukan berbasikal, Mohd Al Jufferi bin Jamari pencak silat, Shakila Sani karate dan juga sukan-sukan berpasukan seperti pasukan hoki negara kita.

Dalam aspek pembangunan sukan di Sarawak, saya rasa kita sentiasa mengambil berat perkembangan ataupun pembangunan sukan tidak kira di mana-mana di Malaysia ini. Setakat ini sudah ada sebanyak 19 pusat latihan yang telah ditubuhkan bagi 10 jenis sukan dan seramai 395 atlet sedang menjalani latihan secara separa masa di dalam pelbagai program di pusat-pusat latihan tersebut.

MSN negeri Sarawak juga ada melaksanakan Program Atlet Elit Negeri bertujuan untuk menyediakan atlet daripada Sarawak ke temasya Sukan Malaysia ataupun SUKMA. Dalam aspek ini, saya juga di sini ingin memohon kerjasama daripada kerajaan-kerajaan negeri terutamanya dalam konteks ini Kerajaan Negeri Sarawak dengan kementerian dan juga dengan pemimpin-pemimpin muda seperti Yang Berhormat Senator kita Saudara Alan Lin ini untuk sama-sama kita menjayakan pembangunan sukan terutamanya daripada peringkat akar umbi lagi, bukan sahaja fokusnya di peringkat elit. Akan tetapi saya rasa bagi mencungkil bakat-bakat sukan, kita perlu bermula pada peringkat akar umbi sekian. Terima kasih.

[Sesi Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

USUL

MENJUNJUNG KASIH TITAH UCAPAN SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Aturan urusan mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Tuanku semasa membuka Penggal Pertama, Majlis Parlimen Yang Keempat Belas” **[28 Ogos 2018]**

Tuan Yang di-Pertua: Minta Yang Berhormat Senator Dr Lucas Umbul untuk berucap.

■1140

11.40 pg.

Datuk Dr. Lucas Umbul: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Salam sejahtera, salam perpaduan dan salam Malaysia baharu.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua, kerana membenarkan saya berbahas dalam perbahasan menjunjung kasih ke atas Titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua, Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong merupakan payung dan lambang kepada simbol penyatuan seluruh rakyat Malaysia. Sebagai Ketua Negara, Baginda telah mengamanahkan kemakmuran Malaysia di bawah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan barisan Kabinetnya. Di mana saya lihat sekarang ini telah berjaya membawa kemakmuran dan kesejahteraan kepada negara kita. Dengan itu, saya menjunjung kasih ke atas keberangkatan Tuanku mencemar duli dan merasmikan pembukaan Parlimen bagi Penggal Pertama ini.

Saya juga bersyukur dan berbesar hati kerana sempat berkhidmat sebagai seorang Senator bersama-sama dengan sahabat-sahabat Ahli Yang Berhormat Senator sekalian, menyaksikan Parlimen dibuka sebanyak dua kali pada tahun ini.

Apa yang menariknya, kita berpeluang menyaksikan perubahan landskap politik negara selepas pilihan raya umum baru-baru ini. Sebelum memulakan ucapan saya, izinkan saya untuk menzahirkan penghargaan ke bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Agong kerana memperkenankan pelantikan Yang Amat Berhormat Ahli Parlimen Langkawi sebagai Perdana Menteri yang ketujuh, dan juga Yang Amat Berhormat Ahli Parlimen Pandan sebagai Timbalan Perdana Menteri Malaysia.

Tahniah juga kepada rakan-rakan dari Pakatan Harapan kerana telah berjaya mendapat sokongan dari rakyat untuk membina Malaysia baharu. Saya juga ingin mengalu-alukan kehadiran Menteri-Menteri dan Timbalan-Timbalan Menteri kerajaan baharu ke Dewan Negara. Semoga segala harapan dan nasihat dari kami di Dewan Negara akan diambil perhatian dan pertimbangan sewajarnya di kementerian masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, saya akui suasana Malaysia sudah berbeza. Malah, suasana dalam Dewan yang mulia ini pun sudah berbeza. Saya berpandangan tsunami politik yang berlaku sebenarnya satu petanda positif kerana ini menunjukkan pemikiran rakyat Malaysia yang matang dan inginkan perubahan.

Apa yang pasti, pemimpin-pemimpin parti sudah tidak lagi boleh berpeluk tubuh dan rakyat sudah sedar akan kepentingan dan kuasa yang ada di tangan mereka. Kuasa tersebut telah dizahirkan dalam pilihan raya umum baru-baru ini. Pembukaan sesi Parlimen kali ini merupakan pembukaan yang bersejarah, di mana melihatkan kerajaan lama iaitu Barisan Nasional telah ditubuhkan dan digantikan dengan kerajaan baharu oleh Kerajaan Pakatan Harapan. Rakyat sudah memilih, maka pilihan itu haruslah dihormati.

Namun, saya tetap bersyukur walaupun ada juga sedikit pergolakan berlaku, ia hanyalah seketika. Tiada rusuhan, tiada kekacauan dan tidak ada insiden buruk berlaku. Terima kasih kepada badan berwajib dan pihak berkuasa yang telah menjaga dan memelihara keamanan sedia ada. Saya harap kita akan berganding bahu bersama-sama. Ini kerana amanah yang kita pegang adalah besar, demi untuk bangsa Malaysia yang maju.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Titah Diraja baru-baru ini, ke bawah Duli Tuanku ada menyebut mengenai hasrat Baginda agar semua rakyat dapat menikmati pembangunan, termasuk Sabah dan Sarawak. Maka, dengan hasrat ke bawah Duli Tuanku, saya ingin memulakan perbahasan saya dengan menyentuh isu negeri Sabah. Pembangunan Sabah harus diteruskan, malah dipertingkatkan bagi rakyat Sabah. Ramai rakyat menaruh harapan tinggi kepada janji Kerajaan Pakatan Harapan dalam mengotakan janjinya mengenai isu royalti Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai mana yang kita sedia maklum, khususnya bagi rakyat di negeri Sabah dan Sarawak, bahawa pada masa ini isu mengenai Perjanjian Malaysia 1963

atau dikenali dengan MA63 hangat diperkatakan. Sebagai wakil dari negeri Sabah, MA63 atau Perjanjian Malaysia adalah dokumen penting untuk orang Sabah dan Sarawak yang perlu dihormati dan perlu dilaksanakan.

Ini kerana MA63 merupakan satu perjanjian atau, dengan izin, *international treaty* yang didaftar dengan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan diiktiraf di bawah *Vienna Convention on the Law of Treaties 1969*, dengan izin. Perjanjian Malaysia 1963 sebagai satu perjanjian antarabangsa, tidak boleh dipinda atau diubahsuai tanpa persetujuan semua pihak, penandatangannya termasuk Kerajaan British dan Singapura, dan harus dilaksanakan dengan sepatutnya dan sepenuhnya mengikut surat, mengikut niat dan mengikut semangatnya.

Sehubungan dengan itu, saya ingin mendapat kepastian dari Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa di dalam Manifesto Pakatan Harapan yang dikatakan dilaksanakan dalam 100 hari itu, apakah langkah-langkah yang akan dan bakal diambil? Bilakah status Sabah dan Sarawak sebagai rakan kongsi sama taraf dengan Malaya akan dikembalikan?

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sebelum ini telah menubuhkan satu Jawatankuasa Kabinet untuk membincang dan melaksanakan pembayaran peruntukan kewangan dan hasil seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan serta penurunan kuasa, dengan izin, *devolution of powers*, dan autonomi kepada Sabah dan Sarawak.

Untuk Sarawak, mantan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah bersetuju tiga belas bidang kuasa yang dipersetujui diturunkan kepada negeri Sarawak. Akan tetapi akibat penukaran Kerajaan Persekutuan selepas PRU ke-14, pembayaran peruntukan kewangan dan hasil tersebut serta penurunan kuasa tidak dapat dilaksanakan lagi. Seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan, Sabah berhak menerima pemberian *special grant*, dengan izin, dan hasil kewangan tambahan kewangan seperti berikut:

- (i) 40 peratus hasil bersih yang diperoleh oleh Persekutuan di bawah Artikel 112(c) dan Item 2(b) Bahagian IV, Jadual Kesepuluh; dan
- (ii) duti import dan eksais ke atas produk petroleum yang diimport ke Sabah di bawah Artikel 112(c) Item 1 Bahagian V, Jadual Kesepuluh.
- (iii) 10 peratus duti eksport ke atas minyak dan gas dari Sabah sebagai pengganti bayaran royalti sehingga 10 peratus nilai *ad valorem* dan memandangkan royalti tidak pernah dibenarkan dikutip oleh Kerajaan Negeri Sabah, maka 10 peratus duti eksport tersebut harus dibayar kepada Kerajaan Negeri Sabah di bawah Artikel 112(c), dan Item 3 Bahagian V, Jadual Kesepuluh.

Memandangkan bahawa peruntukan kewangan tersebut termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Bilakah Kerajaan Persekutuan akan melaksanakan pembayaran peruntukan-peruntukan kewangan tersebut iaitu 40 peratus hasil bersih yang diperolehi dari Sabah, import dan eksais duti ke atas produk petroleum dan 10 peratus duti eksport ke atas minyak dan gas menggantikan royalti?

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Negeri Sabah juga telah menerima cukai jualan di bawah sistem cukai SST dahulu, di bawah Artikel 95B(3) Perlembagaan Persekutuan. Memandangkan sistem GST telah menggantikan SST pada 1 April 2015 sehingga ia dimansuhkan pada 1 Jun 2018, segala kutipan GST yang dipungut di Sabah haruslah dikembalikan kepada Kerajaan Negeri Sabah.

Oleh yang demikian, saya ingin mohon mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri Kewangan, bilakah Kerajaan Persekutuan akan membayar balik segala kutipan GST yang dipungut di negeri Sabah?

■1150

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini timbul kekeliruan mengenai pembayaran royalti minyak kepada negeri-negeri pengeluar minyak akibat penukaran cara pengiraan royalti tersebut. Dalam manifesto Pakatan Harapan, amat menarik sekali, iaitu mereka berjanji menaikkan royalti minyak daripada 5 peratus royalti kepada 20 peratus royalti. Ia tidak dinyatakan 20 peratus royalti tersebut adalah berdasarkan keuntungan dan adalah jelas bahawa janji manifesto melibatkan kenaikan daripada lima peratus kepada 20 peratus.

Saya telah mengikuti pada awal sidang Dewan Rakyat baru-baru ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan yang lain telah mengesahkan bahawa 20 peratus royalti tersebut adalah berdasarkan royalti yang kebiasaan definisinya adalah berdasarkan jumlah pengeluaran kasar. Akan tetapi semasa menjawab soalan tambahan, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengubah cara pengiraan 20 peratus royalti tersebut kepada berasaskan keuntungan. Ini telah menimbulkan rasa tidak puas hati sebahagian Ahli-ahli Yang Berhormat dan rakyat daripada negeri-negeri pengeluar minyak.

Asas pengiraan 20 peratus royalti mengikut keuntungan telah juga disentuh oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ekonomi dalam jawapannya di Dewan Rakyat dan ditambah bahawa bayaran royalti berasaskan pengeluaran kasar akan memberikan kesan negatif kepada PETRONAS dan negara. Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ekonomi menambah lagi bahawa pembayaran berdasarkan 20 peratus keuntungan perlu masa lagi untuk

dilaksanakan sebab pembayaran 20 peratus keuntungan tersebut memerlukan pindaan *Petroleum Development Act 1974*.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Sambil memutuskan pembayaran 20 peratus royalti minyak, saya juga ingin meminta Kerajaan Pakatan Harapan yang merupakan kerajaan baharu hari ini, agar menyemak, meneliti dan mengkaji kesahihan *Petroleum Development Act 1974*, Perintah Penyerahan Hak (*Vesting Order*) yang ditandatangani oleh Allahyarham Tun Abdul Razak pada 27 Mac 1975 yang menyerahkan hak minyak dan gas di Malaysia termasuk Sabah kepada PETRONAS dan mengambil tindakan sewajarnya untuk mengembalikan hak milik minyak dan gas Sabah dan Sarawak kepada kerajaan Sabah dan Sarawak masing-masing dan kepada rakyat mereka.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Pelantar Benua 1966 atau Akta Perlombongan Petroleum 1966 tidak boleh dikuatkuasakan di perairan negeri Sabah dan negeri Sarawak. Sempadan perairan wilayah telah ditentukan oleh Mahkamah Mahkota British melalui Perintah Dalam Majlis, dengan izin, *Order in Council* sejak tahun 1954.

Selanjutnya, Akta Laut Wilayah 2012 yang digubal untuk menggantikan Akta Pelantar Benua 1966, Akta Perlombongan Petroleum 1966 dan Ordinan No. 7, 1969 tidak seharusnya dikuatkuasakan berkenaan perairan Sabah dan Sarawak, kerana ia bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan. Ini kerana akta tersebut telah menukar sempadan Sabah yang termaktub dalam Fasal 1(3) Perlembagaan Persekutuan. Apa-apa penukaran sempadan Sabah perlu diterima pakai oleh Dewan Undangan Negeri Sabah di bawah Fasal 2 Perlembagaan dan ini tidak dibuat. Oleh yang demikian, Akta Laut Wilayah 2012 hanya adalah undang-undang di atas kertas dan bukannya sah di bawah undang-undang Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, pada hakikatnya, Kerajaan Persekutuan telah mengutip banyak cukai dan levi dari Sabah. Akan tetapi, kami tidak pernah merungut, kami tidak kisah kekayaan kami dikongsi bersama negeri-negeri lain. Akan tetapi, Tuan Yang di-Pertua, kami hanya menuntut 40 peratus dari apa yang sepatutnya milik Kerajaan Sabah dan rakyat Sabah.

Isu pemberian 20 peratus royalti daripada jumlah keseluruhan pengeluaran minyak merupakan tuntutan yang adil. Ini kerana Sabah menyumbang kepada hampir separuh daripada jumlah pengeluaran gas dan minyak negara. Walau bagaimanapun, ada sesetengah pihak telah membangkitkan perkara ini sehingga ia telah disalah tafsir oleh pelbagai pihak. Ada yang mengatakan bahawa ia bukan royalti, tetapi sebaliknya *net profit* atau *gross profit*. Oleh itu, saya mohon dan minta kerajaan memberikan pencerahan mengenai perkara ini.

Menurut sumber, Sabah hanya menerima RM7 bilion royalti minyak pada tahun 2013 walaupun Putrajaya mendapat RM32 bilion daripada PETRONAS pada tahun yang sama. Hasil levi dan cukai yang dibayar Kerajaan Persekutuan kepada negeri itu selama 44 tahun masih sama iaitu RM23 juta setahun tanpa mengambil kira kenaikan harga minyak global.

Tuan Yang di-Pertua, Sabah memerlukan dana pembangunan di mana pelbagai kegiatan ekonomi dapat dirancahkan dan lebih banyak peluang pekerjaan kepada rakyat Sabah dapat disediakan. Ini supaya mereka boleh menampung kos hidup dan supaya dapat mengurangkan penghijrahan ramai rakyat tempatan Sabah meninggalkan negeri itu untuk mencari nafkah.

Dengan itu, soalan pertama saya, apakah perkembangan janji dari manifesto Pakatan Harapan setakat ini? Adakah rakyat Sabah akan dapat menikmati pembangunan pesat yang selari dengan pembangunan di semenanjung atau semalam dikatakan oleh Presiden Majlis Senator Malaysia iaitu Tanah Melayu?

Seterusnya, saya ingin menyentuh mengenai sebuah jawatankuasa yang ingin ditubuhkan bagi menyemak semula pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963. Jawatankuasa ini secara ringkas akan meneliti beberapa perkara dan antaranya meningkatkan kefahaman rakyat mengenai Perjanjian Malaysia 1963 melalui Sistem Pendidikan Kebangsaan; seterusnya, pelaksanaan konsep *federalism* untuk ketiga-tiga wilayah dalam Malaysia; seterusnya, hak Sabah dan Sarawak terhadap hasil semula jadi negara serta hasil minyak dan gas serta perkara-perkara yang berkaitan dengan pentadbiran; dan seterusnya, jumlah peruntukan yang seharusnya menjadi hak Sabah dan Sarawak.

Ini terkandung dalam manifesto bahawa dalam tempoh 100 hari Jawatankuasa Khas Kabinet akan dianggotai oleh wakil-wakil daripada semenanjung, Sabah dan Sarawak. Saya ingin tahu komposisi jawatankuasa ini. Adakah sekiranya jawatankuasa ini apabila bersidang kelak akan membentangkan laporan pada Kabinet dan seterusnya kepada Ahli-ahli Parlimen di Dewan Rakyat dan juga Dewan Negara?

Kerajaan baharu juga berjanji untuk memastikan ekonomi Sabah dan Sarawak berkembang pesat demi kemakmuran hidup rakyat seluruhnya. Segala kemudahan tidak akan diabaikan seperti pembangunan infrastruktur asas seperti bekalan air dan elektrik, pembinaan jalan raya, mempercepatkan pembinaan Lebuhraya Pan Borneo, mengkaji perkhidmatan Keretapi Trans-Borneo dan membina lebih banyak sekolah serta pusat-pusat kesihatan.

Saya juga ingin bertanya mengenai keinginan Kerajaan Pakatan Harapan untuk menubuhkan tabung industrialisasi dan tabung keusahawanan di peringkat Sabah dan Sarawak untuk menyemarakkan lagi proses industri dan sektor keusahawanan. Apakah

status usaha itu setakat ini dan bagaimanakah serta kaedah kedua-dua tabung ini dapat membantu masyarakat negeri Sabah?

Selain daripada itu, hak pemilikan tanah adat juga penting, Tuan Yang di-Pertua. Saya difahamkan perkara ini akan diperakui dan proses pendaftar hak pemilikan akan diperkemas dengan segera.

■1200

Konflik hak Orang Asal terhadap tanah mereka akan diselesaikan melalui penubuhan Tribunal Khas Tanah Adat yang dianggotai oleh mereka yang mempunyai kepakaran khusus dalam bidang ini. Apakah perkembangan tribunal ini? Sekiranya ditubuhkan, tribunal ini akan diletakkan di bawah kementerian mana? Maka dengan itu rakyat Sabah menuntut agar semua perkara-perkara yang saya sebut tadi dapat direalisasikan dengan sempurna.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin beralih kepada Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya. Saya memberi peringatan kepada kementerian baharu mengenai satu isu yang sentiasa saya bawa sepanjang saya berkhidmat sebagai Ahli Dewan Negara iaitu Pesta Pelancongan Domestik atau *MITA Travel Fair*, dengan izin. Saya berharap agar kerajaan baharu ini khususnya Menteri dan Timbalan Menteri yang baru akan meneruskan kesinambungan pesta pelancongan ini. Ini kerana semasa Pesta Pelancongan Domestik ini telah memberi peluang kepada ramai pengusaha dan pemain industri pelancongan tempatan sama ada dari syarikat besar sehingga kepada syarikat dan usahawan pelancongan kecil.

Pesta pelancongan ini dapat mempromosikan tempat-tempat menarik di negara kita selain dari membawa keuntungan lumayan kepada masyarakat setempat. Saya ingin cadangkan kepada kementerian agar meningkatkan kerjasama dengan NGO pelancongan dan mereka yang terlibat dalam industri pelancongan untuk turut serta dalam *MITA Travel Fair* ini. Soalan saya, apakah perancangan bagi program *MITA Travel Fair* pada tahun ini? Dengan adanya Menteri dan Timbalan Menteri yang baharu adakah kementerian akan membawa nafas baharu pada pesta dan meletakkan nama Pesta Pelancongan Domestik dan bukannya *MITA Travel Fair*. Ini kerana ramai rakyat masih keliru dengan penganjuran program *MITA Travel Fair* dengan *MITA Travel Fair*.

Saya juga ingin menyentuh satu aspek pelancongan iaitu dari aspek kedatangan pelancong dari luar negara. Kedatangan pelancong mendatangkan pendapatan lumayan bukan sahaja kepada negara tetapi pendapatan kepada pengusaha-pengusaha pelancongan. Sebagai contoh, kita menerima kedatangan pelancong dari China. Apakah perbandingan kedatangan pelancong China ke negara kita berbanding dengan kedatangan pelancong China ke Thailand, Indonesia dan juga negara lain di Asia Tenggara?

Seterusnya, apakah langkah atau bantuan yang dapat dihulurkan oleh kementerian dengan berdasarkan kepada keadaan situasi ekonomi negara kita ketika ini? Apakah bentuk promosi yang disediakan oleh kementerian bagi pengusaha kecil dan pengusaha *homestay*, hotel sehinggalah kepada van pelancongan di negara kita. Selain dari isu pelancongan, saya ingin bertanya mengenai Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA).

Saya difahamkan perbincangan ada dijalankan mengenai pembukaan cawangan ASWARA dengan Kerajaan Negeri Sabah. Sekiranya perkara ini benar maka saya amat menyokong langkah ini kerana penduduk Sabah yang ingin melanjutkan pelajaran di ASWARA tidak perlu ke Semenanjung tetapi hanya perlu belajar di Sabah.

Saya ingin tahu apakah perkembangan dari perbincangan tersebut? Adakah lokasi telah pun dikenal pasti? Berapa anggaran kos yang akan ditanggung oleh Sabah dan juga Kerajaan Persekutuan? Saya mohon juga kepada kementerian sekiranya perkara ini menjadi realisasi, aspek pensyarah juga harus diambil kira. Adakah tenaga pengajar mencukupi bagi mencapai perancangan ini? Adakah masih perlu pensyarah dari Semenanjung? Adakah subjek pembelajaran di Sabah adalah sama atau berbeza dengan cawangan ASWARA di Sabah?

Mengenai ASWARA ini Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh satu isu iaitu mengenai penjenamaan ASWARA itu sendiri. Sebelum pilihan raya, di dalam manifesto Barisan Nasional ada janji untuk menaik taraf dan mengubah nama institusi ini kepada Universiti P. Ramlee. Saya ingin tahu, apakah status kepada langkah ini? Adakah ASWARA sudah pun dinaiktarafkan ke peringkat universiti dan sama ada kementerian hendak menggazet nama universiti ini sebagai Universiti Seni dan Warisan ataupun Universiti P. Ramlee.

Saya juga ingin memberi cadangan agar kementerian mengambil maklum akan pendapat dan pandangan semua pihak berkepentingan. Sebagai contoh pensyarah akademik, penggiat seni dan golongan profesional dalam bidang seni demi untuk menjadikan penaiktarafan ini suatu realiti. Saya pohon jawapan dan pandangan dari kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyambung perbincangan saya dengan menyentuh Kementerian Hal Ehwal Ekonomi. Semenjak Pakatan Harapan memegang tampuk pemerintahan Malaysia, apakah dasar jangka masa pendek dan panjang yang dirancang untuk pembangunan Malaysia. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah memulakan pentadbiran negara dengan mengumumkan situasi sebenar kewangan negara. Maka soalan saya, adakah ini mempunyai kesan kepada pelabur, saham dan juga mata wang negara.

Kita tidak boleh nafikan pengumuman oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Menteri Kewangan telah sedikit sebanyak memberi impak kepada pasaran saham dan imej kita di merata dunia. Kerajaan sering mengatakan ekonomi kita sedang dalam keadaan pemulihan. Adakah semua ini memberi kesan negatif atau kesan positif pada negara? Bolehkah kementerian memberi unjuran masa dan bilakah ekonomi negara kita akan betul-betul pulih, dengan izin, *to what extent the damage has been done by the previous government*.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh mengenai Kementerian Pendidikan. Perkara yang saya ingin sentuh ialah mengenai hala tuju kementerian untuk pembangunan pendidikan di negara kita. Sekiranya kita lihat pada pentadbiran dahulu kedua-dua cabang pendidikan negara iaitu sekolah dan pendidikan tinggi diasingkan. Kini selepas PRU kerajaan baharu merangka polisi dengan menggabungkan kedua-dua institusi pendidikan negara. Terus terang saya akui langkah ini merupakan langkah drastik dan berani. Ini kerana untuk menjaga, mentadbir dan mengurus kedua-dua cabang pendidikan bukannya mudah. Saya ingin tahu apakah motif sebenar di sebalik gabungan ini? Adakah Menteri dan Timbalan Menteri mampu menampung tugas kedua-dua cabang besar pendidikan negara?

Selain dari itu di bawah kementerian ini saya ingin menyentuh mengenai Institut Terjemahan Buku Malaysia (ITBM). Sekiranya kita lihat pada latar belakang ITBM ia ditubuhkan 1985 sewaktu perbincangan Dasar Buku Negara. Pada ketika itu telah diminta ditubuhkan satu badan yang khusus dalam bidang terjemahan. Kemudian pada 1992, barisan Jemaah Menteri bersetuju untuk menubuhkan ITNM, ditubuhkan dan kemudian bertukar status kepada ITBM.

Secara ringkasnya penubuhan ITBM adalah bagi menyemarakkan industri buku negara. Selain dari menghasilkan buku-buku terjemahan, ITBM juga terlibat dalam menerbitkan buku pelbagai genre sama ada buku dalam bidang ilmiah ataupun buku umum. Walau bagaimanapun, semenjak kebelakangan ini saya melihat institusi ini sering dilanda masalah kewangan yang teruk sehingga ada berita di media sosial mengatakan ITBM telah tutup. Warga ITBM berjumpa dengan saya dan mengatakan situasi sebenar ITBM sekarang.

Melalui pertemuan itu mereka mengatakan bahawa ITBM sekarang ini bukannya berada dalam keadaan tidak sihat, bukannya berada dalam keadaan uzur tetapi sebenarnya dalam keadaan nazak. Ini kerana kedudukan kewangan mereka sekarang ini pun tidak mampu menampung kakitangan sedia ada. Malah apa yang saya dapat maklumat bahawa gaji kakitangan hanya mampu dibayar sehingga bulan Disember tahun ini. Adakah semua ini benar? Sekiranya benar apakah langkah kementerian bagi membantu ITBM mengatasi masalah kewangan yang teruk ini?

Saya juga ingin mencadangkan kepada kementerian memohon dana dari Kementerian Kewangan bagi membantu institusi ini. Bantuan dana ini juga kepada Dewan Bahasa dan Pustaka kerana saya lihat kedua-dua agensi di bawah kementerian ini dapat membantu menyemarakkan lagi industri buku negara dan melahirkan generasi cerdik pandai di negara kita. Saya ingin mencadangkan kepada kementerian untuk mempromosi dan menjual buku-buku ITBM kepada sekolah-sekolah kerajaan bagi membantu mereka mengumpul dana untuk menghasilkan lebih banyak buku.

Menyentuh mengenai dana, saya ingin bertanya adakah kementerian ada menyediakan dana seni untuk membantu industri seni di Malaysia. Ini kerana di dalam Manifesto Barisan Nasional dahulu ada disebut mengenai penyediaan dana seni bagi merealisasikan potensi penggiat seni di Malaysia.

■1210

Dalam manifesto tersebut ada dinyatakan untuk peruntukan dana sebanyak RM10 juta kepada mereka yang terlibat dalam industri kreatif dan menyediakan geran sebanyak RM5 juta kepada pergerakan badan warisan. Ini terkandung dalam manifesto BN tetapi malangnya, saya tidak lihat perkara ini dalam manifesto dalam kerajaan baharu. Akan tetapi saya berpandangan, masih ada masa untuk kerajaan dan di bawah kementerian ini untuk menggubal dan membentuk dasar baru bagi membantu industri seni di negara kita. Soalan saya, apakah langkah-langkah dan dasar baru yang dirangka oleh kementerian bagi membantu industri seni ini?

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin beralih kepada isu penjawat awam...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Datuk Dr. Lucas Umbul: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Berapa minit lagi?

Datuk Dr. Lucas Umbul: Lebih kurang *another ten minutes Sir*. Seterusnya saya ingin beralih kepada- terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang baik hati...

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Datuk Dr. Lucas Umbul: Kerana sudi bertanya berapa lama lagi. Saya ingin beralih kepada isu penjawat awam kerajaan yang berfungsi bukan sahaja sebagai tulang belakang kepada kerajaan, tetapi sebagai mekanisme pemangkin kepada kelicinan pentadbiran negara. Penjawat awam tidak melihat warna politik, sebaliknya mereka berpegang kepada prinsip, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *"to serve the government of the day"*.

Selepas kerajaan baharu telah mengambil alih, kerajaan mengambil keputusan menarik semula bonus yang sepatutnya dinikmati oleh penjawat awam pada hari raya lepas. Kesian mereka. Walaupun mereka yang berada di Gred 41 dan ke bawah menerima bonus

itu, tetapi gred pegawai atas 41 berdukacita, malah berduka lara kerana tidak menerima bonus yang dijanjikan. Pegawai sana pun mereka ketawa juga, senyum.

Soalan saya kepada Kementerian Kewangan, adakah kerajaan bercadang membawa sebarang berita baik kepada penjawat awam pada masa datang ini, tidak mengira pangkat atau gred dan golongan pada bajet tahun ini? Adakah mereka akan diberi insentif baru, sebagai contoh elaun-elaun tertentu bagi skim tertentu dalam perkhidmatan awam? Langkah ini bagi menaikkan moral dan semangat penjawat awam untuk berkhidmat di bawah kerajaan baharu.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin kemukakan permintaan dari Negeri Di Bawah Bayu di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia. Tuan Yang di-Pertua, kita di negeri Sabah ada rancangan pelbagai bahasa. Ada bahasa Kadazan, ada bahasa Dusun, ada bahasa Bajau, ada bahasa Murut. Siaran pelbagai bahasa ini berkumandang dari RTM sejak tahun 60-an sehinggalah pada hari ini. Ini dapat membantu mencanangkan polisi dan dasar kerajaan kepada masyarakat-masyarakat luar bandar di negeri Sabah yang tidak faham dengan Bahasa Melayu. Mohon maaf, bukan Bahasa Malaysia, Bahasa Melayu.

Jadi, saya mohon kepada Kementerian Komunikasi dan Multimedia mempertimbangkan supaya diadakan siaran berita dalam bahasa Murut dalam TV Okey bagi penyampaian dasar dan polisi kerajaan dengan lebih efisien kepada masyarakat-masyarakat kaum Murut di pedalaman negeri Sabah. Ia telah dilancarkan pada tahun lepas oleh mantan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Kota Kinabalu. Saya amat menyokong supaya permintaan ini dipertimbangkan oleh Kementerian Komunikasi dan Multimedia demi perpaduan dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya tadi terlupa sedikit tentang pesanan daripada orang-orang Sabah juga iaitu mengenai kes penutupan IPG Kampus Keningau di pedalaman Sabah. Ini juga berlaku di Kelantan saya rasa Yang Berhormat Ustaz, iaitu kalau saya merujuk kepada ucapan ataupun jawapan Yang Berhormat Menteri bahawa sembilan Institut Pendidikan Guru termasuk Institut Pendidikan Guru Kampus Keningau, Sabah ditukar fungsi kepada Institusi Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET). Dia mengatakan, "*Walau bagaimanapun, keputusan pertukaran fungsi sembilan IPG tersebut sedang diteliti semula oleh kerajaan baharu...*". Dahulu yang minta ditutup ialah kerajaan lama, jadi sekarang ini dia kata, "*...sedang diteliti semula oleh kerajaan baharu dengan mengambil kira pandangan pihak-pihak yang berkepentingan*".

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sampaikan kepada Kementerian Pendidikan dan saya merayu kepada Kementerian Pendidikan, sebab kalau kita tutup IPG, sekarang ini Kementerian Belia dan Sukan sudah tutup Program Latihan Khidmat Negara. Banyak tempat

yang boleh kita rasakan kalau kita tukar fungsi IPG ini kepada Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET), kita boleh gunakan beberapa tempat. Kalau di Sabah, saya ada *list* iaitu Pusat Latihan Khidmat Negara di Papar, Tambunan, Tawau, Kota Belud, Sandakan dan Tuaran. Jadi kita ada enam pusat PLKN ini, bolehlah kita gunakan untuk membuat pengajaran latihan dan vokasional ini, bukan menutup IPG yang sedia ada.

Saya ingin mengutarakan satu-satunya IPG yang begitu bersejarah di pedalaman negeri Sabah Tuan Yang di-Pertua, sebab saya juga bekas pensyarah di institut ini. IPG Keningau, Sabah ini adalah satunya tempat rujukan kecemerlangan pedagogi peribumi di kawasan pedalaman seperti Keningau, Tenom, Tambunan, Nabawan, Pensiangan dan di kawasan-kawasan pedalaman.

Begitu juga, IPG Kampus Keningau ini merupakan pusat di mana program Pensiangan-Salinatan. Mungkin saya huraikan sedikit, program ini merupakan program yang lebih kepada *outreach* atau lebih kepada program luar bandar iaitu meningkatkan prestasi-prestasi sekolah luar bandar dan juga memperkasakan kecemerlangan pendidikan di sekolah-sekolah yang terletak jauh di pedalaman.

Oleh sebab IPG Kampus Keningau ini merupakan gedung ilmu di kawasan pedalaman Sabah yang mengeluarkan siswazah pendidik yang bertaraf Ijazah Sarjana Muda Pendidikan, maka ia juga sering menjadi pusat latihan awam bagi agensi-agensi kerajaan dan swasta.

Selain daripada itu, kalau kerajaan melihat untuk mengurangkan kos perbelanjaan melaksanakan kursus dalam perkhidmatan kepada guru-guru yang berkhidmat di kawasan pedalaman, ini bermakna guru-guru yang sedang berkhidmat di kawasan pedalaman tidak perlu dihantar berkursus di IPG jauh, tetapi boleh menggunakan IPG Kampus Keningau untuk pusat latihan.

Kawasan IPG ini amat bersejarah kepada rakyat pedalaman Sabah Tuan Yang di-Pertua kerana dengan keluasan 56 ekar ini bukan senang kita dapat. Ia telah diusahakan oleh mantan Timbalan Ketua Menteri Sabah yang Kerajaan Berjaya dahulu iaitu Yang Berbahagia Tan Sri Haji Suffian Koroh. Bukan mudah dapat tanah ini Tuan Yang di-Pertua.

Jadi kalau kita tutup IPG ini, kita tukar fungsi dia, *never mind, it is okay*, dengan izin, tetapi jangan ditutup sama sekali. Ini kerana pusat ini amat bersejarah dan ia masih lagi digunakan untuk kecemerlangan dalam kursus pendidikan bahasa KadazanDusun di mana hari ini telah diluluskan oleh kerajaan untuk Ijazah Sarjana Muda Pendidikan KadazanDusun. Jadi, kita boleh gunakan IPG Kampus Keningau ini sebagai pusatnya. Jadi, saya mohon kepada kerajaan untuk meneliti balik apa yang telah dibincangkan selama ini agar mengekalkan IPG ataupun...

Tuan Haji Muhammad bin Mustafa: [Bangun]

Datuk Dr. Lucas Umbul: Institut Pendidikan Guru Kampus Keningau ini bagi membolehkan rakyat pedalaman mendapat pendidikan yang begitu cemerlang di masa akan datang. Ya, silakan.

■1220

Tuan Haji Muhammad bin Mustafa: Terima kasih, Yang Berhormat Senator. Oleh sebab Kelantan juga mempunyai IPG yang hampir sama sejarahnya dan agar menerima nasib yang sama, jadi saya ingin tahu daripada Yang Berhormat apa sebenarnya dia punya cerita asal dan sebab musabab yang menimbulkan atau yang menyebabkan kerajaan lama ingin merubah IPG ini dan apa rasional sebenarnya? Apakah rasional itu benar-benar yang boleh diterima oleh rakyat ataupun rasional itu sebenarnya tidak rasional? Apa pandangan, Yang Berhormat?

Datuk Dr. Lucas Umbul: Saya amat bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat. Sebab Kelantan dan Sabah ini adik-beradik sekarang sebab dua-dua ada IPG. Saya mohon agar kementerian melihat dengan penuh teliti kes penutupan IPG ini kerana ia amat bersejarah, begitu nostalgia kepada masyarakat setempat dan seperti yang dikatakan oleh kerajaan yang lepas dia mengatakan bahawa masalah penutupan IPG ini ialah melihat kepada masalah kekangan kewangan. Jadi, saya harap dengan kerajaan baharu hari ini akan melihat semula kes penutupan sembilan IPG di seluruh negara ini agar diberi perhatian yang sepenuhnya agar fungsi utama untuk meningkatkan kecemerlangan pendidikan di Malaysia ini dapat dimartabatkan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan isu-isu yang saya utarakan tadi, saya juga ingin menyentuh yang akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua iaitu saya ingin memetik kata-kata ahli-ahli politik dari Amerika Syarikat apabila selesai pilihan raya umum di Amerika Syarikat. Apabila pihak menang dan pihak kalah telah diumumkan di media masa, pada malam itu juga saya melihat pihak yang kalah akan mengumpulkan semua jentera dan penyokong parti mereka yang pada malam itu, ketua parti tersebut akan membuat ucapan ulung mereka. Apa kata pemimpin ini?

Perkara ini saya ingin kongsi dengan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Beliau akan berucap di khalayak ramai dengan memohon maaf di atas kekalahan yang dialami oleh parti mereka dan berterima kasih di atas segala bantuan dan sokongan padu yang telah diberikan oleh penyokong-penyokongnya sewaktu berkempen. Selepas itu, dia akan berkata dengan ungkapan ini, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, *"The election is over. Let us forget the past and then, let us all come together and build our nation."* Dengan kata lain, pilihan raya umum negara kita telah pun berakhir. Maka, marilah kita bersama-sama buang yang keruh ambil yang jernih dan bersama-sama berganding bahu tidak mengira latar belakang dan

fahaman politik dan berusaha untuk kita membangunkan, memakmurkan dan menyejahterakan negara kita di peringkat tempatan dan juga di peringkat dunia.

Dengan kata-kata itu Tuan Yang di-Pertua, saya mengakhiri perbahasan saya dengan menyokong sepenuhnya dan menjunjung kasih di atas Titah Diraja Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Sekian, Terima kasih.

12.24 tgh.

Dato' Sri Ti Lian Ker: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua memberi peluang kepada saya untuk turut menjunjung kasih titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengalu-alukan kedatangan *India-Malaysia Youth Exchange and Study Programme 2018*. Diharap lawatan ini akan memberi manfaat kepada tetamu yang hadir pada hari ini... [*Dewan Tepuk*] *A very warm welcome to the students from India Exchange Programme to the Parliament of Malaysia.*

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syabas kepada kerajaan baharu Pakatan Harapan yang telah berjaya mengambil alih kuasa pentadbiran daripada Kerajaan Barisan Nasional di PRU14 yang lepas.

Kemenangan Pakatan Harapan membuktikan tuduhan Pakatan Harapan bahawa Kerajaan Barisan Nasional akan membuat penipuan secara besar-besaran dalam PRU14 adalah tidak benar, fitnah dan tohmah. Tuduhan dan tohmahan ini dibuat semata-mata untuk menyemarakkan kemarahan penyokong Pakatan Harapan dan juga untuk menjatuhkan maruah Barisan Nasional secara tidak bertanggungjawab.

Tuduhan dan tohmahan itu dibuat berniat untuk mengapikan imaginasi penyokong-penyokong mereka supaya membenci, mencaci Kerajaan Barisan Nasional dan penyokong mereka pada masa itu. Selepas PRU14, jelas terbukti fitnah dan tohmahan itu berjaya membantu pencapaian matlamat Pakatan Harapan untuk menjatuhkan Kerajaan Barisan Nasional secara tipis. Khususnya dengan sokongan pengundi-pengundi Cina secara *absolute*.

Tuan Yang di-Pertua, fitnah dan tohmahan bahawa Kerajaan Barisan Nasional akan menyalahgunakan kuasa mereka melalui undang-undang *draconian* dan pemerintahan berkuku besi untuk meneruskan pemerintahan Barisan Nasional sudah terbukti tidak benar. Tuduhan Barisan Nasional akan membuat penipuan supaya dapat terus berkuasa dalam PRU14 itu adalah jelas palsu.

Sebaliknya, Kerajaan Barisan Nasional telah menyerahkan kuasa secara teratur, tersusun dan peralihan kuasa daripada Barisan Nasional ke Pakatan Harapan begitu licin

sekali tanpa sebarang ganggu gugat atau permainan politik licik. Ini telah membuktikan kematangan politik dan *gentleman*-nya, dengan izin pemimpin-pemimpin Barisan Nasional yang tidak bertindak liar atau menyalahgunakan kuasa dan pengaruh mereka pada masa itu untuk terus berkuasa dengan menggagalkan pembentukan kerajaan baharu secara provokasi, secara manipulasi atau dengan membuat huru-hara. Barisan Nasional telah bekerjasama dan menghormati proses demokrasi dan menyerah kuasa secara aman walaupun Pakatan Harapan cuma mencapai kemenangan yang tipis.

Dalam sekelip mata, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Pakatan Harapan sudah berkuasa dan dari hari pertama hinggalah 100 hari kemudian kerajaan baharu Pakatan Harapan terus mentadbir tanpa diganggu gugat oleh Barisan Nasional. Sebaliknya, pihak Pakatan Harapan dengan kuasa baharu tetap bertindak bersikap kasar seakan-akan mereka masih pembangkang.

Kerajaan baharu Pakatan Harapan mengambil kesempatan mensensasikan isu-isu *prima facie* tanpa siasatan teliti atau menyedari bahawa sekarang mereka adalah kerajaan dan menteri yang mempunyai tanggungjawab untuk menjaga rakyat, meyakinkan rakyat dan pelabur untuk terus melabur dan menyumbang ke arah pembangunan negara dan penambahan FDI.

Seharusnya, Pakatan Harapan patut meyakinkan bahawasanya negara ini selamat dalam tangan Kerajaan Pakatan Harapan sekarang dan Pakatan Harapan berupaya mengatasi apa jua masalah dan akan menangani cabaran semasa dan bukannya panik apabila menghadapi masalah, menuding jari dan menunjukkan sikap yang *desperate*, dengan izin.

Langkah-langkah pentadbiran yang jitu seharusnya dilaksanakan dan bukannya setelah berkuasa masih berterusan menakut-nakutkan rakyat, menakut-nakutkan pelabur sehingga orang ramai dan pelabur hilang keyakinan pada ekonomi negara. Berbilion-bilion ringgit telah lari daripada pasaran sejak kerajaan baharu Pakatan Harapan mengambil alih disebabkan oleh kenyataan *reactionary*, dengan izin, yang sensasi dan populis. Gejala ini membawa implikasi yang negatif dan seterusnya akan membawa padah dan masa depan yang kelam pada ekonomi negara nanti.

Tuan Yang di-Pertua, kalau dahulunya DAP senantiasa menguar-uarkan bahawa negara ini akan bankrap dan mufliis sejak dari era pentadbiran Ahli Parlimen Langkawi sampailah ke era Pak Lah, hari ini DAP sudah berkuasa tetapi masih lagi terus dengan sikap menghebohkan *negativity* negara tanpa siasat teliti.

■1230

Profesionalisme institusi kita dan golongan profesional kita juga dipertikaikan secara rambang dengan implikasi bahawa mereka adalah tidak beramanah. DAP dengan sengaja memomokkan jumlah hutang negara yang sebenarnya masih dalam kawalan semasa Kerajaan Barisan Nasional. Tuduhan demi tuduhan terus dilemparkan oleh kerajaan semasa ke atas pemerintahan Barisan Nasional dulu.

Isu ini telah menyebabkan beratus juta pelaburan asing mengalir keluar setiap hari berturut-turut selama lebih dari sebulan sejak Kerajaan Pakatan Harapan ditubuhkan. Inilah angkara budaya ghairah berpolitik Pakatan Harapan sehinggalah kemakmuran, kesejahteraan dan kepentingan rakyat sanggup dikompromikan dan kepentingan negara diketepikan. Akhirnya, Pakatan Harapan dan DAP khususnya, berjaya meraikan kemenangan sorak tetapi kemakmuran dan kesejahteraan rakyat dan negara tergadai.

Tuan Yang di-Pertua, orang umum dan pelabur asing semakin tidak yakin dengan budaya dan sikap ini, khususnya cara penciptaan berita dan naratif negatif yang merosakkan dan membinasakan keyakinan pada negara. Seharusnya kerajaan baharu tumpu pada pentadbiran dengan menunjukkan daya dan keupayaan mereka untuk membina ekonomi negara dan bukannya terus mencemuh, mengeji dan menyebabkan kejatuhan keyakinan pada institusi amanah dan profesionalisme dalam negara. Perlulah saya mengingatkan kerajaan, khususnya DAP, supaya jangan ghairah mengejar sensasi sekarang.

Masa untuk memprovokasi emosi benci untuk undi, keji dan caci sudah berakhir. Janganlah kita sampai akhirnya yang *'Menang jadi arang dan yang kalah jadi abu'*. Sedarlah diri, Pilihanraya Umum Keempat Belas (PRU14) sudah berlalu dan Pakatan Harapan serta DAP haruslah berhenti berpolitik dan mulalah mentadbir. Tempoh 100 hari sudah berakhir tetapi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri masih lagi bergantung pada CEP dan bukannya Kabinet Jemaah Menterinya.

Tuan Yang di-Pertua, sudahlah. Pakatan Harapan berjaya merampas dan sedang menduduki kerusi yang dipertanggungjawabkan dengan kuasa dan pengaruh jentera dan jabatan kerajaan untuk memberi remedi atau membetulkan kesalahan kerajaan yang lepas dan bukannya untuk terus menuding jari pada lawan dan mencari serta menjadikan ia sebagai helah kegagalan Pakatan Harapan menunaikan janji pilihan raya mereka yang dibuat tanpa hemah dan teliti.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai contohnya, DAP telah berjanji bahawa UEC akan diiktiraf sebaik sahaja Pakatan Harapan berjaya mengambil alih kuasa Putrajaya. Pernah saya mengingatkan dan menegur Ahli Parlimen Kulai sebelum menjadi Timbalan Menteri

Pendidikan semasa di barisan pembangkang, supaya berhati-hati dan jangan sewenang-wenangnya berjanji kosong mengenai pengiktirafan UEC sekiranya DAP berkuasa nanti.

Saya menasihati Ahli-ahli Yang Berhormat supaya mendapat persetujuan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Anwar Ibrahim dan Ahli Parlimen Pagoh yang menjadi penghalang pengiktirafan sijil UEC semasa pemerintahan mereka dahulunya. Pelik dan anehnya apabila Timbalan Menteri dalam jawapan balas beliau di minggu yang lepas meminta MCA untuk membantu mempengaruhi UMNO supaya membenarkan UEC diiktiraf, seakan-akan UMNO masih berkuasa.

Tuan Yang di-Pertua, saya terperanjat dengan sikap Timbalan Menteri Pendidikan yang bersifat kebudak-budakan. Perlukah saya mengingatkan Ahli Parlimen Kulai bahawa kerajaan hari ini atau *the government of the day*, dengan izin, adalah Kerajaan Pakatan Harapan yang telah berjanji akan mengiktiraf UEC sebaik sahaja mereka berkuasa? Apa lagi berdolak-dalih? Bukankah kedua-dua Barisan Nasional dan Pakatan Harapan sudah berjanji dalam manifesto mereka bahawa sijil UEC akan diiktiraf dan dengan itu, bukanlah satu masalah yang besar untuk meneruskan UEC oleh kerana kedua-dua pihak sudah mempunyai kata sepakat dalam manifesto.

Kalau sebelum ini Barisan Nasional tidak dapat meluluskan pengiktirafan UEC, ia adalah kerana kita mempunyai halangan-halangan daripada kepimpinan-kepimpinan Ahli Parlimen Langkawi, Anwar Ibrahim dan MP Pagoh tetapi kali ini, Ahli Parlimen Ketereh yang pada masa itu Ketua Penerangan UMNO telah pun mengumumkan persetujuan pengiktirafan UEC dan Barisan Nasional sudah pun komited dan manifestasikan dalam janji manifesto. Bezanya, janji Barisan Nasional dikota tetapi janji Pakatan Harapan seperti janji-janji lain, tinggal janji dan helah politik belaka.

Penghapusan tol, pemilihan ahli majlis tempatan, penghapusan atau penangguhan...

Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah: Yang Berhormat...

Dato' Sri Ti Lian Ker: Saya minta bagi saya habiskan. Pilihan ahli majlis tempatan, penghapusan atau penangguhan hutang PTPTN dan sebagainya, tinggal janji belaka. Janji BR1M dikekalkan, tol dihapuskan tetapi yang sebaliknya tol dikekalkan dan BR1M dihapuskan pula. Yang Berhormat Senator.

Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah: Ini saya cuma hendak rujuk kepada apa Yang Berhormat berbahas berkenaan dengan UEC.

Latar belakang UEC kerajaan sebelum ini iaitu Kerajaan Barisan Nasional, sama ada di bawah pimpinan Tun Dr. Mahathir atau tidak, secara *in direct* lah, tidak terima UEC. Soalan saya lebih kepada selepas tahun 2009 sehingga sekarang, *the last 10 years*, apakah pendirian Kerajaan Barisan Nasional *the last 10 years* berkenaan dengan...

Tuan Yang di-Pertua: UEC.

Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah: UEC.

Dato' Sri Ti Lian Ker: Yang Berhormat Senator, sebenarnya kalau kita imbas kembali, UEC cuma dimulakan pada tahun 1975. Sebenarnya baru 40 lebih tahun dan bukannya 60 tahun lebih seperti yang diuar-uarkan oleh pembangkang.

Akan tetapi pada masa 70-an dan 80-an, kita baru memulakan Dasar Pendidikan Kebangsaan apabila dasar pendidikan kita iaitu penguasaan bahasa Melayu masih lagi menjadi masalah dan persoalan. Pada hari ini, kita dapat lihat bahawa penguasaan bahasa Melayu, bahasa Malaysia bukanlah menjadi masalah. Kalau kita tengok, ramai lagi pemimpin-pemimpin sanggup dan menyokong. Semestinya dalam demokrasi ini ada mempunyai pendapat yang berbeza tetapi hari ini Pakatan Harapan telah memberi janji dan hari ini UEC tidak akan menjadi satu *threat* kepada keamanan dan sebagainya.

Saya teruskan untuk menjawab ataupun saya akan teruskan hujah-hujah saya supaya Yang Berhormat memahami hujah yang saya hendak ketengahkan. Ahli Parlimen Kulai yang juga Timbalan Menteri Pendidikan perlulah kerja kuat sikit dan kurang celupar atau suka menuding jari kepada UMNO, PAS atau MCA.

Kalau mahu terus bertanding- kecuali beliau sudah tidak mempedulikan hasrat pengundi Cina yang telah termakan janji beliau bahawasanya UEC akan diiktiraf sebaik sahaja DAP berkuasa nanti, atau mungkin Ahli Parlimen Kulai bermaksud UEC cuma akan diiktiraf sebaik sahaja DAP menjadi Perdana Menteri nanti. Mungkin Timbalan Menteri Pendidikan sudah lupa cara beliau mengutuk bahasa hasutan beliau pada pengundi Cina terhadap Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Chong Sin Woon dari MCA pada satu masa dahulu apabila dalam isu kelewatan sijil UEC diiktiraf semasa pemerintahan Barisan Nasional.

Mengapakah kita beranggapan keamanan negara akan diporak-perandakan, akan berlaku rusuhan atau akan berlaku cetusan pergaduhan perkauman, sedangkan Pakatan Harapan telah mengatakan UEC sudah diiktiraf di Pulau Pinang, di Melaka, di Selangor dan di bawah Kerajaan Barisan Nasional di Sarawak tanpa apa-apa peristiwa?

Adakah ini satu alasan semata-mata untuk melengahkan pengiktirafan sijil UEC yang dijanjikan akan diluluskan sebaik sahaja Pakatan Harapan berkuasa nanti? Saya tidak sedar ada berlakunya peristiwa cetusan pergaduhan perkauman dalam negeri-negeri yang dikatakan sudah menerima UEC.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit tentang ECRL. Rakyat Pantai Timur terkejut apabila dengan tiba-tiba Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengumumkan bahawasanya projek ECRL telah dibatalkan setelah tamat sesi perjumpaan dengan pimpinan Kerajaan China yang berhadapan dengan kebuntuan.

■1240

Saya pelik, sama ada pembatalan ini sudah pun diputuskan dalam Jemaah Menteri atau cuma satu reaksi apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mungkin tidak mendapat apa yang dituntut daripada Kerajaan China. Akan tetapi, selepas itu ada pula penjelasan bahawa bukanlah dibatalkan tetapi dipertimbangkan untuk dibatalkan. Keputusan ini bukan sahaja menghampakan rakyat yang meletakkan harapan dan percaya sudah tibanya masa satu sistem pengangkutan umum diwujudkan untuk membantu penduduk Pantai Timur yang lebih memerlukan pembangunan yang termundur dan terbelakang berbanding dengan penduduk kota-kota di sebelah Barat Semenanjung.

Pantai Timur dan penduduk Pantai Timur yang rata-ratanya terdiri daripada orang Melayu yang lebih mundur, miskin kerana faktor sosioekonomi dan infrastruktur yang tidak memuaskan dan peminggiran Pantai Timur selama ini. Adalah menjadi harapan kami bahawa dengan terbinanya kemudahan pengangkutan ECRL nanti akan menjadi *catalyst* atau pemangkin pembangunan dan mengurangkan jurang perbezaan kekayaan dan pembangunan Pantai Timur dan Pantai Barat yang semakin luas.

Apa gunanya Kerajaan Pakatan Harapan untuk mengadakan konvensyen bumiputera walhal ECRL dapat menjadi lebuhraya yang meningkatkan ekonomi Melayu yang mundur, yang teramai di Pantai Timur. Bezanya konvensyen itu mempunyai matlamat politik...

Datuk Razali bin Idris: Boleh celah sikit Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Datuk Razali bin Idris: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Senator ada menyebutkan tentang mundur Kelantan, Terengganu dan Pahang yang terbabit dengan ECRL. Jadi saya hendak bertanya satu soalan, 61 tahun Kerajaan Barisan Nasional memerintah, siapa yang memundurkan negeri Terengganu dan Kelantan? Itu sahaja, terima kasih.

Dato' Sri Ti Lian Ker: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya katakan tadi ada mempunyai faktor sejarah, faktor sosioekonomi dan faktor infrastruktur. Jadi perlulah kita lebih holistik dan bukan mempolitikkan dan menyalahkan parti pemerintahan. Saya rasa kalau kita lebih *fact centric* lebih *solution oriented* dan kurangkan politik, negara ini dapat terus makmur dan sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua, penduduk bumiputera miskin yang majoritinya di Pantai Timur tidak boleh terus dipinggirkan. Lebih-lebih lagi kalau ia adalah keputusan politik semata-matanya yang menjadikan Kelantan, Terengganu dan Pahang sebagai sasaran dan hukuman kerana rakyat memilih pentadbiran PAS dan Barisan Nasional. Janganlah kita terus mendera

dan menghukum orang Pantai Timur lagi. Pembangunan di Semenanjung di Barat dan Timur adalah tidak seimbang dan selama ini Pantai Timur terpinggir dan terus ke belakang.

Saya yakin dan saya ingin menyarankan Kerajaan Pakatan Harapan supaya jangan membantutkan pembangunan Pantai Timur yang sedang *looking forward*, dengan izin, untuk projek ECRL ini direalisasikan dan pembatalan yang dikaitkan dikaji semula dengan lebih teliti berdasarkan hujah-hujah berikut.

Tuan Yang di-Pertua, adalah difahamkan lebih kurang 15 peratus hingga 20 peratus kerja-kerja pembinaan sivil dan fizikal telah pun diselesaikan. Kerajaan Malaysia melalui Kementerian Kewangan, SPV, Malaysia Rail Link Sdn. Bhd. (MRL) telah pun membelanjakan lebih kurang RM10.02 bilion sebagai bayaran pendahuluan kepada CCCC ataupun kontraktor ECRL dan pembayaran RM9.67 bilion mengikut jadual kerja pembinaan yang telah diselesaikan. Apabila kita membatalkan projek ECRL nanti kita terpaksa membayar balik wang RM20 bilion itu dalam jangka masa tiga bulan. Walhal pinjaman ini telah diberi *grace period*, dengan izin, selama tujuh tahun pembayaran balik.

Pembatalan projek ECRL akan membawa kerugian yang lebih besar dari segi tuntutan ganti rugi dan berbilion lagi untuk mengemaskan dan memulihkan kawasan-kawasan di mana kerja telah pun dikendalikan. Adalah dianggarkan kita mungkin akan mengalami kerugian sebanyak RM25 bilion hingga RM30 bilion dalam bentuk pampasan, *dismantling*, dengan izin, dan pemulihan semula kawasan. Kesemua wang rakyat ini akan terboros, tersia-sia sahaja kalau kita meneruskan dengan pembatalan projek ECRL yang telah dan sedang dilaksanakan.

Bayangkanlah jumlah wang sebesar itu disia-siakan sahaja, *kaput* sebegitu sahaja. ECRL ghaib di udara, hilang dan tenggelam dalam Laut Cina Selatan hanya semata-mata mainan dan pertimbangan politik. Wang rakyat sebanyak RM25 bilion hingga RM30 bilion terbazir semata-mata politik dan ego politik. Kalau berbanding dengan projek Proton dan ECRL, saya rasa projek ECRL adalah lebih menguntungkan jangka masa panjang dan juga untuk menguntungkan rakyat daripada pembaziran kereta semata-mata untuk patriotisme dan egoisme.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Pakatan Harapan haruslah telus dan ikhlas dengan rakyat. Apabila Menteri Kewangan menyatakan sejumlah RM81 bilion diperlukan untuk menyiapkan dan menyediakan ECRL. Jumlah ini diuar-uarkan oleh Kementerian Kewangan dan telah pun dicabar dan dipertikaikan tanpa jawapan. Ia adalah satu jumlah yang bermotifkan politik untuk menjatuhkan maruah Kerajaan Barisan Nasional dan Kerajaan Negara China, seakan-akan kedua-dua kerajaan ini mempunyai isu akauntabiliti ataupun semua konsultan institusi dalam jabatan kerajaan adalah dipersoalkan. Semua kenyataan-

kenyataan Menteri adalah dalam nada politik, cemuah, sinis dan mencaci dan bukannya berasaskan fakta yang sebenar.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kalau kita menumpukan pada penyelesaian fasa pertama ECRL yang melibatkan 688 kilometer daripada Gombak ke Kota Bharu. Ia cuma memerlukan anggaran perbelanjaan lebih kurang RM46 bilion sahaja walaupun dikatakan RM55 bilion. Kalaulah kita dapat kaji semula projek fasa ini dan mengurangkan skop spesifikasi projek untuk meringankan bebanan dan mengurangkan kos. ERCL dapat direalisasikan dengan tambahan belanja yang sedikit sahaja berbanding dengan kos pembatalan projek ECRL dalam bentuk ganti rugi dan pampasan apabila dibatalkan.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita menggunakan diplomasi *government-to-government*, dengan izin, G2G untuk mengurangkan kos projek kepada RM30 bilion atau sebagainya. Kita masih lagi boleh meneruskan dan menyempurnakan projek ECRL fasa pertama dengan kos perbelanjaan yang dapat dikurangkan daripada anggaran RM55 bilion. Alternatifnya kita harus meneruskan ECRL ini dari Pelabuhan Klang hingga ke Kuantan, Kemaman untuk pengangkutan kargo sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya kita akan dapat juga menyempurnakan ECRL dan merealisasikan pengangkutan kereta api yang dapat menjadi pemangkin ekonomi Pantai Timur dan meringankan kos bebanan serta memudahkan kemudahan pengangkutan keluarga-keluarga miskin dari Pantai Timur ke ibu kota.

Inilah harapan rakyat Pantai Timur pada kerajaan yang dikatakan, 'Kerajaan Harapan'. Tolong pertimbangkan nasib kita selama ini dipinggirkan oleh pembangunan yang menumpu dan ditumpukan dan hanya memanfaatkan negeri-negeri Pantai Barat semata-mata, atas pertimbangan pulangan ekonomi semata-mata. Tolong jangan abaikan tanggungjawab sosioekonomi pada rakyat Pantai Timur yang rata-ratanya orang Melayu, yang rata-ratanya bumiputera walaupun kurang menyokong Pakatan Harapan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada yang mencelah.

Dato' Zahari bin Sarip: Yang Berhormat, banyak menyebut tentang ECRL Pantai Barat ke Pantai Timur. Adakah maksud Yang Berhormat bahawa majoriti penduduk di Pantai Timur terutamanya Kelantan, Terengganu dan Pahang memang bersetuju dan berkehendakkan pembinaan ECRL diteruskan.

Kedua, adakah ia menjadi faktor utama kepada pembangunan yang lebih pesat di Pantai Timur berbanding yang berlaku sekarang?

■1250

Dato' Sri Ti Lian Ker: Jawapan saya, semestinya, memang benar. Jadi saya- Tuan Yang di-Pertua, saya teruskan.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Dato' Sri Ti Lian Ker: Inilah harapan rakyat Pantai Timur kepada Kerajaan Pakatan Harapan.

Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Yang Berhormat, minta laluan?

Dato' Sri Ti Lian Ker: Ya saya?

Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Boleh?

Dato' Sri Ti Lian Ker: Ya.

Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Sebelum Yang Berhormat teruskan perbincangan perbahasan ini, saya minta mohon laluan.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Senator

Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, saya berasal dari negeri Kelantan. Kampung saya, Kampung Tok Bali. Kampung Tok Bali adalah antara stesen ECRL yang terpenting di kawasan negeri Kelantan.

Saya difahamkan oleh orang-orang kampung, sebahagian tanah-tanah mereka telah diambil untuk pembinaan ini dan sesetengahnya telah dilunaskan pembayaran dan ada yang ada masih tertunggak belum, membuat pembayaran. So, pada pandangan Yang Berhormat, kalau ECRL ini dibatalkan, apa akan jadi nasib orang kampung di sana? Kesian mereka, Yang Berhormat. Saya harap, saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Dato' Sri Ti Lian Ker: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Itulah yang saya ingin menekankan, bahawa kita tidak harus dengan sewenang-wenangnya membatalkan ECRL. Oleh kerana ia bukan sahaja membawa implikasi yang besar kepada Pantai Timur tetapi juga banyak lagi implikasi kepada mereka yang terlibat. Pekerja-pekerja, kontraktor-kontraktor yang sudah membuat pinjaman kewangan bank dan sebagainya untuk melaksanakan kerja-kerja yang telah diamanahkan.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menyatakan kesedihan dan juga kekesalan bahawa projek sebegini besar ini telah dibatalkan hanya secara pengumuman sahaja, tanpa kaji selidik yang meneliti. Izinkan saya meneruskan.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Dato' Sri Ti Lian Ker: Tolonglah jangan mengabaikan sosial ekonomi Pantai Timur yang rata-ratanya orang Melayu dan bumiputera. Sekali lagi saya ingin nyatakan, apa gunanya Kerajaan Pakatan Harapan mencadangkan penganjuran Kongres Bumiputera 2018 kalau nasib mereka dengan sendirinya boleh terbela apabila adanya ECRL.

Tuan Yang di-Pertua, semalam Ahli Parlimen Langkawi mengatakan bahawa kerajaan tidak akan membiayai landasan Kereta Api Pantai Timur (ECRL) kerana kos yang paling tinggi cuma akan mencecah RM30 bilion dan bukannya anggaran awal sebanyak RM55 bilion untuk jarak 688 kilometer seperti dalam cadangan. Berdasarkan unjuran kos RM55 bilion, kos ECRL untuk 1 kilometer cuma adalah RM79.9 juta, untuk 1 kilometer. Saya hairan bagaimana kita boleh mengatakan kos RM79.9 juta, satu kilometer adalah tinggi?

Sedangkan di negeri Thailand dan Indonesia, kalau kita lihat tanggungan mereka untuk jarak yang sama adalah jauh lebih tinggi. Misalnya, *high speed rail linking* yang menghubungkan Suvarnabhumi, Don Mueang dan *U-Tapao Airport* di Thailand yang telah diluluskan dalam tahun 2018 ialah RM7.2 bilion untuk 260 kilometer iaitu USD7.2 bilion, iaitu RM29.5 bilion. Ia bersamaan dengan RM113.5 juta satu kilometer berbanding dengan ECRL, RM79.9 juta satu kilometer. Kalau kita tengok juga Projek *High Speed Rail Bangkok* ke Nakhon Ratchasima Province yang telah diluluskan dalam tahun 2017 yang telah ditetapkan sebanyak USD5.5 bilion iaitu 22.56 bilion bagi jarak 250 kilometer. Bersamaan dengan RM90.2 *million* satu kilometer, juga adalah lebih tinggi berbanding ECRL.

Kalau kita tengok kepada jiran kita Indonesia, *High Speed Rail* Jakarta ke Bandung yang telah diluluskan dalam tahun 2017, akan membelanjakan USD5.9 bersamaan dengan RM24.2 bilion untuk jarak 250 kilometer. Ia adalah bersamaan dengan RM96.8 juta satu kilometer.

Akhirnya, ECRL jugalah yang termurah. Adalah jelas kos ECRL adalah paling rendah sekali. Tambahan pula ECRL akan melibatkan spesifikasi pembinaan yang lebih rumit, melibatkan terowong bawah tanah, jambatan dan stesen pemberhentian yang lebih. Di samping itu, ECRL akan merentasi Banjaran Gunung Titiwangsa yang amat merumitkan.

Kalau kita pegang pada cerita Ahli Parlimen Langkawi dan Ahli Parlimen Damansara, angka mereka adalah tidak munasabah. Kos yang mereka uar-uarkan, mungkin akan melibatkan *bail out* atau kos tambahan yang kerap diamalkan dan digunakan oleh Ahli Parlimen Langkawi pada masa pemerintahan beliau selama 22 tahun dahulu. Mengikut Langkawi, kita ada cadangan RM10 bilion untuk membina ECRL, ini adalah bersamaan dengan RM14.5 *million* satu kilometer. Mengikut Damansara dan juga Ahli Parlimen Langkawi, ada menyebutkan kos ECRL dalam lingkungan RM30 bilion yang bersamaan dengan RM43.6 juta satu kilometer. Jadi Tuan Yang di-Pertua, kita janganlah mempolitikkan projek yang memberi manfaat kepada rakyat. Kita jangan mempolitikkan projek hanya semata-mata ego politik atau hendak tawan lawan kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang isu sosial. Kempen NGO-NGO untuk membanteras dan mengekang amalan perkahwinan kanak-kanak adalah satu usaha,

yang harus kita alu-alukan dan memberi sokongan. Kerajaan Pakatan telah menumpang isu-isu aktivis sosial untuk mendapat populariti dan meraih sokongan undi.

Setelah berjaya memenangi PRU-14 dengan lebih Kerusi yang tipis, Kerajaan Pakatan Harapan perlulah menunjukkan nekad, komitmen politik yang ikhlas yang diharapkan. Sikap acuh tidak acuh dan keengganan kerajaan baharu untuk mentadbir mengikut naluri aktivis dan harapan masyarakat yang menyokong Pakatan Harapan, amat mencuit dan menghampakan penyokong-penyokong mereka. Antaranya penghapusan tol, pemilihan kerajaan tempatan, penerusan BR1M, akan tetapi janji-janji ini semua tidak ditunaikan.

Berbalik kita kepada komitmen Kerajaan Pakatan untuk meningkatkan umur perkahwinan kepada 18 tahun ke atas. Saya ingin mengucapkan syabas, atas usaha untuk meningkatkan kepada 18 tahun. Saya berharap Kerajaan Pakatan Harapan tidak lagi melengahkan pindaan undang-undang ini atau membuat *U-turn* apabila menghadapi tekanan politik nanti, berdekatan dengan PRU-15. Banyak kaji siasat kononnya perlu dibuat secara holistik. Akan tetapi saya khuatir, bila PRU-15 mendekati, isu-isu ini akan juga ditenggelamkan kemudian.

Sementara itu, saya ingin mencadangkan Pakatan Harapan untuk menunjukkan komitmen yang lebih tinggi dengan memberi perhatian kepada syarat-syarat memperoleh lesen perkahwinan kanak-kanak 16 tahun ke atas, di bawah seksyen 21, subseksyen 2, *Law Reform Act* 1976, dengan izin. Kita haruslah meneliti, menghalusi dan memperketat syarat-syarat permohonan lesen tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, borang Jabatan JPN.KC01D yang disediakan untuk permohonan lesen perkahwinan kanak-kanak bukan Islam 16 tahun ke atas adalah begitu longgar sekali. Dalam borang tersebut, tidak mempunyai syarat-syarat semak,imbang dan borang itu terlalu *simplistic* sehingga tiada kawalan dan pemantauan dalam nombor bersiri dan sebagainya. Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan satu pemantauan yang teliti dibuat untuk keseluruhan negara, untuk kita mengenal pasti jumlah permohonan yang dibuat setiap tahun melalui Menteri Besar ataupun Ketua Menteri...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator, sila duduk Yang Berhormat Senator.

Dato' Sri Ti Lian Ker: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, jam sudah pukul 1 tengah hari, Dewan ditangguhkan sehingga 2.30 petang. Terima kasih.

[Mesyuarat ditempokkan pada pukul 1.00 tengah hari]

■1430

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Timbalan Yang Di-Pertua: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera, salam sehati sejiwa.

Ahli Yang Berhormat, saya hendak sambung kita punya acara ini dengan menjemput semula Yang Berhormat Senator Dato' Sri Ti Lian Ker, dipersilakan.

2.32 ptg.

Dato' Sri Ti Lian Ker: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Izinkan saya menyambung semula perbahasan saya tadi. Sebenarnya saya cuma tinggal untuk menghabiskan sepatah dua. Namun begitu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk berceloteh- kita, rakan-rakan kita selepas makan, *relax* sikit.

Saya ingin- beberapa tahun yang lepas, saya berkesempatan ke negara Sepanyol atau *Spain* di mana saya sempat ke Alhambra, ke Andalusia dan melihat tamadun Islam dan tamadun Kristian dapat wujud secara bersamaan dengan begitu harmoni sekali.

Saya tertarik apabila saya tengok gereja dan masjid yang telah dibina dapat dibina bersama ataupun *extension* di mana walaupun yang menawan Empayar *Ottoman* ataupun selepas peperangan mereka menawan kawasan-kawasan Kristian tetapi gereja masih dibenarkan wujud tanpa dirobohkan ataupun dirosakkan. Inilah yang saya ingin sampaikan bahawa di negara kita Malaysia setelah 60 tahun lebih Barisan Nasional telah memerintah, semestinya Barisan Nasional meninggalkan banyak kebaikan, banyak legasi, legasi Yang Amat Berhormat Ahli Parlimen Langkawi.

Cuma yang terbantut ataupun yang tidak dapat dilaksanakan ialah jambatan bengkok-bengkok atau *the crooked bridge* yang telah kita bayar berapa ratus, dalam RM300 juta dan sebagainya sebagai pampasan. Kalau kita hendak bergaduh kita cakap "*Oh, ini pun tidak ada exit clause.*" Akan tetapi *exit clause* adalah pampasan. Jadi berbalik kita- hari ini banyak lagi budaya, nilai-nilai dan juga sumbangan pemimpin-pemimpin parti Barisan Nasional kepada negara, rakyat dan sebagainya.

Jadi ramai di kalangan pemimpin-pemimpin Barisan Nasional agak pelik apabila rakyat membenci dan mencaci Barisan Nasional. Walhal kita tidak perlu memupuk budaya benci kerana budaya Melayu sendiri adalah budaya bermaaf-maafan. Kalau ikut- saya tidak pasti sangat dalam Islam, akan tetapi saya rasa Islam pun banyak memberi pengampunan dan bermaaf-maafan.

Jadi saya rasa sudah tiba masanya, kalau berbalik kepada ECRL. Sekali lagi saya ingin mengambil kesempatan ini bahawa ECRL tidak seharusnya dihapuskan ataupun tidak dilaksanakan hanya semata-mata atas dendam politik. Biarlah legasi ECRL diteruskan.

Inilah sumbangan satu-satunya pemimpin- kalau Allahyarham Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Tun Abdul Razak tidak banyak memberi penumpuan pada keseluruhan negara walaupun dari negeri Pahang, sehinggakan tanah-tanah di negeri Pahang pun diberi kepada pesara-pesara tentera di mana walaupun orang katakan negeri Pahang banyak tanah tetapi banyak tanah kita beri kepada institusi-institusi Persekutuan. Itulah keterbukaan pemimpin-pemimpin negeri Pahang.

Tuan Chandra Mohan a/l S.Thambirajah: Yang Berhormat, terima kasih. Saya lebih kepada ECRL.

Adakah daripada pendapat Yang Berhormat terima sebab-sebab- bukan alasan tetapi sebab-sebab yang diberi oleh Kerajaan Pakatan Harapan, kenapa kita hendak tangguhkan atau membatalkan projek ECRL. Satu dari segi kos yang terlibat *eighty over million. Whether* RM55 bilion ke RM80 bilion, tidak kira *figure* daripada segi kos, kos per kilometer, satu.

Kedua, dari segi *wireability* bila kita ambil kira *passenger load* daripada *East Coast*. Fasal kalau / tengok alasan atau sebab yang diberi daripada segi *wireability*, daripada segi kos. So, apakah pendapat Yang Berhormat berkenaan alasan atau sebab yang diberi oleh Kerajaan Pakatan Harapan?

Dato' Sri Ti Lian Ker: Nampaknya Yang Berhormat belum lagi menghadamkan hujah-hujah saya tadi. Sememangnya saya setuju kalau kita membuat sesuatu keputusan setelah penelitian yang dibuat secara teliti. Akan tetapi kalau pemimpin nampak sangat sekali buat keputusan sebegini, esok lain dan kadangkala tidak melalui Jemaah Menteri inilah yang merisaukan rakyat dan ketelusan tidak ada.

Kita perlulah bertanggungjawab dan mendekati isu-isu yang telah dikaji beberapa puluh tahun. Ini hasrat untuk mengadakan ECRL bukan tiba-tiba dalam mimpi. Malam ini kita bermimpi, esok kita hendak laksanakan. Perkara ini telah dibuat kajian dan telah pun dipertimbangkan- keputusan di buat setelah mendapat *consultation*, dengan izin, dan sebagainya. Saya rasa kita tidak perlu.

Tuan Chandra Mohan a/l S.Thambirajah: Satu *point* sahaja berkenaan dengan ECRL. Kalau betul kajian telah dibuat sebelum ini, kenapa kerajaan sebelum ini berhasrat untuk menaiktarafkan laluan Gemas-Tumpat? Gemas-Tumpat punya *line* KTM. Fasal dulu pun KTM memang ada perancangan dalam KTM untuk menaiktarafkan Gemas-Tumpat punya *line*. Itu saya tahu, sebab saya masa itu ada terlibat sedikit dengan KTM. So, kalau betul-betul ECRL satu *long-term planning* bukan masa depan tetapi *has been in the plan* untuk

10 tahun sebelum ini, kenapa pada masa yang sama ada program untuk menaiktarafkan Gemas-Tumpat punya *line*?

■1440

Dato' Sri Ti Lian Ker: Saya rasa Yang Berhormat Senator seharusnya tujukan soalan kepada kerajaan kerana mereka mempunyai maklumat-maklumat yang lebih teliti. Namun begitu, berbalik juga kepada hujah saya dan perbahasan saya, saya ingin menekankan bahawa kita perlu memupuk sikap keterbukaan, hati yang tidak terpendam dendam.

Tadi saya menyebut tentang tamadun Islam dengan Kristian yang walaupun setelah peperangan yang telah ditawan, tetapi mereka tidak menunduk ataupun menghina ataupun menjatuhkan maruah pihak yang kalah. Itulah yang memberi peluang untuk pergabungan nilai-nilai murni, nilai-nilai positif golongan tamadun Kristian dengan Islam yang membolehkan mewujudkan zaman pembaharuan atau *Renaissance*.

Saya rasa di negara Malaysia kita pun boleh menghala ke situ kalau kita kurangkan bahang politik yang terlalu terbawa-bawa sebab emosi kita. Sebab, kita mempunyai rakyat yang berbilang kaum, bangsa, latar belakang, budaya dan sebagainya. Dengan senang akan mencetuskan api emosi dan itulah yang saya ingin sampaikan.

Berbalik kepada perbahasan saya. Saya tadi ingin menyatakan bahawa borang 'JPN.K3 C01D' terlalu *simplistic* di mana tidak mempunyai syarat-syarat dan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri atau Menteri Besar diberi kuasa untuk meluluskan tetapi boleh juga memberi atau *delegate* kuasanya dan saya rasa tidak ada pemberi pengapit dan tidak ada pertimbangan yang sebenar.

Saya mencadangkan satu pemantauan yang teliti dibuat untuk keseluruhan negara untuk mengenal pasti setakat banyak jumlah permohonan yang dibuat setiap tahun kerana setiap negeri siapa sahaja yang dapat lesen cuma pergi minta dan dapat borang, borang pun tidak bersiri. Jadi, nampak sangat kita tidak mempunyai komitmen ataupun kita tidak bersungguh-sungguh untuk membantu membanteras perkahwinan kanak-kanak.

Di samping itu, saya juga ingin menyarankan bahawasanya kanak-kanak berkenaan hendaklah diberi kaunseling dan pemeriksaan perubatan sebelum lesen perkahwinan diberi di bawah seksyen 21(2). Ini adalah untuk memastikan kanak-kanak berkenaan bukanlah mangsa yang diperkosa. Untuk menutup malu keluarga, ibu bapa akan cuba memaksa mangsa untuk berkahwin dengan yang melakukan kesalahan. Jadi perkahwinan yang dipohon hanyalah semata-mata untuk menghalalkan yang salah, menghalalkan yang haram. Inilah yang perlu kita meneliti atau telitikan.

Antara isu-isu yang perlu kita kemaskan ialah syarat-syarat ke atas kelulusan lesen perkahwinan kanak-kanak 16 tahun ke atas. Siapakah pengapit ataupun adakah penasihat-

penasihat Menteri Besar atau Ketua Menteri dan sebagainya? Sekiranya kanak-kanak enggan berkahwin ataupun tidak mahu berkahwin kerana beliau adalah mangsa sebenarnya tetapi telah dipaksa, ditekan oleh ibu bapa, adakah kita memberi rumah, *shelter* ataupun perlindungan kepada kanak-kanak yang telah dipaksa untuk berkahwin oleh ibu bapa atas pertimbangan sosial, ekonomi ataupun untuk menutup keaiban?

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu berpanjang lebar kerana tadi saya telah banyak diberi masa dan saya rasa sudah sampai masa memberi masa kepada rakan-rakan yang lain. Akan tetapi, saya juga ingin mengingatkan untuk sebagai penutupan, saya ingin mengakhiri ucapan ini dengan harapan agar Kerajaan Pakatan Harapan jangan terus menghampakan harapan rakyat. Antaranya, pakatan rakyat mengharapkan Kerajaan Pakatan Harapan menunaikan janji dan memenuhi hasrat dan janji jawatan Perdana Menteri diserahkan kepada Dato' Seri Anwar Ibrahim setelah habis tempoh dua tahun.

Jadi saya mendapat ilham tadi untuk menulis mencuba puisi dalam subjek ini sebagai satu penutupan.

*Manifesto bukan lagi satu janji;
Janji pada rakyat boleh dimungkir;
Dua tahun lagi Anwar jadi Perdana Menteri;
Atau adakah Anwar akan ditipu lagi.*

*Mengimbas kenangan tahun 90-an;
Apabila Anwar dipecat jawatan;
Negara dilanda rusuhan jalanan;
Harapan rakyat negara ini terus aman.*

Sekian, terima kasih. Saya pohon untuk menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Sri Ti Lian Ker, sudah bercakap dengan bebas. Terima kasih Yang Berhormat.

Dan saya jemput pula kepada Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi Krishnan. Ada?

Puan Bathmavathi Krishnan: Ada.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila.

2.45 ptg.

Puan Bathmavathi Krishnan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya ruang dan peluang untuk menyertai perbahasan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua, saya merasa amat sukacita kerana dapat berkhidmat sebagai seorang Senator di bawah dua kerajaan. Kerajaan BN lalu dan juga di bawah Pakatan Harapan. Dalam sebulan yang lalu, saya berkesempatan berjumpa dengan beberapa orang Menteri yang baru dilantik untuk membincang tentang perkara-perkara berkaitan dengan OKU dan ada saya telah membawa beberapa isu kepada mereka dan pada hari ini dalam perbahasan saya, saya juga ingin meminta kementerian-kementerian yang berkenaan untuk melihat pada isu-isu yang saya akan bawa hari ini supaya diambil tindakan supaya dapat melaksanakan untuk menyejahterakan kehidupan golongan orang kurang upaya.

Saya mula dengan Kementerian Kesihatan. Kementerian Kesihatan telah menjalankan beberapa penyelidikan dan telah mengeluarkan dua laporan. Satu adalah *Identifying Research Gaps and Priorities in Disability Research in Malaysia*. Ini dikeluarkan pada tahun 2015. Ini adalah satu kajian yang amat-amat berharga dan saya rasa apa-apa kajian yang telah dibuat yang dikumpul ini dapat dimasukkan ke dalam dasar dan program-program untuk masa akan datang. Jadi saya harap hasil kajian ini dikemukakan kepada pihak EPU untuk menggubal dasar bagi OKU.

Satu lagi kajian adalah *Technical Report Autism Spectrum Disorder Research in Malaysia* juga oleh Kementerian Kesihatan dan ini juga mengandungi beberapa kajian-kajian yang penting mengenai autisme. Jadi kalau ia hanya tinggal sebagai satu latihan akademik sahaja, ia tidak akan memberi manfaat kepada sesiapa. Jadi, kajian-kajian yang penting macam ini harus dialihkan, *translate* kepada polisi untuk memanfaatkan kumpulan autisme di negara kita.

Satu lagi isu berkenaan dengan OKU dan Kementerian Kesihatan ialah pada masa ini statistik yang dikumpulkan mengenai orang kurang upaya dijalankan oleh JKM dan juga oleh Kementerian Kesihatan dan kedua-dua set data ini tidak digabungkan menjadi satu. Jadi saya harap Jabatan Statistik boleh membantu dalam hal ini untuk menggabungkan kedua-dua statistik ini untuk kita mengetahui apakah kedudukan sebenarnya jumlah OKU di negara ini.

Seperti yang saya telah memaklumkan dalam perbahasan-perbahasan lalu, mengikut *The World Report on Disability* yang dijalankan oleh WHO dan UN, didapati bahawa 15 peratus daripada jumlah penduduk di sesebuah negara adalah terdiri daripada orang kurang upaya. Jadi setakat bulan Julai tahun ini, hanya 474,579 orang telah mendaftar dengan JKM.

■1450

Ini adalah suatu angka yang amat rendah kalau dibandingkan dengan jumlah penduduk di negara kita iaitu 32 juta. Kita seharusnya ada 4.5 juta Orang Kurang Upaya tetapi di mana mereka? Jadi kita harus meningkatkan usaha untuk mencari dan mendaftar mereka. Pada masa yang sama, hanya terdapat tujuh kategori OKU yang dikenal pasti dan saya harap

Kementerian Kesihatan akan membantu dalam mencari ataupun mengenal pasti lebih banyak kategori OKU. Ini penting sebab setiap kategori itu mempunyai ciri-ciri yang khusus.

Jadi apabila misalnya mereka yang mengalami *spinal muscular atrophy* (SMA) ataupun *rare diseases*, kalau kita kenal pasti jenis *impairment* yang ada pada mereka, kita boleh mengagihkan dan mengadakan program dan rancangan-rancangan untuk menangani dan memberi perkhidmatan kepada OKU-OKU khusus ini.

Sebagai contoh, di *District of Columbia* di US, terdapat lebih 30 jenis OKU yang telah dikenal pasti dan di negara India, 21 jenis kategori OKU dikenal pasti. Saya rasa kita harus memberi perhatian di negara kita juga untuk menjalankan kajian dengan kerjasama Kementerian Kesihatan. Satu lagi perkara yang baru dibincangkan- masih dalam proses perancangan di bawah Kementerian Kesihatan adalah skim insurans sosial bagi kumpulan B40. Ini adalah suatu skim yang bagus...

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Boleh saya minta penjelasan sikit daripada Yang Berhormat? Boleh ya, Tuan Yang di-Pertua?

Puan Bathmavathi Krishnan: Sila.

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Mengenai mengenal pasti kategori OKU tadi. Tadi Yang Berhormat kata memohon bantuan Kementerian Kesihatan. Saya nak tanya, ada di keadaan-keadaan tertentu di mana kelainan upaya tersebut apabila melalui aspek pendidikan, kadang-kadang *dyslexia* dan sebagainya, kadang-kadang hanya dikenal pasti oleh guru-guru yang mempunyai latar belakang pendidikan. So pada pandangan saya, mohon penjelasan. Adakah Kementerian Pendidikan juga mungkin boleh bantu untuk kenal pasti jenis-jenis kelainan upaya tersebut supaya rekod itu lebih lengkap?

Puan Bathmavathi Krishnan: Terima kasih atas cadangan. Memang ada kerjasama di antara Kementerian Kesihatan, JKM dan juga Kementerian Pendidikan. Ini kerana ada jenis-jenis masalah pembelajaran yang tidak muncul, tidak dapat dilihat sewaktu kanak-kanak itu kecil. Ia akan timbul semasa mungkin dia berumur enam tahun, tujuh tahun atau lapan tahun. Guru-guru, seperti kata Yang Berhormat, harus dilatih juga dan diberi bimbingan macam mana untuk mengenal pasti dan mesti rujuk kepada pakar perubatan juga.

Ini kerana sebelum seseorang itu boleh mendapat kad OKU, dia mesti ada pengesahan oleh doktor. Jadi kerjasama antara ketiga-tiga agensi ini amatlah penting. Terima kasih. Saya akan masukkan cadangan itu dalam perbahasan saya.

Berbalik kepada perbahasan saya. Skim insurans sosial ini adalah bagus tetapi ia hanya akan ditawarkan kepada isi rumah yang berpendapatan RM3,855 sahaja. Jadi ini bukanlah sesuatu yang menyeluruh. Saya cadangkan supaya bagi golongan OKU, mungkin suatu skim yang diamalkan di negara Australia yang dipanggil *National Disability Insurance*

Scheme yang baru dilancarkan pada 2016, model ini boleh dikaji dan mungkin boleh digunakan di negara kita di mana perkhidmatan berkaitan dan apa-apa keperluan bagi OKU boleh didapatkan melalui insurans ini. Mungkin kalau dia mahu membuat pengubahsuaian kepada rumahnya, boleh dapat dari insurans dan juga perbelanjaan kesihatan juga akan dimasukkan di bawah, akan dicover oleh skim insurans ini. Jadi ini satu cadangan yang boleh dikaji.

Berbalik kepada kementerian lain, saya juga ingin mencadangkan kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Pada masa ini, di bawah Majlis Kebangsaan Orang Kurang Upaya, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) ini tidak diwakili dalam Majlis Kebangsaan. Saya rasa adalah penting untuk KPKT dimasukkan di bawah Majlis.

Jadi kita harus buat pindaan kepada Akta OKU supaya KPKT dapat menyertai Majlis Kebangsaan OKU. Ini adalah sebab terdapat *Uniform Building by-Laws* (UBBL) yang telah diperkenalkan pada tahun 1990 sewaktu Perdana Menteri kita, Tun Dr. Mahathir menjadi Perdana Menteri yang keempat dahulu. Masa itu beliau telah memperkenalkan *Uniform Building by-Laws* dan beliau prihatin terhadap golongan Orang Kurang Upaya supaya persekitaran dijadikan mesra OKU.

Akan tetapi walaupun *Uniform Building by-Laws* ini telah digazet di semua negeri, pelaksanaan dan penguatkuasaannya agak lemah. Jadi saya minta KPKT di bawah kerajaan baru ini memberi perhatian supaya kesemua PBT dan majlis daerah diwajibkan melaksanakan *Uniform Building by-Laws* supaya persekitaran itu menjadi bebas halangan. Ini akan memberi manfaat bukan sahaja kepada golongan OKU dan warga emas tetapi kepada semua orang.

Satu lagi isu, saya nak minta Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan ialah isu perumahan bagi Orang Kurang Upaya. Baru-baru ini Menteri KPKT telah memberitahu bahawa suatu dasar baru akan digubal pada bulan September ini. Saya mencadangkan kepada beliau dan saya harap diambil juga perhatian dalam apa yang saya sebut dalam perbahasan ini supaya keperluan OKU dan juga untuk membolehkan mereka memiliki rumah yang mampu milik. Jadi bukan sahaja unit-unit PPR dan PPRT tetapi juga skim-skim perumahan lain.

Pada perbahasan saya tahun lepas, saya juga telah mencadangkan supaya suatu dana pusingan ditubuhkan, diwujudkan untuk memberi peluang kepada mereka yang tidak dapat mencari ataupun mendapatkan pinjaman dari bank untuk membayar deposit apabila memohon untuk memiliki rumah. Timbalan Menteri pada masa itu telah setuju tetapi saya tidak tahu apa terjadi kepada cadangan itu. Mungkin Menteri baru boleh melihat kepada *detail-*

nya dan boleh sambung dan boleh wujudkan dana ini yang akan membantu mereka yang didapati susah untuk mendapatkan *loan* daripada bank.

■1500

Kementerian yang seterusnya adalah Kementerian Komunikasi dan Multimedia. Saya juga berjumpa dengan Menteri berkenaan dan memberikan beberapa cadangan. Antaranya ialah saya harap *public service announcement* di televisyen dan juga media diadakan supaya orang ramai peka terhadap keperluan OKU. Kita dapati bahawa banyak kemudahan-kemudahan yang disediakan bagi orang kurang upaya disalah gunakan oleh orang lain. Bukan salah gunakan tetapi diambil kesempatan oleh orang lain sehingga orang kurang upaya sendiri tidak dapat menggunakannya.

Jadi melalui program-program *public service announcement* (PSA) di televisyen dan juga di radio, kita boleh mendidik dan mengadakan kesedaran awam bukan sahaja kemudahan tentang juga pelbagai jenis OKU dan juga apa sokongan yang diperlukan oleh mereka dan sebagainya. Bagi program-program di televisyen, di visual media untuk diadakan *caption* dan *subtitle* dan juga *sign language*- bahasa isyarat bagi OKU pendengaran.

Pada tahun-tahun lepas juga saya telah mencadangkan supaya persidangan Parlimen juga diadakan *caption* sebab persidangan ini disiarkan secara langsung melalui televisyen, *HyppTV* dan juga boleh didapati melalui internet.

Jadi, untuk manfaat OKU pendengaran, saya minta Kementerian Komunikasi dan Multimedia memberi perhatian kepada cadangan saya ini. Di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia juga *Digital Free Trade Zone*, saya juga ingin mencadangkan kepada Menteri supaya peluang-peluang diberi kepada orang kurang upaya juga untuk menyertai *e-Business* di *Digital Free Trade Zone* ini dan mengadakan juga kursus-kursus untuk melatih mereka menceburi *e-commerce* ini.

Bagi Kementerian Pengangkutan, saya ingin mencadangkan supaya kerajaan baharu Pakatan Harapan memberi perhatian kepada Rancangan Induk Pengangkutan Awam Darat Negara khususnya pada Bahagian 3.4.3 yang menyentuh tentang dasar di mana ia menekankan pada peningkatan 'ketersampaian' bagi OKU dan ini meliputi semua jenis perkhidmatan pengangkutan darat. Saya juga ingin menyarankan supaya penyelenggara terminal-terminal stesen pengangkutan awam memberi perhatian kepada kemudahan-kemudahan yang ada di stesen-stesen tersebut untuk memastikan bahawa ia tidak rosak dan kalau mengalami kerosakan dengan segera untuk menyelesaikannya.

Sebagai contoh, saya bagi contoh di Kuala Lumpur Sentral. Terdapat beberapa lif yang selalu mengalami kerosakan. Satu ke platform ETS, satu lagi lif ke platform *Skypark* yang masih dalam tempoh percubaan, *Skypark* punya *line* dan juga lif di antara dua bangunan iaitu

bangunan Kuala Lumpur Sentral dan NU Sentral. Lif ini sering kali mengalami kerosakan dan ini disebabkan oleh kalau hari hujan didapati lif itu tidak berjalan. Saya harap penyelenggara bagi lif ini iaitu MRCB memberi perhatian yang segera dan kalau perlu tukar lif itu supaya dapatkan satu yang baharu supaya ia boleh dilindungi supaya air hujan tidak menjadi satu masalah.

Satu lagi isu yang saya pernah bawa ke Dewan ini dan juga terdapat beberapa masalah yang dihadapi oleh pengguna OKU ialah ruang di antara platform dengan tren apabila orang yang berkerusi roda naik ke dalam tren itu, amat berbahaya. Semasa pihak KTMB mengadakan perbincangan *engagement* dengan NGO sebelum melancarkan perkhidmatan, kita telah memberi cadangan supaya menggunakan suatu *portable ramp* dan *ramp* ini harus diletakkan dalam tren. Akan tetapi oleh kerana kecuaiian dan kerana sikap kakitangan perkhidmatan ini tidak diberikan dan terdapat beberapa kemalangan yang juga berlaku di mana roda kecil kerusi roda tersangkut di antara *gap* ini.

Selain itu, isu *monorail* yang saya telah bawa di Dewan ini juga dan saya telah bawa ke perhatian Menteri Pengangkutan. Beliau kata beliau sedar akan masalah itu di mana, terdapat 17 kes di mana orang buta telah jatuh ke platform. Ada yang mengalami kecederaan, ada yang terpaksa masuk ke hospital dan menjalani pembedahan. Ini adalah satu perkara yang amat serius dan saya harap Menteri Pengangkutan baharu akan memberi perhatian yang segera terhadap isu ini.

Selain itu juga teksi, teksi yang ada sekarang tidak dapat memuatkan kerusi roda. Ada ramai yang gunakan kerusi roda bermotor yang boleh dilipat dan juga oleh sebab teksi menggunakan *liquid gas tank* di belakang, mereka tidak boleh mengambil kerusi roda. Jadi, saya pun telah mencadangkan supaya diadakan satu peraturan di mana semua syarikat-syarikat teksi patut mengadakan 10 peratus ataupun lima peratus daripada *fleet taxi* terdiri daripada model kereta yang lebih besar seperti mana *London Taxi Cab* yang boleh mengangkut orang kurang upaya tidak perlu letak kerusi di belakang. OKU yang pakai kerusi roda boleh naik ke teksi itu dengan menggunakan *portable ramp*, *ramp* mudah alih. Ini kalau boleh berlaku di England, mengapa tidak di sini? Jadi, saya harap dengan kerajaan baharu idea-idea baharu ini boleh diambil kira dan boleh dilaksanakan.

Satu lagi, orang kurang upaya juga ingin menikmati pengangkutan yang *seamless* iaitu dari rumah ke tempat destinasi dan balik itu termasuk *first mile* dan *last mile* itu tanpa halangan. Pada suatu masa dahulu, dari rumah ke terminal bas ataupun *rail* disediakan *feeder bus* dan sekarang *feeder bus* itu tidak semuanya berfungsi dan untuk OKU diperkenalkan Rapid Kuala Lumpur bas, van yang kecil. Itu pun pada mulanya untuk KL, empat buah disediakan tetapi sekarang satu pun tidak ada.

■1510

Jadi, kita tidak boleh membiarkan perkara ini semakin lama semakin merosot. Walhal di dunia luar, kita mengumumkan bahawa kita sedang menuju ke arah negara maju. Kalau perkara-perkara ini tidak diselesaikan, mana kita boleh melabelkan negara kita sebagai suatu negara maju.

Bagi Kementerian Tenaga Manusia pula, saya pun ada jumpa dengan Menteri dan mengutarakan isu-isu. Apa yang paling penting ialah meningkatkan langkah-langkah untuk memenuhi satu peratus peluang pekerjaan bagi orang kurang upaya. Di sektor swasta, Kementerian Tenaga Manusia boleh meningkatkan langkah-langkah dan membuat rancangan-rancangan untuk meningkatkan apa yang saya sebut tadi. Akan tetapi bagi sektor awam, pihak SPA harus berusaha.

Pada pagi tadi, Timbalan Menteri Pendidikan telah pun memberitahu bahawa SPA memang mengadakan usaha untuk memberi peluang pekerjaan kepada OKU tetapi pada *ground level* atau keadaan sebenar, ada ramai yang masih menganggur. Ramai graduan OKU yang telah mengisi borang SPA secara *online* dan mereka menunggu bertahun-tahun. Dipanggil untuk *interview* tetapi mendapat jawapan bahawa mereka tidak memenuhi syarat dan tidak diberi alasan selepas itu.

Ini juga saya menyeru...

Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah: Mohon mencelah, Yang Berhormat.

Puan Bathmavathi Krishnan: Ya, boleh. Silakan.

Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah: Saya tertarik dengan perbincangan Yang Berhormat berhubung dengan OKU ini dan saya bersimpati dengan rakan-rakan OKU kita. Kalau kita melihat mereka ini, kadang-kadang mereka ini *very talented people*, dengan izin. Saya tengok di Brickfields dan sekarang ini sudah di Bangsar, tempat refleksologi ini dan ramai yang dikendalikan oleh rakan-rakan kita daripada OKU yang kurang penglihatan dan juga kurang pendengaran. Mereka ini bagus, *very talented people*, dengan izin.

Saya melihat juga kepada mereka yang cukup sifat ini bekerja contohnya di tol-tol lebuhraya sekarang ini. Ada negara yang kita pergi di luar negara, tol-tol ini diletakkan OKU di situ kerana tidak ada apa-apa kerja pun. Bagi tiket, ambil tiket, bagi tiket, bagi tiket. Itu sahaja. Jadi saya hendak mencadangkan kepada kerajaan baharu ini agar melihat kepada tol-tol yang ada sekarang ini, apa kata kalau kita cadangkan kepada kerajaan sekarang ini, buat satu pendekatan baharu supaya jalan-jalan baharu ataupun jalan-jalan yang hendakkan tol ini, kerja-kerja yang begini senang, diberikan kepada mereka yang kurang upaya. Apa pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

Puan Bathmavathi Krishnan: Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Yang Berhormat, boleh saya tambah atas tajuk itu?

Puan Bathmavathi Krishnan: Ya, boleh.

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Sebab saya rasa, saya perlu benda ini. Saya faham apa yang rakan saya cuba ketengahkan tadi mengenai orang kurang upaya untuk bekerja di tempat-tempat yang dicadangkan.

Akan tetapi saya ingin mencadangkan kalau boleh dipertimbangkan, yang saya risaukan ialah ini. Orang kurang upaya atau kelainan upaya, potensinya seperti yang dikatakan oleh rakan saya tadi, sangat berbakat.

Akan tetapi bayangkan di negara-negara yang maju, bakat mereka itu sehingga ke tahap yang sangat tinggi, sehinggakan ada profesor, ada pakar-pakar profesional dan sehinggakan yang saya tahu ketika di Washington D.C., ada satu universiti khas, Gallaudet University, ia khusus untuk orang kelainan upaya. Kebetulan salah seorang profesornya itu, orang Malaysia. Saya sebutlah di sini, nama dia Profesor Asiah Mason, yang membantu kerajaan Amerika ke seluruh dunia untuk membina tempat-tempat ini, untuk orang kelainan upaya.

Kedua yang saya tengok juga, yang saya mintakan, pada pandangan sayalah, saya bercita-cita juga di Malaysia ini, biarlah kita memberi peluang pekerjaan, pendidikan mahupun peluang-peluang keusahawanan dan sebagainya, kepada orang kurang upaya ini sama hebat, sama bagus. Cabarannya ialah apakah prasarana yang kita sediakan untuk mereka ini? Dengan izin ya, saya kalau, dengan izin, *what is good for the common people, not necessary good for the disable. But for my assumption, what may be good for the disable, it must be good for the common people.* Itu logik saya.

Jadi bayangkan kalau daripada awal perancangan prasarana, perancangan ekonomi, perancangan sosial, kebudayaan, mereka ini bukan dianggap token. Daripada awal mereka penting. Jadi saya rasa paradigma itu akan bermula daripada awal, bukan buat dulu, cuba selesaikan masalah itu secara token. Itu yang saya rasa diperlukan sebesar itu agendanya untuk kelainan upaya. Ini pandangan saya. Mohon penjelasan kalau punya asas.

Puan Bathmavathi Krishnan: Terima kasih atas cadangan Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd Suhaimi dan Yang Berhormat Senator Tuan Mohd Yusmadi.

Saya rasa kesal sedikit sebab di negara kita juga, kita sudah jauh ke hadapan. Kita ada *lawyer*, kita ada *IT expert*, antara yang *blind*, yang OKU pendengaran juga. Pernah ada seorang *Ph.D holder*- ada ramai, yang buta. Ada seorang pensyarah di Universiti Malaysia Sarawak yang dapat *fellowship* untuk pergi ke Cambridge membuat sabbatical dia dan seorang lagi *lecturer* di OUM sampai dia mendapat *position Deputy Dean* di Fakulti Sastera. Jadi *you*

know, semua ini ada. Kerja manual sebagai *toll operator* dan *manual reflexology massage* masih ada, masih berjalan tetapi kita kena- ini sebabnya tadi saya cakap *public service announcement* dan *awareness* itu, kita perlukan sebab kalau Ahli-ahli Dewan sendiri tidak tahu yang kita sudah ada pakar yang profesional, so saya rasa *its really, really important* untuk Menteri Komunikasi dan Multimedia *to do more work to create awareness*.

Jadi, biar saya sambung ya. Juga untuk Menteri Tenaga Manusia menyatakan apakah status dengan gaji minimum yang dicadangkan iaitu RM1,500 sebagai permulaan. Sebab ini juga kena mengena dengan pekerja OKU sebab Akta Kerja *apply* kepada semua orang. Tidak kira dia OKU atau tidak dan kita mengalu-alukan dan tunggu bila gaji minimum ini akan dilaksanakan.

Baru-baru ini, dua hari dahulu, Menteri Tenaga Manusia telah mengumumkan bahawa beberapa pindaan akan dilakukan kepada Akta Kerja 1955. Akan tetapi selepas tahun 1955 itu, ada banyak perubahan juga yang telah dimasukkan. Ini adalah bagus sebab saya dapat tahu, unsur diskriminasi terhadap wanita, terhadap OKU semua, akan diambil kira juga. Jadi kita harap ini dipercepatkan. Di samping itu, saya juga minta Menteri Tenaga Manusia juga melihat kepada aspek gangguan seksual di tempat kerja. Ini tidak di *address*, tidak dibincangkan dan dimasukkan dalam akta.

Berkenaan dengan suatu Kod Amalan Penggajian OKU yang semasa saya aktif dalam NGO di luar, saya juga menyertai *team* itu untuk menyediakan Kod Amalan Penggajian OKU di sektor swasta dan yang ini pada tahun 2001. Saya minta Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia supaya kita mengkaji balik dan meningkatkan lagi *update* kod penggajian ini. Jadi, itu sahaja.

■1520

Saya juga ingin menyeru kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan. Ada satu isu mengenai pelajar-pelajar OKU pekak. Isu yang sedang diperkatakan dan keluar dalam *papers*, media semua mengenai penggunaan bahasa isyarat Malaysia. Selama ini guru-guru di sekolah menggunakan kod tangan KTBM. Akan tetapi, warga OKU pendengaran mendapati bahawa mereka mempelajari bahasa isyarat Malaysia. Apabila masuk ke sekolah, mereka keliru, mereka tidak dapat mengikuti KTBM, dan KTBM itu tidak sesuai untuk mempelajari bahasa. Jadi apabila datang *public exam*, mereka dapat markah yang rendah.

Jadi saya harap Yang Berhormat Menteri Pendidikan baharu ini akan melihat pada isu ini dan mengadakan dialog bersama persatuan-persatuan OKU Pekak untuk menyelesaikan masalah *once and for all* dan juga melibatkan SEAMEO SEN, atau *Southeast Asian Ministers of Education Organization Special Education Needs* punya seksyen untuk mencari penyelesaian dan sekali gus menggunakan bahasa isyarat Malaysia. Ini kerana dalam Akta

OKU, bahagian interpretasi, *interpretation of the act*, dinyatakan dengan jelas bahawa bahasa isyarat Malaysia (BIM) adalah bahasa rasmi bagi OKU pekak.

Jadi saya ingin juga mengkaji semula- selama ini Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah menyarankan supaya kita ada produktif *welfare*. Kita hendak jauhkan dari *handout welfare* yang beri duit sahaja. Kita hendak OKU bekerja untuk mendapatkan wang.

Akan tetapi, kita tahu bahawa bukan semua OKU yang boleh bekerja. Terdapat sebahagian yang mengalami *impairment* yang sebegitu teruk, mereka tidak dapat kerja. Jadi mereka memerlukan *safety net*, perlindungan jaringan keselamatan sosial. Jadi saya menyeru kepada pihak EPU untuk mengkaji situasi dan memberi apa yang diperlukan oleh golongan ini.

Satu lagi saya hendak sarankan. Pada masa ini terdapat, tidak kira apa jenis *impairment*, apa jenis OKU, orang yang hilang tiga jari yang mendapat kad OKU berbanding dengan OKU yang terbaring yang teruk, mereka dapat menikmati kemudahan yang sama 25 jenis kemudahan. Ada juga bantuan diberi kepada mereka yang tidak boleh kerja. Jadi saya rasa kita harus mengkaji semula dan melihat kepada tahap ketidakupayaan dia, tahap *impairment* dia. Kalau lebih teruk, dia memerlukan *support services*, dia memerlukan bantuan yang lebih daripada yang hilang tiga jari itu. Ada contoh-contoh yang baik dari negara luar seperti Jepun, UK dan Kanada yang boleh dicontohi. Ini saya sarankan kepada pihak EPU.

Saya juga menyarankan supaya keperluan OKU bukan sahaja terletak di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Macam pengangkutan, Kementerian Pengangkutan yang menjaga dan bagi pendidikan, Kementerian Pendidikan yang menjaga.

Jadi sekarang ini hal ehwal OKU semua dijaga oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Pelaksanaan apa yang terdapat dalam Pelan Tindakan OKU 2016 hingga 2022 itu memerlukan kerjasama dari pelbagai kementerian. Jadi Yang Berhormat Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sendiri tidak dapat memberi arahan ataupun tidak boleh minta seorang Menteri lain untuk menjalankan tugas yang dipertanggungjawabkan kepada kementerian itu.

Jadi ini adalah salah satu sebab mengapa pelbagai rancangan yang begitu teliti, yang begitu baik tidak dapat dijalankan sebab tidak ada koordinasi. Jadi saya cadangkan supaya suatu agensi diwujudkan dan diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri supaya dari situ agensi ini boleh mengkoordinasi dan menyelaraskan kerja-kerja yang patut dilakukan merentasi kementerian.

Di bawah Manifesto Pakatan Harapan- saya tahu manifesto sekarang banyak diperkatakan. Saya tidak akan mengkritik manifesto tetapi dalam manifesto dinyatakan bahawa ISM atau Institut Sosial Malaysia akan dikenal pasti untuk menjadi pusat untuk koordinasi. Akan tetapi, ISM juga terletak di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Saya sudah pun mencadangkan ini kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri di Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan beliau ambil maklum. Kita harus mengkaji semula dan mencari suatu penyelesaian. Kalau tidak, perkara ini akan berlanjutan sampai bila-bila dan perkhidmatan yang disediakan, rancangan yang dibuat tidak dapat dicapai.

Saya hendak merujuk seterusnya kepada Rancangan Malaysia Kesebelas. Dalam Titah Seri Paduka Baginda, Tuanku menyatakan bahawa kajian separuh penggal Rancangan Malaysia Ke-11 akan dibentangkan pada tahun ini dan saya rasa saya dengar pada bulan Oktober. Kajian tersebut bertujuan untuk menilai semula program-program yang telah diluluskan hala tuju dan status pencapaiannya.

Rancangan Malaysia Ke-11 yang dibentangkan oleh mantan Perdana Menteri pada 26 Mei 2015 antara lain telah memberi tumpuan dalam usaha bagi orang kurang upaya hidup berdikari dan terlibat dalam sektor pekerjaan. Pertama, bagi memastikan rancangan pembangunan yang *inclusive*, antara inisiatif yang disasarkan ialah pembinaan tujuh pusat kehidupan berdikari.

Tuan Yang di-Pertua, saya tahu setakat hari ini satu pun pusat kehidupan berdikari itu belum diwujudkan. Ini sebenarnya akan memanfaatkan 11,000 orang golongan OKU yang mengalami *disability* yang teruk, yang memerlukan *independent living center*.

Satu lagi sasaran yang terkandung dalam Rancangan Malaysia Ke-11 berkenaan dengan OKU ialah peluang pekerjaan 16,000 jawatan dalam sektor awam akan diwujudkan. Akan tetapi pada realitinya, tidak ada satu pun. *I mean* mungkin ada sedikit jawatan-jawatan yang diisi oleh OKU di mana saya boleh bagi contohnya. Pada bulan April 2015, seramai 3,740 orang OKU bekerja di sektor awam dari satu juta penjawat awam pada masa itu. Pada penghujung bulan Disember 2015, jumlah penjawat awam OKU adalah 3,782 orang.

■1530

Bermakna, dalam tempoh 2 tahun 8 bulan itu, peningkatannya hanya 41 sahaja. Soalnya, apa telah berlaku kepada baki 15,959 jawatan lagi? *I mean*, menimbulkan tanda tanya. Adakah ia diisi oleh penjawat awam bukan OKU? Kalau ya, di jabatan atau kementerian mana? Jadi, jelas apa yang disasarkan di bawah RMKe-11 itu tidak tercapai.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa hairan bagaimanakah apabila Rancangan Malaysia Kesebelas itu digubal, pihak Unit Perancang Ekonomi sepatutnya mereka sudah agihkan

peruntukan yang sewajarnya bagi kegunaan kementerian-kementerian tertentu. Akan tetapi timbul lagi soalan, mungkin kah peruntukan diagihkan atas kertas tetapi ia digunakan untuk tujuan lain? *I mean*, melihat kepada perkembangan-perkembangan baru dan pembongkaran beberapa fakta oleh Menteri Kewangan, saya syak mungkin perkara ini boleh berlaku.

Jadi, nampaknya Kerajaan Pakatan Harapan kini, di samping mewarisi masalah hutang negara yang berbilion itu dari Kerajaan BN dahulu, juga dibebankan dengan rancangan-rancangan yang sepatutnya memanfaatkan rakyat di sini, golongan OKU tetapi gagal dilaksanakan. Saya harap Kerajaan Pakatan Harapan akan menyiasat perkara ini juga untuk mencari balik peruntukan wang yang diagihkan untuk menyempurnakan kedua-dua projek di bawah RMKe-11 itu.

Saya ingin menyentuh satu aspek lain. Dalam Titah Diraja, Tuanku juga telah mengingatkan Ahli-ahli Parlimen yang telah dipilih oleh rakyat dalam PRU14, menyeru supaya mereka menggalas tugas dan titipan amanah yang diberikan dengan jujur dan penuh dedikasi. Tuan Yang di-Pertua, rakyat yang menghuni setiap daripada 222 Kawasan Parlimen itu sudah tentu terdiri daripada kanak-kanak, golongan muda, orang dewasa, warga emas dan juga OKU. Sudah pasti Ahli-ahli Parlimen telah bertemu mereka sewaktu berkempen, bertungkus-lumus untuk mencari undi dari rakyat. Akan tetapi lepas menang, janganlah abaikan mereka sehingga PRU15 nanti.

Saya menyeru kepada setiap Ahli Parlimen apabila tidak bersidang di Dewan dan apabila mereka balik ke kawasan supaya mendampingi rakyat khususnya OKU untuk lebih memahami keperluan mereka. Bukan setakat meraikan mereka sewaktu perayaan dan menyampaikan buah tangan sahaja tetapi untuk mengetahui dan memahami apakah kekangan yang dihadapi oleh mereka dan mengambil tindakan yang sewajarnya untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh mereka. Sebagai contoh, boleh tanya adakah mereka menghadapi masalah berkenaan persekitaran yang tidak mesra OKU dan sekiranya memerlukan laluan atau persekitaran bebas halangan...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, panjang lagi?

Puan Bathmavathi Krishnan: Sedikit, sedikit lagi.

Timbalan Yang di-Pertua: Gulungkan ya, sila.

Puan Bathmavathi Krishnan: Sedikit lagi, lima minit. Cuba menghubungi Pihak Berkuasa Tempatan atau Majlis Daerah berkenaan untuk mencari tindakan penyelesaian. Sekiranya ada OKU di kawasan Parlimen yang belum mendaftar sebagai OKU, membawa mereka dan cari apakah saluran yang ada untuk mendaftarkan mereka. Ada yang belum mendaftar kanak-kanak di sekolah dan ada kawasan-kawasan yang belum ada Pusat

Pemulihan Dalam Komuniti (PDK). Saya dengar di Sarawak, Sabah masih memerlukan banyak PDK sebab ada ramai kanak-kanak yang tidak dapat perkhidmatan PDK.

Jadi, pergi tanya kepada rakyat, apakah keperluan mereka dan cuba menyelesaikan masalah mereka sekiranya mereka memerlukan tempat kemudahan bersukan atau riadah dan sebagainya. Saya juga ingin sampaikan sebagai poin yang akhir, saya rasa selama ini saya menjadi Senator untuk hampir lima tahun sekarang, saya habis tahun depan bulan November. Saya telah mengajukan sebanyak lebih daripada 200 soalan kepada pelbagai kementerian dan membawa banyak isu dalam perbahasan saya. Akan tetapi hanya sedikit, hanya segelintir yang dapat perhatian dan ini mungkin kerana tidak cukup orang, tidak cukup wang, pelbagai alasan diberi.

Jadi, saya rasa sudah tiba masanya saya harus minta suatu *Parliamentary Select Committee* yang khas ditubuhkan bagi melihat dan mengkaji isu-isu yang dihadapi oleh OKU. Saya telah berjumpa dengan Menteri undang-undang dan beliau telah bersetuju. Saya akan buat persiapan untuk mewujudkan *Special Select Committee* ini. Sekian sahaja perbahasan saya. Dengan ini, saya menaruh harapan kepada Pakatan Harapan untuk membawa satu era baru yang cemerlang bagi golongan OKU di negara ini. Dengan ini, saya menjunjung kasih Titah Seri Paduka Yang di-Pertuan Agong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Puan Bathmavathi Krishnan. Oleh sebab ramai lagi Ahli Yang Berhormat yang hendak bercakap sekarang saya kena had sedikit, bagi tiap-tiap Ahli Yang Berhormat berucap 20 minit seorang.

Sekarang saya jemput Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai, dipersilakan.

3.37 ptg.

Datuk Paul Igai: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana mengizinkan saya turut menyokong usul menjunjung kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sewaktu merasmikan Penggal Pertama, Parlimen Keempat Belas pada 17 Julai yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah kepada pemerintahan baharu Malaysia yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Tun Dr. Mahathir dan Kabinetnya. Saya menyimpan penuh harapan kepada Kerajaan Persekutuan agar dapatlah bekerjasama dengan kerajaan negeri-negeri, khususnya negeri Sarawak Bumi Kenyalang. Tahniah juga kepada semua Ahli Dewan Negara yang baru mengangkat sumpah dua hari yang lalu. *Welcome sir.*

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya terlupa, saya akan kembali dahulu kepada isu gangguan bekalan air yang sudah dijawab oleh Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar tadi. Oleh kerana Tuan Yang di-Pertua, selepas mendengar jawapan tadi, rakyat di Sarawak

telefon saya dan *WhatsApp* saya juga. Mereka memang gembira. Akan tetapi satu cara, hal sedikit kerana mereka sudah lama mengalami gangguan air bersih di Kapit.

■1540

Saya fikir dua, tiga tahun lebih sudah. Tadi mereka menyuruh saya untuk menyembah kepada kementerian, mempercepatkan pelaksanaan projek bekalan air di Sarawak, projek loji, paip dan sebagainya. Minta janganlah langgar kepada September 2019 nanti kerana terlalu lama orang menunggu. Saya bagi pihak mereka mohon kepada Yang Berhormat Menteri tolong, tolong kerana kadang-kadang bekalan air adalah seperti air di longkang Tuan Yang di-Pertua dan tidak dapat diminum semata-mata.

Dengan hormatnya di sini, saya dengan ikhlasnya akan menyentuh beberapa isu dengan ringkasnya. Satu, keselamatan. Pada 10 Ogos yang lalu satu kes kemalangan *Radiological Dispersal Device* (RDD), dengan izin, yang mengandungi *radioactive isotope iridium 192*. Kejadian ini memang merisaukan kita kerana benda ini merupakan bahan radioaktif yang boleh menjadi bahan *dirty bomb*, dengan izin, ataupun bom yang sangat berbahaya yang boleh meragut ramai nyawa.

Tuan Yang di-Pertua insiden ini bukanlah yang pertama. Saya difahamkan tahun dahulu ada juga kejadian sebegini. Kita harap pihak keselamatan dan pihak penyiasatan dapat mencari cara untuk mengelakkan terjadi lagi kehilangan bahan seperti bahan bahaya macam ini. Saya juga minta penjelasan dalam SOP dipatuhi dalam insiden sebegini.

Kedua, ancaman anasir dan dadah. Di sempadan Indonesia dengan Sarawak, ada berlakunya penyeludupan bahan gas, petrol dan bahan-bahan makanan yang lain. Adakah aktiviti penyeludupan ini makin pesat berlaku? Apakah tindakan dibuat oleh pihak berkuasa untuk mengatasi kegiatan sebegini? Saya ingin tahu, minta penjelasan daripada kementerian.

Ketiga, aktiviti di pulau-pulau dan perairan Tasik China Selatan. Saya dengar makin banyak cerita tentang aktiviti-aktiviti di kawasan Tasik China Selatan berdekatan sempadan kita. Adakah bukti askar asing memasuki kawasan negara kita dan apakah langkah yang telah dan akan dibuat jika kemungkinan askar asing memasuki kawasan kita?

Peristiwa jalan raya yang jatuh atau runtuh di Genoa, Itali yang berlaku dan meragut nyawa. Mengikut penyelidikan dari *Germany*, 12.4% jambatan-jambatan dan jalan raya dalam keadaan bahaya. Begitu juga di US- *United State* ataupun Amerika Syarikat 57,000 daripada 613,000 jalan raya dan *bridges* adalah dalam tahap bahaya juga.

Adakah Kementerian Kerja Raya dan agensi-agensi di negara kita melaksanakan penyelidikan sebegini tentang status jambatan, jalan raya dan sebagainya sebelum insiden seperti di Genoa, Itali berlaku di sini. Kita juga banyak empangan *electricity* seumpama di Tasik Kenyir dan di Sarawak juga. Tidak lama dahulu ada berlaku empangan pecah di negara

Laos. Adakah kita bersedia untuk insiden sebegini? Sebelum masalah ini terjadi, saya mohon kementerian-kementerian berkenaan menyelidik *stability* empangan-empangan kita.

Perumahan. Masih banyak kawasan setinggan di bandar. Mengikut banyak data dan *survey*, Sabah, Sarawak dan Johor paling banyak koloni setinggan. Satu polisi yang kerajaan dahulu lancarkan iaitu *Zero Setinggan 2015*. Kita tahu polisi ini tidak memuaskan ataupun gagal dan ditukar kepada *Zero Squatter 2020*.

Ramai orang bandar yang prihatin kepada mereka yang tinggal di setinggan dan menghantar makanan setiap hujung minggu atau setiap dua, tiga hari dalam seminggu. Program seperti ini memang baik tetapi bukanlah cara kita untuk mengatasi masalah setinggan. *We cannot give them fish but we must prepare for the nets* dengan izin. Sebelum masalah setinggan ini semakin teruk seperti di *Latin America* dan banyak di negara-negara yang lain, apakah langkah atau polisi baru yang akan dibuat oleh kementerian berkenaan?

Dari segi pertanian, harga lada sekarang telah menjunam ke paras harga yang tidak dapat memberi keuntungan kepada pengusahanya. Di Sarawak umpamanya di Sarikei, Pekan Julau dan di Bintangor, hasil pertanian ini memang penting untuk mereka. Ramai pekebun lada di Sarawak ditimpa masalah harga turun dan sebaliknya harga baja dan racun naik. Apakah langkah yang telah dan akan diperbuat oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani untuk mengatasi masalah sebegini? Bagaimanakah Pertubuhan Peladang, FAMA atau agensi-agensi yang lain boleh membantu mereka?

Berkaitan dengan perkara pertanian tadi, di Kapit terdapat gerai untuk orang menjual sayur, buah-buahan iaitu di bawah Majlis Daerah Kapit. Pada zaman dahulu, itu *history* ya-banyak orang kampung di kawasan Kapit tidak mahu menjual bayaran sayur-sayuran dan beras dan sebagainya. Tahun 60-an dahulu, saya sudah nampak orang malu *bah*, tidak mahu menjual barang hasil hutan.

■1550

Akan tetapi sekarang zaman ini banyak orang tak malu menjual barang hutan atau hasil hutan, sayur-sayuran. Di tempat gerai Majlis Daerah Kapit sekarang dibanjiri oleh orang penjual, orang pengedar ataupun orang peniaga kecil-kecil ini. Memanglah saya sedih nampak peniaga-peniaga kecil ini membanjiri bukan gerai tetapi tepi jalan di kawasan bandar itu. Di sini saya mohonlah kerjasama Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui FAMA minta agensi-agensi yang lain yang terlibat dengan perkara ini untuk mengkaji dan membaiki tempat yang sesuai untuk peniaga-peniaga kecil ini mengusahakan di Kapit.

Tuan Yang di-Pertua, pada hari Isnin terdahulu kita sudah mendengar hujah daripada *I think he's not here*, Yang Berhormat Tuan Chandra Mohan yang menyentuh khusus *mismatching* khusus, dengan izin, saya akan menyambung perkara itu. Mengenai isu

tersebut, saya akan tanya apakah hasil atau maklumat yang telah dicapai oleh agensi-agensi seperti TVET, CIDB, sekolah vokasional selain dari pengajian tinggi. Saya harap tumpuan kerajaan kita yang ada sekarang untuk menumpu penuh kepada mengurangkan ke pengangguran di kalangan muda mudi khususnya.

Peratusan penganggur pada bulan Jun 2018 adalah 3.4 peratus. Saya fikir peratusan ini mungkin tidak tinggi sedikit, mungkin dia tinggi sedikit dari 3.4 *percent* kerana kemungkinan ada pengangguran di kawasan pedalaman. Di dalam kalangan pelajar kita yang lepas pengajian tetapi gagal dan juga tinggal di pedalaman dan tidak ada berjaya dalam pendidikan sekolah dan mereka juga tidak pernah mendaftar menjadi pekerja di bandar.

Berkaitan dengan itu, saya tadi pun juga ada isu yang baru saya terima dari kawasan saya di Kapit. Ada *company* yang berdaftar ataupun memberikan maklumat kepada Pejabat Tenaga Rakyat di Kapit, mereka meminta pekerja dari pedalaman yang *company* yang membina Empangan Baleh Hidro yang menawarkan gaji buruh hanya RM920 sebulan. Ini adalah sangat rendah dan saya mohon kepada kementerian yang berkenaan untuk mengkaji perkara ini demi untuk mengubah struktur gaji mereka. Bahnya gaji promosi di kedai di Kapit adalah lebih dari RM1,000. Saya difahamkan gaji buruh di pelabuhan Pengerang di Johor ada mencecah RM2,000 ke atas yang seperti dipohonkan oleh majikan di Empangan Baleh Kapit tadi.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, boleh gulung Yang Berhormat *please*.

Datuk Paul Igai: Akhirnya, Program Integrasi Nasional. Kita sudah tahu di Malaysia memang kita banyak kaum yang berbilang agama, *culture* dan sebagainya. Sarawak hampir 30 *sub-ethnic groups*, dengan izin, minta tumpuan program kepada integrasi antara kaum di Semenanjung dan Sabah dan Sarawak memahami cara hidup dan aspirasi satu sama lain.

Tuan Yang di-Pertua, nasib baiklah awal bulan tadi seramai 250 mahasiswa dan mahasiswi dari negeri-negeri di Semenanjung Malaysia melawat dan tinggal lima malam di rumah panjang di Bintulu. Saya juga hadir dan juga turut hadir bersama saya ialah sahabat saya Yang Berhormat Senator Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah. Ramai muda mudi yang berumur lingkungan 23 tahun hingga 26 tahun memberitahu kepada saya mereka kagum dan rasa bernasib baik dapat membuka minda mereka dan mengetahui apa cerita yang sebenarnya di bumi Kenyalang Sarawak.

Sebelum itu mereka bimbang, takut pergi ke Sarawak dan sekarang mereka senang hati dan bergembira dan saya tanya mereka adakah kamu mahu pergi balik ke Sarawak nanti semua cakap ya, saya mahu. Itu saya mintalah program integrasi atau kementerian berkenaan boleh mengadakan program seperti ini kecil-kecilan atau besar-besaran. Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua saya mohon menyokong penuh. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai dan sekarang saya mempersilakan pula Yang Berhormat Senator Dr. Nuing Jeluing. Dipersilakan.

3.58 ptg.

Dr. Nuing Jeluing: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang ini untuk mengambil bahagian membahaskan Titah Diraja. Pertama sekali saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Yang Dipertuan Agong atas Titah Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia. Saya ingin menyentuh beberapa perkara yang berikut. Satu, *Malaysia Agreement 1963* atau MA63 yang juga ada disentuh oleh rakan saya pada sesi pagi tadi tetapi saya mahu tambah sedikit.

Sarawak menaruh harapan besar kepada Kerajaan Persekutuan di bawah Pakatan Harapan untuk menyelesaikan masalah-masalah dan tuntutan-tuntutan kami berasaskan MA63, 20 perkara, *AGC report*, Perlembagaan Malaysia, janji-janji dan jaminan-jaminan yang telah diberi semasa penubuhan Malaysia.

■1600

Selama 55 tahun kami di Sarawak merasa kecewa malah ada yang marah dan hilang sabar sehingga ramai yang menuntut hak-hak Sarawak yang telah terhakis dikembalikan sekarang. Betul atau tidak, ini keluhan mereka dan terdapat banyak ketidakpuasan hati. PRU-14 telah memberi nafas baharu di mana hampir semua parti politik termasuk Pakatan Harapan dan Barisan Nasional telah berjanji dalam manifesto masing-masing untuk mengembalikan status dan hak-hak Sarawak.

Sekarang Pakatan Harapan sudah menjadi kerajaan dan Tun Dr. Mahathir telah menjadi Perdana Menteri yang kedua kali. Janganlah jadikan janji dalam Manifesto Pakatan Harapan yang mengatakan mengembalikan hak Sarawak dalam 100 hari sebagai hanya janji seperti mana yang telah berlaku kepada MA63 selama 55 tahun yang lepas. Sebelum kerajaan baharu mengambil alih atau sebelum PRU Ke-14, memang sudah ada jawatankuasa yang dianggotai dari Sabah, Sarawak dan Kerajaan Persekutuan.

Sekarang saya kemukakan apa yang telah terjadi kepada jawatankuasa itu? Saya ingin mengemukakan pertanyaan kepada Perdana Menteri, adakah jawatankuasa ini akan diteruskan atau tidak? Saya berharap ia akan diteruskan. Selama 55 tahun kami merasa tidak ada keadilan kepada negeri Sarawak. Apa sebab ada perasaan begitu?

Pertama, ada kena-mengena dengan minyak dan gas dari Sarawak yang diambil alih Kerajaan Pusat melalui PETRONAS. Dengan izin, *vesting order* yang ditandatangani dalam bulan Mac tahun 1975 menyerahkan hak milik minyak dan gas Sarawak kepada PETRONAS di bawah *Petroleum Development Act 1974* (PDA74). Pada pendapat kami, ia adalah tidak

sah mengikut Perlembagaan Persekutuan kerana petroleum adalah mineral di bawah tanah dan tanah disenaraikan sebagai hak negeri di bawah *state list*.

Untuk Malaysia kekal dan terus aman dan makmur tanpa apa-apa keretakan, sensitiviti rakyat Sarawak harus dihormati dan tidak dicabuli. Parti-parti tempatan harus diberi kuasa mentadbir urus wilayah mereka dengan autonomi penuh. Biarlah parti-parti politik dari ketiga-tiga wilayah itu bekerjasama di peringkat pusat atau peringkat federal.

Saya menyeru agar Kerajaan Persekutuan yang baharu mengambil tindakan-tindakan seperti berikut. Pertama, kembalikan status-status Sarawak sebagai rakan kongsi sama rata dan sama taraf dengan Malaya dan pada masa yang sama memansuhkan pindaan Artikel 1(2) Perlembagaan Persekutuan yang telah dimeterai pada bulan Ogos tahun 1976 yang menurunkan taraf Sarawak sebagai negeri ke-13 sama seperti negeri Perlis, dan memulihkan Artikel 1(2) asal yang berkuat kuasa pada 16 September 1963.

Kedua, tunaikan janji-janji, jaminan-jaminan dan aku-aku janji dalam Artikel 8, di MA63, *IGC Report* dan Perlembagaan Malaysia. Serah balik hak milik minyak dan gas Sarawak kepada Kerajaan Sarawak dan batalkan *vesting order* yang menyerah hak milik minyak dan gas kepada PETRONAS. Benarkan Sarawak melaksanakan kuasa autonomi sepenuhnya sebagai rakan kongsi sama taraf dengan Persekutuan Malaysia dan jika perlu, amalkan satu Persekutuan dua sistem. Dalam pentadbiran Malaysia, apabila apa-apa dasar dan polisi, ia harus diadaptasi mengikut acuan Sarawak dan *consensus* daripada Kerajaan Sarawak. Utamakan dan pesatkan pembangunan di Sarawak untuk mencapai pembangunan sama taraf yang berada di Malaya supaya rakyat Sarawak dapat menikmati seperti rakyat Malaysia yang lain di Malaya.

Sarawak adalah penyumbang ketiga terbesar kepada ekonomi dan perbendaharaan Malaysia. Akan tetapi, Sarawak adalah nombor dua negeri termiskin di Malaysia dengan kadar 0.6 peratus. Ini berdasarkan, dengan izin, *poverty line RM1200 per household per month* dalam tahun 2017. Ini kerana tanpa hasil minyak dan gas daripada Sarawak, mungkin ekonomi Malaysia akan merosot.

Oleh yang demikian, adalah munasabah untuk Kerajaan Persekutuan serta-merta menurap semua jalan di seluruh Sarawak. Dalam Rancangan Malaysia Ke-11, hingga Rancangan Malaysia Ke-13 iaitu daripada tahun 2016 sehingga tahun 2030, RM52 bilion diperlukan. Jumlah ini ialah untuk Lebuhraya Pan Borneo, jalan pesisir pantai, jambatan kecil atau *minor bridges*, jalan luar bandar dan jalan bandar juga.

Mengenai bekalan air yang terawat, pada waktu sekarang ini meliputi hanya 81 *percent* keseluruhannya di negeri Sarawak dan di Malaysia 96.4 *percent*, di luar bandar hanya 65 *percent*. Untuk projek bekalan air luar bandar di bawah Kementerian Kemajuan Luar

Bandar dan Wilayah (KKLW), sejumlah RM5.5 bilion diperuntukkan tetapi setakat ini pada Jun 2018, hanya RM150 *million* sahaja yang telah diagihkan. Manakala untuk *hundred percent coverage* menjelang tahun 2025, sejumlah RM16 bilion diperlukan.

Begitu juga kemudahan-kemudahan seperti berikut. Dalam Rancangan Malaysia Ke-11 hingga Rancangan Malaysia Ke-13, empat hospital baharu, 10 hospital akan dinaiktarafkan dan 186 klinik kesihatan baharu dan lain-lain memerlukan bajet RM6 bilion.

Begitu juga bekalan elektrik. Pada masa sekarang *coverage* hanyalah 95 *percent* di seluruh negeri Sarawak tetapi di luar bandar hanya 68 *percent*. Mengenai *coverage internet* atau *digital broadband*, hanya 54 *percent overall* dan telefon bimbit *cellular coverage* 85 *percent* sahaja. Saya berharap Kerajaan Persekutuan akan melaksanakan pelbagai program dan projek bagi memastikan semua rakyat dapat menikmati manfaat pembangunan di Sarawak.

■1610

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian saya menggesa bahawa Kajian Separuh Penggal, Rancangan Malaysia Kesebelas, Kerajaan Persekutuan akan mengubah fokus dan memberi tumpuan serta peruntukan yang mencukupi kepada negeri Sarawak bagi tempoh separuh penggal yang akan datang.

Saya menyentuh sedikit mengenai sejarah Malaysia. Sejarah pembentukan Malaysia juga perlu diperbetulkan supaya sejarah yang betul diajar di sekolah-sekolah dan supaya rakyat tahu menahu tentang sejarah yang betul. Persekutuan Malaysia hanya dibentuk pada 16 September 1963 dan ia tidak wujud sebelum itu. Sebagai sebuah negara baharu, ia tidak pernah dijajah dan tidak dimerdekakan, yang dimerdekakan pada 31 Ogos 1957 adalah *Federation of Malaya* atau Persekutuan Tanah Melayu.

Bapa-bapa kemerdekaan Sarawak, bukannya bersetuju untuk menyertai Malaya tetapi bersetuju bersama Malaya, Singapura dan Sabah membentuk Persekutuan Malaysia. Adalah satu kesilapan disengajakan atau tidak disengajakan mengatakan bahawa Malaysia merdeka 31 Ogos 1963. Bukan Sarawak tidak menerima 31 Ogos 1957 sebagai hari kemerdekaan Malaysia, sebab ia memang bukan fakta yang benar.

Satu lagi isu yang saya hendak sentuh iaitu mengenai royalti minyak, kenaikan daripada 5 persen kepada 20 persen yang juga sudah disentuh sedikit oleh rakan saya pagi tadi.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai isu royalti minyak, ada beberapa isu yang perlu penjelasan daripada Kerajaan Pakatan Harapan. Dalam perbincangan harian dan dalam manifesto Pakatan Harapan, jelas dinyatakan bahawa lima persen royalti akan dinaikkan kepada 20 persen royalti. Sebenarnya royalti yang dirujuk ini adalah merupakan *cash*

payment, dengan izin, di bawah seksyen 4, PDA 74 dan bukan royalti yang biasa diguna pakai sebagai merujuk kepada bayaran tuan hak milik sesuatu perlombongan.

Oleh yang demikian, janji bayaran *20 percent* royalti adalah merujuk kepada kenaikan *cash payment* daripada *5 percent* kepada *20 percent*. Berdasarkan jumlah pengeluaran kasar, atau *gross production* dan bukan kepada apa-apa keuntungan atau tidak. Di dalam manifesto, Pakatan Harapan telah berjanji menaikkan royalti minyak daripada *5 percent* kepada *20 percent*, sekarang *5 percent* tersebut adalah berdasarkan kepada jumlah pengeluaran kasar atau *gross production*, dengan izin.

Oleh yang demikian *20 percent* royalti tersebut harus berdasarkan kepada pengeluaran kasar juga. Ini juga merupakan *expectation* rakyat Sarawak berdasarkan manifesto tersebut. Akan tetapi jawapan di dalam Dewan Rakyat telah menukarkan *20 percent* tersebut berdasarkan keuntungan, adakah anda menukar janji anda berkaitan dengan royalti *20 percent* itu?

Sekiranya *20 percent* adalah berdasarkan keuntungan, ia bermaksud perkongsian keuntungan dan tiada kaitan dengan royalti. Sekiranya demikian, ia juga bermakna bahawa negara pengeluar minyak seperti Sarawak, Sabah, Terengganu dan Kelantan adalah pemilik sumber minyak dan gas dan berhak mengenakan royalti mengikut Perkara 112C(4), Perlembagaan Persekutuan.

Satu lagi perkara yang saya mahu sentuh, mengenai status Sarawak sebagai *regional disparity* dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah Diraja, Tuanku telah menyentuh mengenai diskriminasi perkauman yang harus kita hapuskan. Bukan sahaja adanya diskriminasi perkauman dalam rejim yang dahulu, juga berlaku diskriminasi wilayah iaitu Sarawak nampak dipinggirkan dan diskriminasi.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, selepas 55 tahun Malaysia ditubuhkan pada September 1963, bangsa Sarawak dan Sabah masih dikategorikan sebagai "Lain-lain". Ini pada pendapat saya sebagai penghinaan sebagai orang asal Sarawak dan Sabah. Baru-baru ini ada usaha untuk mengkategorikan orang asal Sarawak sebagai Dayak dan orang Sabah, kalau tidak salah saya sebagai KadazanDusun. Jikalau salah, tolong diperbetulkan.

Kategori ini sepatutnya diguna pakai di semua borang-borang kerajaan tetapi sampai hari ini, belum ada bukti ia dilaksanakan. Saya menyeru Jabatan Ketua Menteri supaya ia dapat dilaksanakan dengan segera. Artikel 1(2), Perlembagaan Persekutuan, telah dipinda berkuat kuasa pada 27 Ogos 1976 dan menurunkan taraf Sarawak daripada rakan kongsi sama rata dan sama taraf dengan Malaya kepada negeri ketiga belas. Sama taraf misalnya dengan Perlis dan lain-lain negeri di Malaya.

Status Sarawak sebagai rakan kongsi sama rata dan sama taraf dengan Malaya harus dikembalikan dan Sarawak tidak boleh disamakan dengan negeri-negeri di Malaya. Biar saya jelaskan kerana selama ini Sarawak telah mengalami banyak kerugian serta ketinggalan dalam arus pembangunan negara kerana tanggapan yang salah, sengaja atau tidak disengajakan. Sebagai contoh, dalam semua peta termasuk yang disebar oleh Kementerian Komunikasi dan Multimedia, peta Malaya adalah jauh lebih besar daripada peta Sarawak dan Sabah.

Hakikat sebenarnya saiz Sarawak lebih kurang 124 ribu kilometer persegi adalah lebih kurang dengan saiz Malaya yang 130,000 kilometer persegi. Diharapkan Kementerian Komunikasi dan Multimedia akan menggunakan peta dengan saiz Malaya, Sarawak dan Sabah yang mencerminkan keluasan sebenarnya.

Saya juga ingin menyentuh perkara-perkara yang berikut, keputusan rakyat dan kedaulatan undang-undang. Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah Diraja, Tuanku telah mengulas bahawa rakyat telah pun membuat keputusan dan telah menasihati Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini untuk bertindak supaya institusi Parlimen akan terus dihormati dan dipandang tinggi oleh rakyat dan dunia luar. Perkara-perkara yang saya mahu sentuh satu, Jawatankuasa *Institutional Reform*, dengan izin. Saya difahamkan satu Jawatankuasa *Institutional Reform* telah ditubuhkan untuk menyemak dan memberi nasihat mengenai perubahan dan *reform* untuk Malaysia baharu.

■1620

Saya berharap jawatankuasa tersebut akan meneliti dan menitikberatkan isu kesahihan MA63 sama ada masih sah atau tidak, memandangkan perpisahan Singapura dari Malaysia pada Ogos 1965.

Kedua, Jawatankuasa Khas MA63, Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri telah mengumumkan bahawa satu Jawatankuasa Khas MA63 akan ditubuhkan untuk mengkaji pelaksanaan MA63. Kerajaan Persekutuan harus mendedahkan dan memberikan maklumat penuh mengenai jawatankuasa khas tersebut seperti, dengan izin, *terms of reference*, keahlian jawatankuasa dan tempoh masa untuk pengkajian dan sebagainya.

Ketiga, ketelusan mendedahkan kedudukan kewangan negara. Saya ingin menyokong tindakan Kerajaan Pakatan Harapan mendedahkan kedudukan kewangan negara yang sebenarnya. Ketelusan adalah salah satu pokok asas pentadbiran yang baik.

Keempat, hapuskan rasuah. Kita harus menyokong segala langkah untuk membanteras rasuah dan penyalahgunaan kuasa supaya Malaysia amnya dan Sarawak khususnya, dapat menikmati pembangunan yang sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengakhiri dengan menyokong Titah Diraja. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat Senator. Sekarang saya menjemput pula Yang Berhormat Senator Datuk Lim Pay Hen.

4.22 ptg.

Datuk Lim Pay Hen: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Salam sejahtera dan salam Sayangi Malaysiaku.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang untuk saya mengambil bahagian dalam Menjunjung Kasih Titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Mesyuarat Pertama, Penggal Pertama, Parlimen yang Keempat Belas pada hari ini. Maka dengan ini, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengemukakan beberapa isu bagi mendapatkan tumpuan pihak kementerian dan kerajaan baharu.

Isu pertama yang ingin saya bahaskan pada petang ini mengenai penangguhan rel berkelajuan tinggi iaitu HSR, Kuala Lumpur ke Singapura yang memang memberi kesan kepada pembangunan di bahagian utara Johor seperti Tangkak, Pagoh dan Muar. Dengan merujuk kepada sesi perbahasan saya yang lepas, saya telah membangkitkan Hab Pendidikan Bandar Universiti Pagoh (BUP) akan lebih merangsang apabila ditambah dengan projek Rel Berkelajuan Tinggi (HSR) Kuala Lumpur ke Singapura menjelang tahun 2026 nanti.

Namun, apabila pada 6 Jun 2018, kerajaan baharu telah memutuskan agar projek HSR tersebut perlu disemak semula, ia telah membimbangkan saya. Ini adalah kerana BUP yang merupakan satu daripada lokasi strategik yang akan menikmati kelimpahan positif daripada projek HSR Kuala Lumpur-Singapura nanti, sepanjang 350 kilometer laluan HSR Kuala Lumpur- Singapura, BUP akan memperoleh *the spill-over effect*, apabila jarak lokasi hanya 35 minit daripada Stesen Muar. Projek HSR Kuala Lumpur-Singapura mampu memaksimumkan potensi BUP menjangkau hab pendidikan kepada pusat ekonomi baharu dalam aspek pembangunan seperti kediaman, perniagaan, komersial termasuk pusat membeli belah serta kegiatan perhotelan bagi sektor pelancongan.

Maka, pencerahan yang ingin saya dapatkan daripada kerajaan baharu ialah, selain daripada pertimbangan kos projek, sama ada RM110 bilion mengikut Kementerian Hal Ehwal Ekonomi ataupun RM70 bilion mengikut jangkaan MyHSR Corp ataupun RM40 bilion sebagaimana yang dinyatakan dalam Rancangan Malaysia Ke-11, apakah tempoh masa yang ditetapkan oleh kerajaan baharu atau untuk muktamadkan sama ada projek ini dibatalkan atau diteruskan? Sekiranya projek ini dibatalkan, apakah alternatif kerajaan baharu bagi membangunkan projek pengangkutan lain yang akan memberikan *spill-over effect*

sebanyak RM200 bilion sehingga RM650 bilion kepada pendapatan kasar negara termasuklah BUP dan *second tier cities* yang lain?

Tuan Yang di-Pertua, projek menaik taraf landasan kereta api kepada landasan berkembar daripada Gemas ke Johor Bahru yang kini masih dalam pembinaan, merangkumi 11 stesen telah memintas lokasi Muar atau Pagoh, Ayer Keroh dan Seremban. Kaedah lain pula mungkin meningkatkan pembinaan lebuh raya atau naik taraf jalan yang sedia ada.

Akan tetapi, menurut pengetahuan saya, tiada pertimbangan untuk cadangan sedemikian sepanjang Lebuhraya Utara-Selatan daripada dua lorong kepada tiga lorong atau jalan selepas Ayer Keroh, Melaka sehingga ke bahagian Negeri Johor. Jika kerajaan baharu bersetuju untuk meneruskan projek HSR Kuala Lumpur-Singapura, saya menjangkakan kerajaan akan mungkin merendahkan spesifikasi keseluruhan projek HSR Kuala Lumpur-Singapura tersebut. Maka, stesen yang mana akan dibatalkan apabila 335 kilometer tersebut melibatkan tujuh stesen di Malaysia iaitu tiga stesen di Johor, setiap satunya di Melaka dan di Negeri Sembilan dan baki di Putrajaya dan Kuala Lumpur.

Hujahan *'the other side of the coin'* menyatakan projek HSR Kuala Lumpur-Singapura menjangkakan harga tiket rel yang lebih mahal berbanding harga tiket penerbangan selain hujahan tempoh masa perjalanan yang tidak memenuhi jangkaan seperti kapal terbang. Akhirnya, kerajaan terpaksa menanggung beban atau subsidi tersebut dengan merujuk kepada *rail country* seperti Jepun, Hong Kong, Korea Selatan, dan China.

Kebanyakan negara ini mempelbagaikan sistem pengangkutan rel mereka dengan aktiviti seperti perniagaan komersial atau kedai makanan dan minuman. Ini tidak langsung akan meningkatkan penggunaan penumpang ke atas rel atau HSR Kuala Lumpur-Singapura dan menyalurkan kembali subsidi- serta mampu mengekalkan harga tiket ke paras yang lebih rendah, lebih berdaya saing berbanding dengan penerbangan.

Tuan Yang di-Pertua, satu isu lagi ingin saya tujukan kepada projek-projek *people centric* di bahagian utara Johor. Berdasarkan kepada arahan Penambahbaikan Tadbir Urus dan Pelaksanaan Perolehan Kerajaan bertarikh 29 Jun 2018, projek-projek *people centric* seperti jalan raya akan diteruskan.

Dengan ini, saya ingin memohon perhatian daripada pihak kerajaan mengenai dua projek jalan yang masih tidak mengetahui nasibnya di bawah kerajaan baharu sama ada di tangguh atau dibatalkan sahaja.

■1630

Projek yang pertama yang berbangkit ialah Projek Menaik Taraf Jalan Segamat-Tangkak yang merangkumi tujuh peringkat projek atau pakej. Dua daripada tujuh peringkat projek telah disiapkan. Manakala pakej yang ketiga, yang masih dalam peringkat pembinaan

dengan perkembangan fizikal daripada Kementerian Kerja Raya bahawa 18.25 peratus. Walaupun sedikit kelewatan iaitu 0.25 peratus daripada yang dijualkan, pakej ini dijangkakan akan mencapai 100 peratus atau siap pada bulan Ogos 2019. Saya berharap baki pakej bagi Projek Menaik Taraf Jalan Segamat-Tangkak ini masih mendapat peruntukan bagi menyiapkan baki pakej-pakej, terutamanya yang telah melaksanakan tender pada bulan Oktober 2017 bagi pakej 5, dan pakej 1A, 4 dan 6.

Satu lagi perkara yang ingin saya membawa perhatian dalam Dewan yang mulia ini dengan kerajaan baharu ialah kaedah pelaksanaan pembinaan di sepanjang menaik taraf jalan. Sebagai contohnya Projek Menaik Taraf Jalan Segamat-Tangkak, bongkah plastik pengadang jalan yang telah ditetapkan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) adalah piawaian umum atau tetap. Ini telah menyebabkan banyak kemalangan berlaku semasa Projek Menaik Taraf Jalan Segamat-Tangkak akibat bongkah plastik pengadang jalan yang tidak mampu memberikan amaran yang jelas kepada pemandu atau memberi panduan kepada pemandu jalan bahawa jalan di hadapan akan dikecilkan daripada dua lorong kepada satu lorong jalan.

Maka, saya mencadangkan agar JKR menetapkan piawaian yang lebih baik seperti memasang papan tanda atau lampu amaran, terutamanya di kawasan pembinaan jalan.

Projek yang kedua ialah Projek Menaik Taraf Lebuhraya Pasir Gudang- FT17, daripada empat lorong ke enam lorong, merangkumi kawasan Segamat sehingga Jementah.

Sehingga yang saya mengetahui, projek fasa tiga telah dicapai kemajuan fizikal 60 peratus dan bakal siap pada tahun 2020. Maka, saya ingin mengetahui, adakah EPU yang kini berada di bawah kementerian baharu akan meneruskan projek ini atau menanggungkan atau membatalkannya apabila ia merupakan projek legasi kerajaan terdahulu?

Isu yang ketiga, langkah tegas ke atas kilang-kilang di sekitar utara Johor yang mencemarkan alam sekitar. Berikutnya, saya ingin menyeru agar tindakan tegas ke atas kilang-kilang di sekitar utara Johor yang tidak menepati piawaian Jabatan Alam Sekitar (JAS) di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar terdahulu, kini Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim. Contoh kes yang paling lapuk tetapi masih berlaku ialah kilang kelapa sawit di Jementah, dan kilang getah di Segamat.

Menurut makluman yang diperoleh daripada JAS, kilang getah di Segamat telah dihukum denda RM20,000 dua kali pada tahun 2013 di bawah seksyen 16(1), Akta Kualiti Alam Sekitar 1974. Selepas kes mahkamah tersebut, tiada lagi sebarang pendakwaan.

Namun, masalah bau busuk masih berlaku sehingga kini dengan kadar kekerapan yang semakin tinggi. Ini menyebabkan bau busuk tersebut memberi kesan yang negatif kepada penduduk di sekitar 70 meter. Manakala kilang kelapa sawit di Jementah pula yang telah dibenarkan beroperasi dalam lingkungan 500 meter daripada kawasan perumahan

penduduk juga mengalami kesan yang sama, isu pencemaran bau yang juga kerap berlaku telah memberi ketidakselesaan kepada penduduk sekitarnya.

Tuan Yang di-Pertua, kedua-dua perkara ini sebenarnya telah dibangkitkan oleh ramai Ahli Parlimen dan Senator sebelum saya tetapi keadaan pencemaran masih berlaku. Perkara paling penting ialah secara teknikalnya mengikut *Guidelines for Siting and Zoning of Industry*.

Kedua-dua buah kilang ini sebenarnya tidak memenuhi ketetapan 500 meter jarak penampakan JAS. Seterusnya, kilang ini sebenarnya tidak mendapat kelulusan daripada Unit Perancang Ekonomi Negeri Kerajaan Negeri Johor.

Maka, saya ingin mendapatkan kata putus daripada kementerian baharu kini. Adakah ketetapan 500 meter jarak penampakan JAS tersebut dikuatkuasakan secara tegas oleh kementerian baharu apabila Yang Berhormat Menteri juga berasal daripada Segamat, Johor?

Kedua, apakah perkembangan dan pemantauan terkini oleh JAS ke atas kedua-dua buah kilang tersebut, terutamanya dalam rawatan pelepasan dan pengurusan efluen serta pelepasan *particular matters*?

Terakhir, adakah kementerian akan mengumumkan kedua-dua buah kilang tersebut haram dan membatalkan lesen pengoperasian mereka kerana pencemaran bau busuk dan bertoksik telah menyebabkan ketidakselesaan dan berkemungkinan akan menyebabkan masalah kesihatan kepada penduduk setempat?

Isu yang keempat, suka saya hendak merujuk isu ini kepada Kementerian Industri Utama bagi memastikan nasib penoreh dan pekebun kecil komoditi terbela. Rekod Kementerian Industri Utama telah mencatatkan purata harga getah SMR20 bagi tahun 2017 ialah RM7.04 per kilogram. Manakala daripada Januari sehingga Jun 2018, purata harga mencatatkan penurunan kepada paras RM5.56 per kilogram.

Kementerian juga telah memberikan perangkaan bahawa jumlah eksport minyak sawit Januari hingga bulan Mei 2018 telah mengalami peningkatan 6.63 juta tan, berbanding tempoh yang sama tahun 2017 hanya 5.93 juta tan. Di samping itu, eksport minyak sawit ke Kesatuan Eropah bagi tempoh yang sama telah mengalami peningkatan 26.5 peratus iaitu 876,000 tan, berbanding 693 tan bagi tempoh yang sama tahun 2017.

Namun, harga kelapa sawit sehingga 16 Ogos 2018 telah jatuh sehingga harga RM2,176 per tan. Selain daripada usaha delegasi ke China untuk merangsang eksport komoditi getah dan kelapa sawit, saya ingin juga mendapatkan ketetapan daripada Yang Berhormat Menteri.

Apakah usaha lain yang dirombak semula bagi memastikan harga komoditi tidak terlalu rendah dengan perubahan antarabangsa seperti persaingan minyak kacang soya atau aktiviti spekulasi prestasi mata wang Ringgit Malaysia berbanding Dolar Amerika Syarikat dan

sebagainya? Ini adalah untuk memastikan 450,000 keluarga penoreh getah dan hampir 650,000 pekebun kecil sawit terkini di seluruh negara terbelas nasib mereka.

■1640

Saya menyeru agar kerajaan baharu kini meneruskan usaha membanteras manipulasi orang tengah ke atas penoreh dan pekebun kecil. Kerajaan baharu telah menyatakan langkah agar mewujudkan stok penimbang getah dan harga lantai bagi pengawalan harga getah. Maka sehingga kini, apakah perkembangan langkah-langkah ini terutamanya dengan negara pengeluar komoditi lain seperti Indonesia dan Thailand?

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Menurut jawapan yang diberikan oleh kementerian sebelum ini iaitu Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, terdapat inisiatif Majlis Tindakan Sara Hidup Negara untuk menangani kos sara hidup rakyat.

Majlis ini merupakan satu langkah yang menyeluruh bagi menangani kos sara hidup rakyat kerana kolaborasi merentas sektor awam dan swasta mengambil kira *Multidimensional Poverty Index* serta *Malaysian Quality of Life Index*. Yang paling penting, Majlis merupakan cetusan idea daripada Ahli Parlimen Pagoh iaitu Jawatankuasa Khas Mengenai Kos Sara Hidup Rakyat pada tahun 2014.

Maka, soalan saya ialah adakah Majlis ini masih berfungsi? Jika ya, adakah Ahli Parlimen dan Senator dilibatkan dalam Majlis Tindakan Sara Hidup Negara untuk mengemukakan pandangan atau masalah kos sara hidup di kawasan Parlimen masing-masing untuk dibincangkan bersama, terutama dengan pengenalan SST, sistem baharu ke atas barangan di pasaran nanti?

Tuan Yang di-Pertua, maka dengan ini saya menjunjung kasih Titah Baginda Tuanku. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Lim Pay Hen. Terima kasih.

Saya jemput pula Yang Berhormat Senator Datuk Ng Chiang Chin.

4.42 ptg.

Datuk Ng Chiang Chin: Terlebih dahulu, saya ingin mengambil peluang untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk menyertai perbahasan ke atas Titah Diraja oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sempena pembukaan rasmi Penggal Pertama, Parlimen Keempat Belas.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon untuk menyokong Usul Menjunjung Kasih ke atas Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Saya menyanjung tinggi, bangga dan bersetuju dengan inti pati Titah Diraja yang merangkumi semua aspek penting masyarakat dan negara dengan secara menyeluruh dan prihatin. Semoga saranan Titah Diraja Baginda diterima baik dan difahami oleh semua pihak dan berusaha secara bersama untuk membawa perkembangan dan kemajuan yang diharapkan oleh rakyat.

Saya ingin merakamkan sembah menjunjung Ke Bawah Duli Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas perkenan mencemar duli merasmikan persidangan Parlimen kita. Kita juga bersyukur atas peluang untuk berjumpa sekali lagi di penggal baharu Parlimen tahun ini yang merupakan penggal pertama selepas Pilihanraya Umum Keempat Belas. Oleh itu, saya turut berbesar hati kerana mendapat ruang perbahasan ini untuk mengutarakan pandangan serta mengetengahkan beberapa isu yang penting yang perlu diberikan perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, sektor pertanian dan perladangan merupakan salah satu sektor yang terbesar dalam negara dan ia menyumbang sebanyak 8.1 peratus daripada keluaran dalam negara kasar negara pada tahun 2016. Ia berjaya menjana sebanyak RM89.5 bilion pada tahun berkenaan. Namun begitu, kehidupan para peladang dan petani adalah bergantung pada harga pasaran semasa sebagai pendapatan mereka. Hasil pertanian seperti durian, halia, cili, timun dan buah-buahan yang lain adalah beberapa contoh hasil yang mampu membawa pulangan yang lumayan jika harga stabil.

Mengikut Jabatan Statistik, pendapatan medium bagi negeri Kelantan, Kedah dan Pahang adalah RM3,079, RM3,811, RM3,979 pada tahun 2016 iaitu jauh lebih rendah daripada garis pewarta kebangsaan sebanyak RM5,228. Negeri-negeri dinyatakan di atas merupakan tulang belakang sektor pertanian Malaysia. Oleh itu, saya bercadang agar kerajaan melaksanakan beberapa inisiatif bagi memastikan kehidupan para petani dapat dilindungi. Saya berharap skim harga minimum terjamin, dengan izin, *guaranteed minimum price* yang sedang diberi kepada petani padi akan diperluaskan kepada petani tanaman yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, peristiwa kekurangan makanan global pada tahun 2008 telah membawa kepada penggubalan Dasar Keselamatan Makanan Kebangsaan. Oleh itu, jika kehidupan para petani tidak dipelihara, saya bimbang bahawa kemungkinan negara kita akan mengalami masalah kekurangan makanan sekali lagi. Selain itu, saya juga berharap agar peralatan pertanian serta pengairan untuk para petani seperti paip pengairan dan pam air boleh mendapat pelepasan cukai supaya kos mereka boleh dikurangkan dan hasil pendapatan mereka boleh dipertingkatkan lagi dengan secara tidak langsung.

Tuan Yang di-Pertua, sektor pertanian sedang berdepan dengan masalah kekurangan orang muda yang berminat mengambil alih dan ini secara tidak langsung juga menyumbang kepada kemerosotan bilangan petani di negara. Hal ini banyak disebabkan oleh sektor tersebut dianggap sebagai kurang lumayan.

Akan tetapi, inisiatif kerajaan boleh menambahkan baik keadaan tersebut seperti pelepasan cukai, inisiatif bantuan dan perlindungan harga pasaran. Kerajaan harus memandang serius terhadap isu ini kerana ia juga berkaitan dengan keselamatan negara kita dari segi keupayaan kita bergantung diri. Negara yang terpaksa bergantung kepada import seperti Singapura dan Hong Kong adalah lebih terdedah kepada masalah-masalah global kerana mereka kekurangan tanah untuk menjalankan pertanian secara besar-besaran. Malaysia berpotensi menjadi sebuah negara pertanian yang besar atas faktor cuaca dan geografi yang sesuai. Janganlah kita mensia-siakan kelebihan ini.

Tuan Yang di-Pertua, isu kewarganegaraan bukan perkara baharu di negara kita. Kepentingan dan kebajikan individu-individu terbabit terjejas dengan kekurangan status kelayakan dalam negara. Selain daripada halangan atau kesulitan untuk mendapatkan pendidikan yang sempurna, mereka turut menghadapi masalah untuk mencari pekerjaan, menerima perkhidmatan kesihatan dan sebagainya.

Walau bagaimanapun, saya ingin membawa perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat terhadap nasib dan kesulitan yang dihadapi oleh ribuan kanak-kanak tanpa taraf kewarganegaraan. Mereka tidak bersalah dan mempunyai masa depan yang panjang. Saya percaya kanak-kanak tidak seharusnya dijadikan mangsa atas kesilapan ibu bapa atau sistem yang kurang berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut statistik Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) pada Oktober 2017, seramai 43,445 orang tanpa kelayakan yang kini berumur di bawah 21 tahun di mana sekurang-kurangnya salah seorang ibu bapa mereka adalah warganegara Malaysia. Sabah sahaja telah menyumbang separuh daripada jumlah keseluruhan tersebut iaitu seramai 23,154 orang, diikuti oleh Selangor seramai 3,737 orang, Johor seramai 2,603 orang, Kuala Lumpur seramai 2,197 orang, dan Sarawak seramai 2,169 orang.

■1650

Menurut satu laporan pada Mac 2018, dalam tempoh tahun 2000 hingga 2018, masih terdapat 66,164 kes anak-anak orang tempatan tanpa kerakyatan masih berlonggokan. Sementara jawapan daripada kementerian mendedahkan seramai 82,789 kanak-kanak bawah usia 21 tahun memohon kerakyatan dalam tempoh tahun yang sama. Saya percaya ramai lagi yang tersembunyi di belakang 'selisik' yang harus dikenal pasti dan didekati oleh kerajaan untuk membantu mereka. Kebanyakan kanak-kanak tersebut terdiri daripada anak

tidak sah taraf (ATST). Mengikut keterangan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), terdapat tiga kategori istilah ATST diguna pakai oleh JPN iaitu:

- (i) ibu dan bapa tiada ikatan perkahwinan yang sah mengikut undang-undang di Malaysia;
- (ii) ibu dan bapa berkahwin tetapi tidak didaftarkan mengikut undang-undang negara; dan
- (iii) anak yang dijumpai terdampar tanpa diketahui identiti ibu bapa.

Tuan Yang di-Pertua, masalah tiada kewarganegaraan boleh berlaku atas pelbagai sebab. Salah satunya ialah bapa berkahwin dengan warganegara lain atau masalah pendaftaran perkahwinan. Saya mengalu-alukan langkah kerajaan pada Julai 2018 yang mengemukakan bahawa satu jawatankuasa akan ditubuhkan bagi meneliti isu kewarganegaraan yang dihadapi oleh lebih 200,000 individu. Tidak dapat dinafikan bahawa jawatankuasa tersebut merupakan satu langkah yang tepat dan amat diperlukan.

Namun, saya menggesa kerajaan supaya mempermudah dan mempercepatkan proses pemberian kerakyatan bagi kes-kes yang melibatkan anak tidak sah taraf yang kemudian diambil sebagai anak angkat supaya mereka boleh menjalankan kehidupan baru dengan keluarga angkat yang baru.

Tuan Yang di-Pertua, kerenah birokrasi merupakan salah satu punca utama yang melambatkan proses permohonan kewarganegaraan. Saya difahamkan bahawa kanak-kanak tanpa taraf kewarganegaraan gagal menerima perkhidmatan kesihatan yang asas atau ditolak pendaftaran persekolahan kerana kelewatan dalam proses meluluskan kerakyatan. Saya ingin mengingatkan bahawa Menteri mempunyai kuasa meluluskan permohonan maka kementerian tidak sepatutnya menangguhkan kelulusan taraf kewarganegaraan kepada kanak-kanak yang memenuhi syarat. Saya menyeru kerajaan supaya bertindak mengurangkan kerenah birokrasi di JPN untuk memudahkan permohonan daripada semua pihak terutama kanak-kanak.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada mengurangkan kerenah birokrasi di JPN, kerajaan juga boleh mengkaji semula undang-undang yang berkenaan. Saya berpendapat bahawa kerajaan harus memberikan taraf kewarganegaraan kepada kanak-kanak yang diambil sebagai anak angkat secara sah oleh rakyat Malaysia terutamanya golongan anak tidak sah taraf yang berjaya diterima oleh keluarga angkat yang baru. Akta Pengangkatan 1952 tidak menyentuh taraf kewarganegaraan diberi kepada kanak-kanak yang diambil sebagai anak angkat. Oleh itu, permohonan taraf kewarganegaraan mereka ditentukan mengikut budi bicara JPN dalam melaksanakan fungsi pentadbiran yang ditentukan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan kerajaan mengkaji semula akta tersebut supaya satu mekanisme untuk memberikan taraf kewarganegaraan secara automatik kepada kanak-kanak khususnya tidak sah taraf dan yang mengambil sebagai anak angkat secara sah oleh rakyat Malaysia. Mekanisme tersebut yang diinstitusikan menerusi penguatkuasaan akta boleh mengelakkan penumpuan kuasa ke atas Menteri dan JPN dalam persoalan pemberian taraf kewarganegaraan.

Satu mekanisme yang terbuka, tulus, adil dan sistematik di bawah akta membolehkan anak tidak sah taraf mendapat taraf kewarganegaraan tanpa melalui kerendah birokrasi seperti permohonan dalam kategori yang lain. Saya percaya langkah ini adalah selaras dengan Perkara 14(1)(b), kewarganegaraan melalui kuat kuasa undang-undang, dan seksyen 1(a) Bahagian II, Jadual Kedua, dalam Perlembagaan Persekutuan yang menetapkan bahawa sekurang-kurangnya seorang daripada ibu bapanya adalah warganegara ataupun bermastautin secara tetap di Persekutuan. Anak-anak sah taraf yang telah diambil sebagai anak angkat oleh rakyat Malaysia dengan secara sah, wajar diterima sebagai warganegara Malaysia.

Kepentingan kebajikan dan masa hadapan anak-anak harus diutamakan dalam segala pertimbangan dan tindakan kerajaan. Dengan itu, saya percaya bahawa kerajaan harus komited terhadap mengadakan satu mekanisme untuk memastikan nasib dan masa hadapan golongan anak-anak sah taraf di negara ini terbela. Ini penting untuk membolehkan mereka membina kehidupan baru selepas keluar dari pusat kebajikan dan masa hadapan mereka bersama keluarga angkat. Langkah ini boleh mengelakkan mereka daripada dieksploitasi sebagai buruh paksa, pelacur atau menjadi mangsa jenayah perdagangan manusia.

Oleh itu, saya berharap bahawa kerajaan mengambil tindakan yang sewajarnya untuk menginstitusikan satu mekanisme memberikan taraf kewarganegaraan secara automatik kepada anak tidak sah taraf yang diambil sebagai anak angkat secara sah oleh rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan dijangka mengumumkan dasar baru mengenai pengambilan pekerja asing menjelang akhir Ogos. Menurut Kementerian Tenaga Manusia, dasar yang lebih sistematik dirangka bagi memastikan pengambilan pekerja asing selaras keperluan tenaga kerja dalam pasaran di samping menjamin ketulusan proses pengambilan pekerja asing ke negara ini mengikut prosedur.

Saya mengalu-alukan inisiatif kerajaan untuk mengkaji semula semua perjanjian buruh asing dan seterusnya memperkenalkan dasar yang baru. Langkah tersebut adalah wajar dan diperlukan bagi menangani isu lambakan pekerja asing di Malaysia yang kini dijangka

mencecah enam juta orang termasuk pekerja asing tanpa dokumen yang dianggarkan kira-kira dua juta.

Walau bagaimanapun, saya berharap kerajaan akan meneliti tahap kebergantungan kepada pekerja asing oleh enam sektor pekerjaan yang dibenarkan untuk mengambil pekerja asing di bawah dasar semasa pengambilan pekerja asing. Antara lima sektor formal merangkumi sektor pembinaan, perkilangan, perkhidmatan, perladangan dan pertanian. Manakala satu sektor informal adalah pembantu rumah asing. Saya menggesa kerajaan supaya terus membenarkan pengimportan pekerja asing, tetapi menambah baik proses itu dengan menghapuskan keperluan orang tengah. Ini juga merupakan seruan daripada Persekutuan Pengilang-pengilang Malaysia (FMM).

Tuan Yang di-Pertua, tanpa pekerja asing ekonomi Malaysia tidak akan mampu berkembang dengan cepat kerana mereka melibatkan diri dalam sektor-sektor pertanian, pembinaan dan perkhidmatan yang biasanya dianggap pekerjaan *dirty, dangerous and demeaning* (3D) oleh rakyat Malaysia. Sektor pertanian, pembinaan, perkhidmatan dan pengilangan...

Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah: Mohon mencelah Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Ng Chiang Chin: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila.

Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah: Terima kasih Yang Berhormat. Saya mendengar tadi Yang Berhormat kata supaya mengkaji balik perjanjian-perjanjian, terma-terma di dalam perjanjian pengambilan orang asing ini.

Bersetuju kah Yang Berhormat saya menyatakan bahawa perjanjian itu bagus, cuma penguatkuasaannya yang menjadi masalah sebab saya melihat baru-baru ini hari raya korban, hari raya korban ini orang tidak balik kampung. Hari raya puasa baru-baru ini, Hari Raya Aidilfitri, baru-baru ini ramai yang balik kampung yang di Kuala Lumpur. Saya sembahyang di Masjid Wilayah Persekutuan dan saya tengok tiga suku daripada masjid itu penuh dengan orang-orang asing. Sebelah kiri, kanan, depan, belakang. Saya pun rimas, macam sembahyang di Bangladesh pula. Jadi saya rasa Yang Berhormat, perjanjian cantik, penguatkuasaan itu yang perlu dipertingkatkan lagi. Yang Berhormat setuju tidak dengan saya? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

■1700

Datuk Ng Chiang Chin: Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah. Saya amat setuju, fasal *administration* memang bagus diperkenalkan oleh kerajaan, yang tidak tahannya *the Little Napoleon* yang ada kuasa, sedikit-sedikit setengah paku dengan satu *line* itu masalah besar. Jadi, saya rasa negara kita kalau hendak

membangun ke hadapan, kita memang bergantung kepada pekerja asing dan *new mechanism must be found* dan *the Little Napoleon* kalau boleh, *they must leave the industry*. Terima kasih.

Izin saya sambungkan ucapan saya. Saya faham akan kebimbangan tentang pekerja asing haram dan masalah lambakan pekerja asing di Malaysia. Akan tetapi, saya berpendapat bahawa kemasukan pekerja asing bukan harus dihalang, tetapi dikawal selia secara efektif. Ini harus dimasukkan dalam dasar pekerjaan asing baru. Kerajaan harus menjalankan urusan pengambilan pekerja asing secara langsung G2G, *government-to-government, no broker*, tidak perlu pakai, terus.

Di antara kerajaan, majikan turut diwajibkan membuat permohonan melalui sistem *online* tanpa melalui orang tengah, yang Datuk Mi- kata itu. Kita buang Tok Bui. Orang Kelantan panggil "Tok Bui", orang Kuala Lumpur panggil orang tengah. Tok Bui lebih tepat daripada orang tengah.

Ini selaras dengan seruan Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia. Kerajaan perlu tamatkan khidmat orang tengah, dipanggil khidmat orang tengah. Bagi saya, ini bukan khidmat orang tengah, ini Tok Bui, bukan khidmat, dia cari makan.

Agensi pekerjaan swasta dan broker, ini dia broker, yang menguruskan pekerja asing, ini kerana urusan membawa masuk pekerja asing sudah menjadi peluang perniagaan. Kurangnya ketelusan dalam perjanjian persefahaman di antara kerajaan turut menyebabkan pekerja asing dikenakan caj lebihan oleh broker tidak bertanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan perlu ada pendirian jelas mengenai peranan pekerja asing berkemahiran rendah dalam ekonomi Malaysia. Pekerja-pekerja ini memainkan peranan penting dalam menyokong perkembangan ekonomi negara. Sumbangan mereka tidak boleh dinafikan. Dengan itu, kerajaan seharusnya mengenal pasti sektor-sektor yang paling memerlukan pekerja asing untuk menyokong pertumbuhan produktiviti dan penaikan taraf sektor.

Selain itu, pelaksanaan dan perubahan dasar perlu dilakukan secara beransur-ansur atau berperingkat dengan maklumat yang jelas disampaikan kepada pihak kepentingan dalam sektor berkenaan. Ini bukan memudahkan penyesuaian dan mengurangkan tentangan daripada sektor.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, minta kerjasama untuk menggulung. Sila.

Datuk Ng Chiang Chin: Hendak gulung?

Timbalan Yang di-Pertua: Sila.

Datuk Ng Chiang Chin: Tuan Yang di-Pertua, yang belakang yang sedap itu. Hendak sambung esok?

Timbalan Yang di-Pertua: Teruskan.

Datuk Ng Chiang Chin: Teruskan, lima minit okey?

Timbalan Yang di-Pertua: Dua minit.

Datuk Ng Chiang Chin: Selain itu, pelaksanaan dan perubahan dasar perlu dilakukan secara beransur-ansur atau berperingkat dengan maklumat yang jelas disampaikan kepada pihak berkepentingan dalam sektor berkenaan. Ini bagi memudahkan penyusunan dan mengurangkan tentangan daripada sektor. Pada masa yang sama juga, iaitu mengurangkan risiko pembalikan dasar sekiranya peralihan ini gagal mencapai objektif.

Saya berpendapat bahawa pembaharuan atau perubahan dalam dasar baru ini mestilah dilengkapi dengan pematuhan dan penguatkuasaan yang berkesan terutamanya berkaitan dengan proses pengambilan pekerja asing dan pekerja asing tanpa izin. Jika ia tidak ditangani dengan baik, maka hanya membazirkan usaha untuk memperketat dasar pekerja asing.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali sempena bulan kemerdekaan 2018, saya ingin menegaskan di sini bahawa perkataan pendatang harus dilarang sama sekali. Kita tidak harus mengulangi perkataan tersebut pada masa depan, terutamanya setelah Kerajaan Pakatan Harapan yang baru mengambil alih kuasa pentadbiran negara dengan menandakan bahawa kerajaan memasuki era baru yang telah di demokratik dan matang dari segi budaya, sosial dan politik.

Perkataan tersebut yang diulangi oleh ahli-ahli politik pada masa silam tidak harus dilanjutkan ke era baru Malaysia pada hari ini. Saya kesali tindakan mereka yang menghina dan mengecam asal usul seseorang atau komuniti dalam masyarakat Malaysia yang majmuk. Malahan, tindakan mereka disokong oleh sekelompok individu yang berkongsi fikiran sempit yang sama disebabkan oleh pertalian politik yang partisan. Saya harap bahawa pemimpin-pemimpin politik dari kedua-dua pihak sama ada PH atau Barisan Nasional harus menunjukkan contoh teladan yang baik. Jangan mempolitikkan berdasarkan unsur kaum atau agama.

Mana-mana individu atau kumpulan yang didapati menggunakan perkataan itu atau sebarang kenyataan atau tindakan yang menyinggung perasaan orang lain sehingga menjejaskan keamanan dan kehormatan, keharmonian masyarakat, harus ditahan dan didakwa mengikut undang-undang yang telah dikuatkuasakan seperti Akta Hasutan dan seksyen 293 Kanun Keseksaan. Kita semua adalah Malaysia, tanpa mengira asal usul, latar

belakang kaum, agama atau budaya. Kita tidak harus mempertikaikan lagi status dan identiti sesama kita sebagai warga Malaysia.

Saya ingin menegaskan lagi bahawa sifat kepelbagaian dalam masyarakat kita harus dihargai dan diterima sebagai keunikan dan kelebihan kita. Bukannya kelemahan, malahan ia tidak harus dijadikan sebagai alasan atau sebab untuk mengadakan konflik dan perpecahan.

Dalam bulan kemerdekaan dan masa depan yang selanjutnya, saya berharap bahawa perkataan pendatang tidak lagi digunakan oleh mana-mana individu atau kumpulan. Kita akan menunjukkan persefahaman dan komitmen untuk memupuk perpaduan dan keharmonian di antara anggota masyarakat. Saya berharap bahawa dasar-dasar kerajaan seterusnya pada masa depan akan mencerminkan keazaman kita untuk hidup dan membangun secara bersama sebagai rakyat Malaysia. Persaingan politik tidak harus dijadikan sebagai alasan untuk memanjangkan konflik dan perpecahan. Sudah tiba masanya kita berdamai dan fokus terhadap pembangunan negara atau komuniti dalam masyarakat Malaysia yang majmuk.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata saya setuju dan sokong sepenuhnya Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah menyentuh semua topik dan isu yang diambil berat oleh masyarakat Malaysia. Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong juga adalah sangat menyeluruh, padat, mampat dan membina.

Saya yakin ia akan menjadi galakan untuk semua dalam Dewan ini untuk mendekati isu dan fenomena semasa dengan wajar dan tepat. Marilah kita semua memastikan Malaysia akan terus bersatu dan maju bersama ke arah sebuah negara yang berpendapatan, bertanggungjawab dan berpengetahuan tinggi. Maka dengan ini, saya memohon mencadangkan Usul Menjunjung Kasih Titah Tuanku Yang di-Pertuan Agong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Ng Chiang Chin.

Dan sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Ananthan a/l Somasundaram, silakan.

5.09 ptg.

Dato' Dr. Ananthan a/l Somasundaram: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Salam sejahtera, salam hormat kepada Ahli-ahli Dewan yang saya muliakan.

Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan jutaan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan laluan kepada saya untuk membahaskan Usul Menjunjung Kasih Titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

■1710

Menjunjung kasih Tuanku kerana telah merangkumkan isu-isu yang ada kaitan dengan pembinaan negara, bangsa yang dinamik di bawah pemerintahan Kerajaan Pakatan Harapan supaya pemimpin yang baru dilantik akan melaksanakan tanggungjawab dengan penuh taat dan jujur.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha menyejahterakan masyarakat India di negara ini, Kerajaan Barisan Nasional telah melancarkan pelbagai inisiatif bagi meningkatkan sosioekonomi melalui *Malaysian Indian Blueprint* (MIB) pada 23 April 2017. Pelan tindakan yang akan dilaksanakan selama 10 tahun dalam usaha membawa masyarakat India di negara ini ke tahap yang lebih cemerlang dan gemilang dalam bidang sosial, politik, pendidikan dan ekonomi.

Dalam pada itu, saya juga menyambut baik cadangan Kerajaan Pakatan Harapan untuk menyediakan dana khas sebanyak RM4 bilion yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy untuk pembangunan sosial dan ekonomi masyarakat India khususnya daripada kumpulan isi rumah berpendapatan rendah untuk tempoh masa 10 tahun yang akan datang.

Di sini saya ingin mendapatkan penjelasan daripada pihak kerajaan, apakah mekanisme yang dikenal pasti untuk menyalurkan bantuan ini kepada masyarakat India dan adakah pelan tindakan MIB ini yang digubal oleh kerajaan terdahulu akan diteruskan lagi dalam usaha memperkasakan masyarakat India.

Perkara yang seterusnya ialah pengumuman kerajaan untuk memberikan taraf kerakyatan kepada 3,407 orang India yang masih lagi tidak menikmati hak sebagai warganegara Malaysia selama ini. Walaupun mereka lahir dan menetap sekian lama di tanah air tercinta ini. Terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah mengumumkan berita baik ini walaupun kerajaan terdahulu telah memulakan usaha untuk mendapatkan taraf kerakyatan kepada masyarakat India yang tercicir melalui pelbagai program-program khas seperti MyData anjuran *Special Implementation Task Force*, dengan izin, SITF di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Selain daripada itu, saya ingin menyeru kepada pihak kerajaan supaya meneliti satu lagi isu pemilikan dokumen di kalangan kanak-kanak yang tercicir untuk memiliki dokumen Sijil Lahir. Tanpa Sijil Lahir, kanak-kanak yang malang ini tidak diterima dalam sistem pendidikan di negara kita untuk memulakan persekolahan mereka. Pendidikan awal kanak-kanak adalah sangat penting untuk perkembangan kognitif dan sosial kanak-kanak. Dengan adanya dokumen-dokumen yang berkenaan, kanak-kanak ini akan dapat menikmati alam persekolahan mereka pada peringkat umur yang betul. Justeru, saya merayu supaya pihak

kerajaan dapat mempercepat tindakan untuk menyelesaikan isu ini kerana ia boleh menjejaskan masa hadapan mereka dan akan mengundang banyak lagi masalah sosial di kalangan masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, pendidikan memainkan peranan yang utama bagi pertumbuhan ekonomi dan pembangunan sesebuah negara. Proses pengajaran dan pembelajaran yang berlaku di dalam bilik darjah merupakan pertunjuk terbaik bagi kemajuan masa depan sesebuah negara.

Justeru pada bulan Oktober 2011, Kementerian Pendidikan telah melancarkan kajian semula sistem pendidikan negara secara holistik dalam usaha membangunkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia yang baru. Keputusan melaksanakan kajian semula sistem pendidikan yang dibuat dalam konteks standard pendidikan antarabangsa yang kian meningkat peningkatkan aspirasi negara dalam mempersiapkan generasi muda untuk menghadapi keperluan abad ke-21 dan peningkatan harapan ibu bapa serta masyarakat terhadap dasar pendidikan negara.

Sehubungan dengan itu, saya ingin membangkitkan beberapa isu yang berkaitan dengan senario pendidikan yang timbul baru-baru ini. Pertama, mengapakah Kementerian Pendidikan tidak sensitif atau mengambil sikap sambil lewa terhadap pelantikan Ahli Majlis Penasihat Pendidikan Kebangsaan, di mana tiada seorang pun wakil ahli akademik yang mempunyai latar belakang pengajian Tamil untuk turut serta dan memberikan sumbangan yang membina terhadap pembangunan dan hala tuju sekolah-sekolah Tamil di negara ini. Apakah Yang Berhormat Menteri sudah lupa akan kewujudan sekolah-sekolah Tamil yang termaktub dalam sistem pendidikan Malaysia.

Kalau dahulu Kerajaan Barisan Nasional telah melantik seorang Timbalan Menteri yang menjalankan tugas-tugas dalam menjaga hal ehwal pembangunan sekolah Tamil. Akan tetapi, dalam era Kerajaan Pakatan Harapan adakah Yang Berhormat Menteri sendiri sudah bersedia untuk turun padang bagi menjaga dan menyelesaikan hal-hal yang berkaitan dengan sekolah Tamil di negara ini. Saya rasa sangat mustahil bagi Yang Berhormat Menteri.

Ini kerana untuk melaksanakan tugas-tugas tersebut kerana skop Kementerian Pendidikan sudah menjadi lebih luas lagi, di mana Kementerian Pengajian Tinggi turut di bawah kawalan Yang Berhormat Menteri. Saya juga ingin meminta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri Pendidikan berkaitan dengan pelantikan Ketua Penyelia sekolah Tamil yang masih belum diisi sejak 19 Mei 2018. Adakah perkara ini dalam pengetahuan Yang Berhormat Menteri Pendidikan? Ataupun terdapat masalah untuk mengenal pasti calon yang sesuai untuk dilantik ke jawatan ini.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini timbul lagi satu masalah dan isu di sebuah sekolah di negeri Kedah, di mana pelajar terpaksa menduduki peperiksaan pada hari kedua sambutan Hari Deepavali. Apakah pihak pentadbiran sekolah ini kurang sensitif terhadap perkara ini sehinggakan para ibu bapa terpaksa campur tangan dan membawa perkara ini untuk perhatian pihak yang berwajib.

Untuk itu, saya berharap Kementerian Pendidikan dapat mengambil tindakan yang segera serta mengeluarkan surat pekeliling dan garis panduan kepada semua sekolah di Malaysia supaya perkara sedemikian tidak berulang lagi di masa akan datang khususnya pada musim perayaan.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan Malaysia hanya melihat kepentingan universiti berbanding dengan Institut Pendidikan Guru (IPG) di mana kedua-dua entiti ini mempunyai hala tuju yang sama dalam melahirkan graduan yang memenuhi pasaran kerja semasa. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Menteri Pendidikan, IPG di negara ini mempunyai sejarah yang panjang dalam menganugerahkan sijil ikhtisas sehinggalah ijazah perguruan yang tidak kurang nilainya...

Tuan Chandra Mohan a/l S.Thambirajah: Tuan Yang di-Pertua, ini berkenaan dengan Deepavali, *clashing* dengan peperiksaan.

Adakah Yang Berhormat sedar bahawa Kementerian Pelajaran telah keluaran satu kenyataan fasal saranan Yang Berhormat ialah supaya *ministry* keluar satu *circular*. Akan tetapi pada 23 Ogos, *ministry* sudah keluaran satu *circular* untuk *postpone exam* dan dalam *circular* itu *ministry* menyatakan supaya sekolah-sekolah kena ikut garis panduan. So, pada saya benda ini sudah berlaku. So, *it serve no purpose* untuk minta sekali lagi. Kalau hendak saya boleh *forward circular* itulah.

■1720

Dato' Dr. Ananthan a/l Somasundaram: Terima kasih, Yang Berhormat Senator. Saya buat kenyataan di sini, saya berucap di sini supaya perkara ini tidak diulang. Selalunya perkara ini diulang. Memang perkara ini telah pun diselesaikan oleh sekolah tersebut. Mungkin sekolah itu lupa tengok pekeliling. Kadangkala ada juga pegawai-pegawai pendidikan ini mereka lupa tengok *circular*. Terima kasih, Yang Berhormat.

Baru-baru ini Yang Berhormat Menteri Pendidikan telah mengeluarkan beberapa kenyataan di Parlimen yang mengecewakan warga pendidik yang bertugas di IPG seluruh negara, di mana beliau menyatakan bahawa Institut Pendidikan Guru bukannya pilihan yang *favorite*, dengan izin, dalam kalangan pelajar yang ingin melanjutkan pengajian mereka ke peringkat Ijazah Sarjana Muda. Ini merupakan satu kenyataan yang salah di mana setiap tahun pelajar lepasan SPM yang membuat permohonan untuk mengikuti pengajian di IPG

adalah melebihi 30,000 orang. Ini jelas menunjukkan bahawa Yang Berhormat Menteri Pendidikan membuat kenyataan tanpa merujuk kepada fakta yang benar.

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan, sejauh manakah Yang Berhormat Menteri sudah berbincang dengan pihak Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) mengenai isu-isu yang masih belum selesai di IPG khususnya penutupan beberapa IPG, dan apakah tindakan diambil oleh Kementerian Pendidikan Malaysia setakat ini?

Saya mohon Yang Berhormat Menteri bertindak secara profesional untuk melihat ke hadapan peranan IPG dan kebajikan pensyarah-pensyarah yang telah mencurahkan kepakaran mereka selama ini demi memartabatkan sistem pendidikan negara. Kalau bukan Yang Berhormat Menteri, siapa lagi yang hendak menjaga kebajikan pensyarah? Pensyarah di IPG yang sering kali berhadapan dengan kejutan penyuraian.

Saya masih ingat lagi Yang Berhormat Menteri dalam kempen pilihan raya telah berjanji untuk mengurangkan tekanan kerja terhadap warga pendidik. Akan tetapi, mengapa Yang Berhormat Menteri mengambil sikap berkecuali dalam hal yang berkaitan dengan IPG ini? Sedangkan para pensyarah IPG juga tergolong dalam kategori DG di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia.

Dengan yang demikian, saya berharap langkah Kementerian Pendidikan Malaysia menukar fungsi beberapa IPG yang dibentangkan tadi oleh Yang Berhormat Senator dari Sarawak ini perlu dikaji semula supaya IPG kekal sebagai institusi pendidikan guru yang mempunyai sejarahnya yang tersendiri.

Tuan Yang di-Pertua, sejak kebelakangan ini, kita dapat membaca berita mengenai penipuan '*Macau Scam*' di akhbar dan media sosial. Ramai yang telah menjadi mangsa dan kehilangan wang jutaan Ringgit. Mengapa pihak yang bertanggungjawab masih tidak dapat mengatasi masalah ini sehingga hari ini?

Isu ini menunjukkan bahawa terdapat kelemahan dalam penguatkuasaan oleh pihak PDRM. Walaupun terdapat tangkapan di sana sini, sindiket penipuan ini masih belum diatasi dengan tindakan yang kurang berkesan oleh pihak Polis Diraja Malaysia. Jika sekiranya PDRM mempunyai masalah kepakaran, sila dapatkan khidmat kepakaran dari negara luar kerana isu ini semakin meruncing sejak kebelakangan ini. Untuk itu, saya inginkan penjelasan daripada Kementerian Dalam Negeri bagi menyatakan apakah masalah yang dihadapi oleh pihak PDRM untuk membendung terus kegiatan ini?

Tuan Yang di-Pertua, secara umum, kita mengetahui bahawa masyarakat India akan menunaikan upacara sembahyang dan membayar nazar di negara India setiap tahun. Perkara ini sudah diamalkan sejak berzaman oleh masyarakat India di negara ini berdasarkan kemampuan mereka.

Akan tetapi, baru-baru ini Kerajaan India telah mengumumkan- bukan Kerajaan Malaysia ya. Kerajaan India telah mengumumkan bahawa kenaikan bayaran visa yang melebihi tambang kapal terbang pergi dan balik ke India. Rata-rata anggota masyarakat India telah melahirkan- kalau visa ini, orang Malaysia. Bukan sahaja orang India, orang Malaysia kena ambil. Semua kena. Rata-rata anggota masyarakat telah melahirkan rasa kesal terhadap tindakan Kerajaan India yang menaikkan bayaran visa.

Dalam pada itu, keluhan daripada masyarakat India dalam negara ini langsung tidak mendapat keprihatinan daripada mana-mana pemimpin politik kerajaan yang bergelar Menteri, khususnya empat orang Menteri Kabinet yang mewakili masyarakat India. Saya berharap perkara ini dapat diambil kira secara serius dalam Mesyuarat Kabinet untuk mencari jalan penyelesaian dengan segera.

Tuan Yang di-Pertua, pemberian bantuan BR1M kepada masyarakat yang kurang berkemampuan merupakan pendekatan yang diambil oleh Kerajaan Barisan Nasional bagi meringankan bebanan kewangan kerana peningkatan kos sara hidup yang semakin meningkat. Seramai tujuh juta yang menerima dan menikmati bantuan yang bermula sejak tahun 2012 ini bukan hanya terdiri daripada penyokong tegar dasar-dasar kerajaan pada waktu itu tetapi bantuan ini memang disalurkan kepada semua yang layak tanpa mengira latar belakang politik. Dalam erti kata lain, kumpulan penyokong dan pembangkang dapat menikmati skim bantuan ini.

Baru-baru ini, ada Menteri Kabinet menyatakan bahawa BR1M mempunyai elemen rasuah. Saya berpendapat itu bukan justifikasi yang tepat untuk menghentikan pemberian BR1M kepada rakyat yang memerlukannya. Oleh hal yang demikian, saya ingin mencadangkan kepada Kerajaan Pakatan Harapan supaya mengkaji semula keputusan untuk menghentikan terus bantuan ini sebab ramai di antara penerima BR1M ini bergantung kepada skim ini. Maka pihak kerajaan boleh mengkaji semula secara rasional mekanisme pengagihan bantuan ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya memohon untuk menyokong. Sekian, terima kasih.

5.27 ptg

Dato' Isa bin Ab. Hamid: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam Malaysia baharu. *Bismillahi Rahmani Rahim*. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua yang telah memberi ruang perbahasan Usul Menjunjung Kasih Titah Diraja, Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 17 Julai yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Pakatan Harapan yang telah memenangi Pilihanraya Umum Keempat Belas yang lalu. Rakyat telah membuat pilihan, kita hormati pilihan rakyat. Inilah demi demokrasi.

Saya harap kerajaan dapat menunaikan sebanyak mungkin manifesto dan janji yang telah dinyatakan kerana janji adalah maruah moral yang mesti ditunaikan terutamanya usaha-usaha untuk meringankan beban rakyat, meningkatkan pendapatan rakyat lebih-lebih lagi masyarakat luar bandar, masyarakat B40 dan masyarakat Orang Asli.

Di kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada kerajaan Pakatan Harapan di bawah pimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad dan Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Dr. Wan Ismail, Timbalan Perdana Menteri kerana melantik seorang lagi Senator di Dewan Negara yang mulia ini, Senator daripada kaum Orang Asli iaitu Yang Berhormat Senator Tuan Manolan bin Mohamad. Semoga langkah yang dibuat oleh PKR ini dapat dicontohi oleh DAP untuk melantik seorang lagi Senator Orang Asli. Saya ucapkan tahniah kepada sahabat saya Tuan Manolan bin Mohamad supaya kita dapat bekerjasama dalam menentukan hala tuju pembangunan dan kebajikan masyarakat Orang Asli.

Tuan Yang di-Pertua, masa sudah habis. Boleh saya sambung?

Timbalan Yang di-Pertua: Sila.

Dato' Isa bin Ab. Hamid: Saya mewakili masyarakat Orang Asli Malaysia mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad, kerana telah mengiktiraf satu perayaan Orang Asli atau Orang Asal yang dijangka akan disambut pada 29 September ini. Ini merupakan sejarah Orang Asli dalam Kerajaan Malaysia baharu.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya minta Yang Berhormat sambung pada hari esok.

Dato' Isa bin Ab. Hamid: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, saya berada di Dewan yang mulia ini pada 2.30 tadi. Saya rasa saya masih bertenaga lagi sebab saya mendengar banyak Yang Berhormat yang arif bijak pandai tadi mengeluarkan pendapat yang sangat memberangsang. Banyak ilmu saya dapat petang ini bila dengar ucapan-ucapan daripada keluarga saya- Ahli-ahli Yang Berhormat ini. Tahniah dan rasa muda lagi.

Rata-rata yang menyebut itu hendak beri semangat, hendak membuat bakti kepada orang-orang dia, hendak balas budi orang dia, buat budi. Itu teringat saya satu pantun berbunyi:

*Pokok serai daun keladi,
Hidup subur di sungai seberang,
Bukan budi sebarang budi,
Budi baik dikenang orang... [Tepuk]*

Dengan itu juga, Ahli-ahli Yang Berhormat, jam sudah lebih pada 5.30 petang, maka mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Khamis, 30 Ogos 2018. Sekian. *Assalamualaikum.*

[Dewan ditangguhkan pada pukul 5.32 petang]